

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

| | | |
|----------------|---------------|---------------------|
| Bil. 14 | Selasa | 22 Ogos 2017 |
|----------------|---------------|---------------------|

K A N D U N G A N

| | | |
|--|----------|-----|
| MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI | (Halaman | 1) |
| PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalukan Pelantikan Seorang Ahli | (Halaman | 1) |
| USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman | 2) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman | 2) |
| RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Membaharui Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 | (Halaman | 30) |
| Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2017 | (Halaman | 61) |

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 22 Ogos 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BARU

1. Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung
[Majlis Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEORANG AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan lantikan baru Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ahli Dewan Negara. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan perenggan (b), Fasal 1, Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan di mana ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung sebagai Ahli Dewan Negara untuk tempoh selama tiga tahun berkuat kuasa mulai hari ini.

Pelantikan tersebut merupakan satu pengiktirafan dan peluang baru kepada Yang Berhormat untuk memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara. Yang Berhormat diharap akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini. Saya juga yakin Yang Berhormat akan patuh kepada ikrar taat setia Perlembagaan Negara, peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam piagam negara yang menekankan antara lain keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjiwai demokrasi berparlimen.

Demokrasi adalah konsep yang indah dan perlu dibina atas landasan keperibadian yang beradab dan bersopan disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat yang mulia dan luhur adalah penting ditonjolkan sebagai contoh teladan yang terpuji bukan sahaja dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen tetapi jauh penting lagi dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda. Dengan itu, saya percaya Yang Berhormat akan bantu memperkasakan imej Parlimen di negara ini sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Yang Berhormat akan mendukung visi rakyat secara gigih ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.09 pg.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

■1010

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan persefahaman dan kesepaduan (*solidarity*) umat Islam di negara ini khususnya yang berpunca dari segi perbezaan fahaman politik dan mazhab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk mengalu-alukan pengangkatan sumpah Ahli Dewan pada hari ini iaitu seorang Senator baru dan juga tahniah kepada yang telah pun baru juga dilantik dan juga yang disambung.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk menyatakan bahawa betapa Dewan yang mulia ini dalam mengalu-alukan pelantikan Senator baru sebagaimana yang telah diungkapkan oleh Tuan Yang di-Pertua, merupakan cerminan kepada rakyat Malaysia keseluruhan. Kesegaran perbahasan, perbincangan dan juga perbahasan yang mempunyai kebijaksanaan akan menjadikan negara kita Malaysia lebih maju di masa depan.

*Kapal dagang daripada seberang
Sarat muatan kayu meranti,
Daripada jauh tuan datang,
Saya sudi jawab soalnya nanti.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Dalam konteks ini, kerajaan menerapkan konsep *wassatiyyah* mengungkap daripada Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Umat yang sederhana itu- *wassatiyyah* yakni merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, kecemerlangan dan keadilan dalam pelaksanaan dasar-dasar negara dalam kehidupan bermasyarakat melalui pendekatan *wassatiyyah* ini yang mampu menjadi wadah penyatu ke arah kehidupan yang lebih harmoni di samping menyantuni kepelbagaian pendapat.

Dengan demikian, perbezaan pandangan dapat diatasi dan seterusnya meningkatkan kesepaduan di negara ini. Oleh sebab itu, asas besarnya ialah kita berpijak kepada apa yang disarankan oleh Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Apabila kita ada pertelingkahan dan juga perbezaan pandangan, maka kembalilah kepada apa yang telah ditinggalkan dan dipesankan iaitu kepada Allah dan Rasul iaitu merujuk kepada hadis dan sebagainya.

Selain itu, kerajaan daripada semasa ke semasa menyediakan platform percambahan ilmu dan pendapat dalam kalangan ulama seluruh Malaysia melalui pelbagai program berkala. Antaranya adalah melalui program Majlis Perundingan Islam (MPI) yang telah menyediakan satu platform kumpulan pemikir berbincang mengenai hal ehwal agama Islam dan berfungsi sebagai wadah yang menyatukan umat Islam di negara ini.

MPI yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan mengambil kira semua fahaman-fahaman politik, bahkan termasuk perbezaan NGO dan juga perbezaan daripada parti-parti yang mereka dokong berada dalam Majlis Perundingan Islam ini. Jadi dalam erti kata yang lain, bahawa kerajaan tidak bercakap secara kosong tetapi kita telah melaksanakan apa yang kita katakan ke arah untuk menyediakan satu kekuatan kerana pandangan daripada kalangan masyarakat yang bertitik tolak kepada... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Kamu adalah suatu umat yang terpilih.*" Maknanya dalam erti kata yang lain, mereka yang terpilih itu ialah mereka yang mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.

Tuan Yang di-Pertua, objektif penubuhan MPI ini adalah untuk mengerat dan mengukuhkan kerjasama serta hubungan antara kerajaan dengan para cendekiawan Islam dan ulama dalam

mencari pendekatan membantu kerajaan merealisasikan agenda transformasi pembangunan negara menurut landasan syarak. Peranan MPI adalah seperti berikut:

- (i) menjadi *think tank* ke arah membantu kerajaan dalam memberikan idea dan cadangan yang bernas dalam melaksanakan agenda transformasi pembangunan negara selaras dengan kehendak syariat Islam;
- (ii) memberikan nasihat, pandangan, ulasan dan cadangan terhadap pelbagai isu yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal Islam dan kepentingan umat Islam di Malaysia;
- (iii) menilai dan menimbang sebarang cadangan bagi meningkatkan pengamalan dan penghayatan Islam dalam pembangunan dan pentadbiran negara; dan
- (iv) menggabungkan kepakaran daripada pelbagai bidang bagi merealisasikan kegemilangan dan keagungan tamadun Islam.

Kerajaan juga sentiasa menekankan isu perpaduan di kalangan orang-orang Melayu dan Islam dan juga lain-lain tanpa mengira perbezaan pandangan dan ideologi politik. Penubuhan Sekretariat Ulama dan Umara bertitik tolak daripada apa yang nabi pesankan... [*Membaca sepotong hadis*] iaitu apabila ada dua jenis golongan manusia ini, apabila mereka ini baik, maka baiklah semua golongan manusia keseluruhannya dan juga apabila mereka rosak iaitulah akan menyebabkan kerosakan seluruh daripada masyarakat dan juga negara ini iaitulah *al-ulama wal-umara*.

Oleh sebab itulah kerajaan telah menubuhkan wadah perpaduan antara ulama dan umara yang berperanan menyusun, menyelia program dialog, forum dan lain-lain aktiviti melalui kerjasama *smart partnership* dengan agensi kerajaan, swasta, yayasan, badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain.

Pada masa yang sama, agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) juga merupakan platform yang disediakan oleh kerajaan bagi mendapat pandangan khususnya ke arah memantapkan kesepaduan hidup bermasyarakat di mana kita melihat Rasulullah berpesan... [*Membaca sepotong hadis*] Setiap insan, anak-anak yang dilahirkan ini, dia telah pun dilahirkan secara fitrah. Fitrah dalam pengertian bahawa suci bersih, tidak ada dosa dan kesilapan dan ia adalah mengikut acuan yang dibentuk oleh ibu bapa masing-masing.

Kesimpulannya, kerajaan komited untuk memastikan umat Islam hidup bersatu padu atas dasar akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* selaras dengan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 5 Mei 1996 bahawa umat Islam Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berlandas kepada pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dari sudut akidah, syariah dan akhlak.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Menteri itu banyaknya menyeluruh. Saya ucap penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Cuma, soalan tambahan saya, dalam persefahaman dan perpaduan umat Islam di negara kita ini supaya dapat diperkukuhkan dengan pendekatan *amar makruf, nahi mungkar*, sebagaimana

gesaan dalam Al-Quran seperti ayat 1 hingga 5 Surah *Al-Muddaththir*, ayat 104 Surah *Al-Imran* dan lain-lain ayat. Perpecahan itu sudah terbukti merugikan negara serta melemahkan ummah. Perpecahan mazhab juga berpotensi menjadi besar dan barah sehingga tercetusnya peperangan di kalangan orang Islam seperti mana yang berlaku dalam sejarah Islam dan perkembangan terkini di negara-negara Timur Tengah.

Daripada fahaman dan mazhab yang melampau ini juga tercetusnya keganasan seperti IS, DAESH, Al-Maunah dan sebagainya. Inilah yang menyebabkan Islam itu dilihat sebagai menggalakkan keganasan atau *terrorist*, walhal ajaran Islam yang sebenarnya adalah sebaliknya yakni sejahtera, toleransi, *wassatiyyah* serta adil kepada semua bangsa dan agama mahupun sejagat.

Adakah kerajaan bercadang menyediakan *syllabus*- kebetulan juga Menteri Pelajaran pun ada bersama. Dari pra sekolah lagi hingga ke IPT bagi membendung betapa pentingnya kita berpegang kepada satu ajaran ataupun pegangan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu ajaran atau pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* supaya umat Islam di negara kita ini tidak mudah didoktrinkan atau dipesongkan oleh fahaman yang sesat lagi menyesatkan serta merosakkan imej Islam itu sendiri?

■1020

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang seterusnya adakah kerajaan bercadang menubuhkan badan khas atau jawatankuasa khas seperti mana yang disebut oleh MPI tadi. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan bercadang mengadakan muzakarah di peringkat kebangsaan bagi mengumpulkan semua ulama dan umarak? Walaupun sudah pun di ada, pemimpin politik, *NGO's*, pemimpin masyarakat untuk mencari titik persefahaman bagi meningkatkan perpaduan umat Islam di negara kita ini.

Apakah langkah kerajaan yang terkini bagi membendung ajaran sesat juga daripada penyebaran seperti ajaran Syiah di negara kita ini, khususnya di kalangan pelajar-pelajar di IPT dan sebagainya? Sejauh manakah kita mengadakan penguatkuasaan bagi mengekang penyebaran ajaran Syiah ini? Oleh kerana ia ia sudah pun menjadi gejala yang tidak baik kepada umat Islam di negara kita ini. Kalau kita biarkan ia, saya yakin dan percaya ia akan menjadi perpecahan yang sangat besar- *nauzubillahi minzalik*. Supaya ia tidak berlaku di dalam negara kita ini.

Saya sangat mengalu-alukan dan menyokong langkah kerajaan, khususnya *King Salman Center for Global Peace*, dengan izin, iaitu pusat keamanan sejagat King Salman untuk menyokong dasar kerajaan kita ialah untuk dasar *wasatiyyah*. Sekian, terima kasih dan saya mohon jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ini bukan satu soalan, banyak soalan. Macam perbahasan, kalau boleh jawablah Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Saya *dok* fikir tadi jawapan saya awal itu sudah panjang sudah, rupanya soalan daripada Senator Dato' Haji Abdul Rahman lagi panjang daripada jawapan saya yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju bahawa betapa kepentingan landasan semangat perpaduan, apatah lagi dalam kelompok masyarakat umat Islam yang kita faham bahawa dalam

konteks negara kita Malaysia ini, kita jumlah orang Islam adalah kelompok yang disebut majoriti. Maka, sepatutnya kelompok ini, ajaran Islam sepatutnya dibawa dalam pengertian yang apa yang kita katakan *rahmatan-lilalamin*. Agama Islam ini diturun untuk membawa rahmat kepada sekalian alam. Dalam pengertian apabila Islam ini diamalkan pada landasan yang sebenar ataupun mengikut acuan yang sepatutnya. Apatah lagi dalam termasuk bukan hanya sekadar pengamalan, bahkan dalam penghukuman sekalipun, walaupun ada kesalahan dan kesilapan... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Apabila kamu menghukum di kalangan manusia itu, hendaklah kamu hukum dengan seadilnya. Walaupun sebenarnya yang dihukum itu adalah orang yang bersalah tetapi penuh dengan kesopanan dan juga keadilan.

Maka, sebab itulah apabila Islam itu diletakkan pada landasan dan juga ikutan ajaran yang sebenar, maka ia memberikan kepada kita suatu bentuk kefahaman dan juga satu masyarakat yang amat harmonis sepatut dan sewajarnya dalam masyarakat di dunia ini. Oleh sebab itu titik tolak tadi Yang Berhormat Senator, apabila Islam ini disebutkan sebagai agama rahmat, maka Nabi pesankan kepada kita dalam menentukan landasan sama ada perpecahan ataupun berlakunya penyelewengan-penyelewengan dan juga kesesatan dalam masyarakat. Apa yang disebutkan bahawa Nabi SAW pesankan kepada kita... [*Membaca sepotong hadis*] Antaranya bermaksud, aku tinggal kepada kamu dua perkara yang menjadi neraca timbangan pegangan kamu iaitulah Al-Quran dan juga Sunah dalam menentukan kamu tidak akan sesat selama-lamanya, selamanya kamu berpegang kepada dua perkara tersebut.

Namun, apabila disebutkan, adakah perlu kita ada silibus? Kebetulan Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga bersama dengan kita, saya fikir kerajaan negara ini telah meletakkan satu landasan acuan untuk daripada awal lagi, daripada bukan hanya silibus pendidikan di peringkat biasa, di peringkat tadika pun kita sudah ada bentuk-bentuk. Sehingga ada nama Tadika Perpaduan pun, walaupun nama itu tidak saya maksudkan konotasi yang tepat kepada keseluruhan.

Akan tetapi maknanya, daripada perkataan tadika, naik kepada sekolah rendah dan sampai ke sekolah menengah, termasuk juga pendekatan j-QAF. Bahkan, negara kita Malaysia memperkenalkan, bukan hanya Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dalam konteks dua Yang Berhormat Menteri yang di sana terlibat di dua kementerian ini, ada dua Yang Berhormat Timbalan Menteri lagi yang membantu, yang menunjukkan betapa serius dan kesungguhan negara kita Malaysia untuk hendak mengangkat martabat untuk manusia ini dijalin dan disantuni dengan kekuatan ilmu mereka dalam bidang pendidikan sehingga melahirkan masyarakat yang saya katakan tadi, sebutkan tadi yang begitu hebat yang sepatut dan sewajarnya.

Kita melihat bahawa, selain daripada tadi saya sebut di awal Yang Berhormat Senator bahawa kerajaan telah menubuhkan juga MPI. Ini juga merupakan medium, mekanisme, landasan ke arah untuk Majlis Perpaduan Islam (MPI) ialah untuk memberikan input, memberikan cadangan, memberikan apa-apa sahaja yang ke arah untuk mengharmoniskan negara, bukan hanya umat Islam, termasuk juga yang bukan Islam, rakyat Malaysia yang 30 juta yang berada dalam konteks negara kita Malaysia. Bayangkan kalau kita tengok hari ini kita main sukan- Sukan SEA. Saya ingat semua Yang Berhormat-Yang Berhormat duduk seberang sana, duduk seberang sini, dalam Dewan yang mulia, Dewan Negara ini, kita juga turut tumpang bangga pencapaian negara. Ini merupakan

sebahagian daripada medium, landasan perpaduan yang ingin kita lihat. Jadi, semalam tahniahlah pasukan bola sepak menang. Cuma saya malam tadi saya pergi tengok takraw. Takraw kalah pula...
[Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam hal yang berkaitan dengan ke arah membendung masalah daripada kesesatan dan sebagainya, JAKIM dan agensi-agensi agama di peringkat Persekutuan seperti mana IKIM-nya, seperti mana YaPEIM, YADIM dan sebagainya, termasuk juga Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam di peringkat negeri-negeri dan bekerjasama dengan pihak polis untuk menguatkuasakan berlakunya penyelewengan-penyelewengan. Ia bukan hanya sekadar Syiah tetapi termasuk selain daripada itu yang berada di Malaysia ini yang kalau sekiranya ia boleh memberikan kegugatan ataupun membina persepsi yang salah dan akhirnya sensitiviti kepada masyarakat umat yang kita cuba elakkan. Sepatutnya kita juga tumpang berbangga bahawa apabila King Salman datang ke Malaysia, perkara utama yang telah beliau usulkan, *King Salman* minta supaya diwujudkan satu *centre* untuk melahirkan semangat perpaduan.

Satu-satu perkara yang saya fikir King Salman boleh pilih di merata dunia, termasuk negara Arab dan negara-negara lain. Akan tetapi beliau memilih Malaysia kerana mereka melihat model Malaysia adalah merupakan model yang dianggap Islamik dan moden dalam konteks untuk kita membina semangat perpaduan. Kita terima kasih kepada rakyat Malaysia, 30 juta orang daripada pelbagai anutan, bangsa, budaya dan juga bahasa yang di guna pakai. Akan tetapi kita hidup dalam aman, makmur dan tenteram sebagaimana yang telah kita mulai sejak daripada kemerdekaan dan pada tahun ini menyambut merdeka yang ke-60. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera, salam negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu baik. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah usaha kerajaan ke arah membangun dan menguatkuasakan prinsip dan pendekatan bersatu dalam perkara yang disepakati dan saling hormat-menghormati dalam perkara-perkara yang berbeza di kalangan pemimpin dan rakyat yang berbilang kaum dan berbilang agama di negara ini? Itu satu.

Soalan yang kedua, sejauh manakah pembangunan Dasar Wasatiyyah Negara dan penguatkuasaannya setakat ini? Apakah perbezaan di antara Dasar Wasatiyyah dengan Islam Hadhari dan juga Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sebelum ini? Terima kasih.

■1030

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa yang saya juga turut ucap tahniah kerana pelantikan sebelum daripada ini.

Saya fikir kalau saya hendak jawab secara sepenuhnya ini Tuan Yang di-Pertua, perlu ada kuliah khas pula untuk saya ceramahkan pada hari ini. Sebab ini panjang soalnya berkaitan dengan usaha-usaha kerajaan untuk supaya kita melihat bahawa hal-hal yang kita bersama pandangan. Saya suka hendak sebutkan mungkin kerana kebetulan hari ini Dewan Negara hari

terakhir dan telah diusulkan tadi supaya tidak ditamatkan Dewan sehingga selesai, semua senarai telah disusun aturkan.

Jadi saya ambil panjang sikit untuk saya sebutkan bahawa betapa perbezaan-perbezaan ini diuruskan dengan sebaik-baik mungkin dan juga persamaan. Sebab umat Islam sebenarnya khususnya di Malaysia, kita sepatutnya berpegang pada satu landasan, kita mempunyai kiblat yang sama, Ramadan yang sama, hendak raya yang sama, puasa yang sama, tetapi kadang-kadang kesilapan kita menguruskan perbezaan pandangan akhirnya kita berpecah.

Sepatutnya perbezaan pandangan sebagaimana perbezaan mazhab ia menjadi satu landasan pertemuan meraikan perbezaan pandangan yang disebutkan di sana bahawa *khilafu ummati rahmatun* sepatutnya khilaf umat ku menjadi rahmat, jalan keluar kalau kita berpegang kepada Mazhab Syafii bagaimana kita mengamalkan wuduk di Malaysia. Akan tetapi bila kita pergi dekat dengan Arab Saudi kita melihat pendekatan yang mungkin barangkali kita mencari jalan keluar supaya wuduk yang di sana boleh diteruskan dalam keadaan sedikit perbezaan dan sebagainya.

Ini contoh yang saya katakan bahawa menguruskan perbezaan, dalam masa yang sama juga, bagaimana kita dalam hal yang bersama, sepatutnya kita umat Islam kita bersama. Jadi sebab itu dalam hal yang seperti ini kerajaan sentiasa mengalu-alukan, saya sebutkan tadi melalui MPInya, saya sebutkan tadi bahawa melalui landasan apa yang kita namakan sekretariat ulama dan umara, di mana kita duduk bersama-sama di antara pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga termasuk dalam kalangan-kalangan cendekiawan agama boleh memberikan pandangan secara bersekali. Bahkan kalau kita melihat dalam konteks negara pada hari ini, kita mengalu-alukan sangat perbezaan pandangan sebagaimana hari ini kita boleh berbincang dalam keadaan yang terbuka pada perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan negara kita yang berkaitan dengan Islam.

Keduanya ialah, berkenaan apakah perbezaan dia antara *wassatiyyah* hari ini yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, dan juga sebelum daripada itu apa yang disebutkan dengan pendekatan Islam Hadhari ia itulah hadarah satu ketamadunan Islam yang disebut sebagai maju dan juga progresif yang menuju kepada kecemerlangan dan sebagainya. Hubung kait yang sama juga sudah ada disebutkan dengan satu dasar yang dipanggil dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dimulakan pada zaman Tun Mahathir dan juga Tun Abdullah telah menggagaskan kepada Dasar Islam Hadhari dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib.

Kita melihat keseluruhan daripada dasar-dasar yang telah diperkenalkan, ianya mempunyai kesinambungan daripada satu peringkat ke satu peringkat dan peringkat yang terakhir *wassatiyyah*. Di mana daripada peringkat yang disebutkan dengan nilai-nilai Islam mungkin pada waktu itu baru bermula tahap dakwah di dalam konteks negara, jadi penerapan nilai-nilai itu dia berjalan dalam konteks negara dan kemudian begitulah Islam Hadhari diperkenalkan dengan Hadarah ketamadunan dan sebagainya. Hari ini apabila kita mempunyai satu gagasan negara bangsa yang dihormati di dunia apa lagi kita hendak bercakap tidak berapa tahun ini tahun 2020, harapan besar kita negara kita di fajar tahun 2020 pagi tersebut kita dah diletakkan dalam senarai negara maju.

Maka negara maju, dia tidak boleh hanya berjalan di atas maju dalam konteks bangunan ataupun pengangkutan semata-mata, tetapi juga termasuk rakyat yang menjadi pihak yang paling

utama, pemain dan penerajunya. Berada dalam konteks *wassatiyyah*, ia itulah umat yang sederhana... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Manusia umat yang bersederhana tetapi mereka ini adalah merupakan satu *benchmark*, dengan izin, ataupun tanda aras kepada bangsa-bangsa yang lain yang berada di dunia ini. Hari ini orang sudah mula mengakui Malaysia dalam konteks negara-negara Arab, mereka juga melihat kalau di negara Arab Saudi sendiri Tabung Haji adalah contoh terbaik.

Di negara-negara lain mereka termasuk melihat sistem-sistem perbankan yang ada di Malaysia, mereka melihat juga sistem *Ar-Rahnu* yang kita perkenalkan di Malaysia, mereka melihat juga sistem yang seperti mana halal, *benchmark* yang menjadi tanda aras di negara lain. Bahkan lebih besar daripada itu ada yang tidak disebut dengan *trademark* ataupun *brand* Islam sebagai contoh, FELDA yang buka *brand* Islam, sebagai contoh juga kita melihat kemajuan-kemajuan negara kita pada bidang-bidang yang lain yang dikagumi oleh semua manusia yang diamalkan dalam konteks negara menjaga kemaslahatan ummah, BR1M sebagai contoh, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), dan juga Perumahan 1Malaysia (PR1MA) semuanya dia tidak ada *brand* yang dikaitkan dengan Islam, tetapi inilah contoh terbaik yang dinamakan dengan hubung kait *wassatiyyah* yang diamalkan oleh negara kita Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan izinkan saya juga untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan senator yang telah pun membina Dewan ini dengan begitu baik, tetapi akan tinggalkan pada sesi ini dan tidak dapat bertemu pada sesi yang akan datang. Mana Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua tiga orang rakan-rakan yang akan tinggalkan, selamat maju jaya di Dewan yang lain, mungkin kalau berjumpa. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada banyak soalan tambahan dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk Yang Berhormat Menteri kerana untuk perhatian Yang Berhormat Menteri, Menteri jarang datang ke Dewan Negara. So, sekarang soalan tambahan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Saya memang amat berminat dengan Yang Berhormat Dato' Seri Jamil Khir ini, bercakap sedap, ayat al-Quran, hadis fasih. Betul saya akui sekarang ini usaha-usaha kerajaan untuk menyatupadukan umat Islam itu betul. Itu dasar kerajaan, tetapi apa yang berlaku di sebaliknya, kita tengok umat Islam dalam DAP pun ada, dalam PKR pun ada, dalam Amanah pun ada, dalam PAS lagi, dalam UMNO ada. Kita hendak, saya mintalah Majlis Fatwa Kebangsaan ini, boleh keluar *guideline*, betul Nabi SAW bersabda... *[Membaca sepotong hadis]* "Tidak aku utuskan kamu wahai Muhammad SAW melainkan membawa rahmat kepada seluruh alam", betul.

Akan tetapi apa yang berlaku di sebaliknya, Majlis Fatwa ini bila fitnah berlaku, bila orang Islam dah ikut orang kafir, sesungguhnya Yahudi tidak mengikut kamu melainkan kamu ikut dia. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ini? Saya minta Majlis Fatwa ini kena dengan izin, *lead program* ini, apa yang tidak betul, cakap Majlis Fatwa ini *guideline*, baru betul. Kalau cakap pasal agama bolehlah pasal bapa saya imam Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit-sikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri faham... *[Dewan ketawa]*

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Okey. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, saya panggil Abe Lah sahaja. Di mana ini bukan soalan, pandangan daripada Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim untuk supaya Majlis Fatwa mengambil peranan dan perhatian. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan ahli Dewan, sebenarnya kerajaan sentiasa prihatin bahkan termasuk Majlis Fatwa juga melihat.

Sebab itu kita sebagai pemain-pemain politik, pendakwah-pendakwah, begitu juga mereka-mereka yang terlibat dalam NGO yang berhubungan dengan rakyat jelata sekalian harus melihat kepada landasan apa yang saya sebutkan awal tadi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antaranya bermaksud, apabila kamu bertelingkah, bertelagah pada satu perkara dan jaga pada satu-satu yang berkaitan dengan hal, kenalah kamu kembali kepada Allah dan kembali kepada Rasul.

Kalaulah ini landasan yang dapat kita pegang, kita mainkan, kita sungguhi dalam menyantuni ummah ini, maka kita akan dapat melahirkan satu bangsa yang baik. Bahkan sikit, kalau diizinkan saya sebutkan, kadang-kadang kita agak tajam dalam pentas-pentas tertentu, kita tajam dia atas pentas-pentas terbuka dalam kita membina rakyat, akan tetapi rakyat sebenarnya dia hanya mengikut apa yang telah kita sebutkan. Sedangkan pernah berlaku pada zaman khalifah makmum, di mana khalifah makmum satu hari khatib membaca khutbah, tiga kali dalam khutbah dia itu khatib menekankan tekanan sehingga khalifah begitu terasa hati, dia menghina dan merendahkan khalifah.

■1040

Tiga kali Jumaat dia khutbah, Khalifah panggil dia. Wahai Imam, dia kata... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Antaranya, adakah aku ini lebih teruk daripada Firaun dan hang lebih baik daripada Musa? Soalan itu mempunyai satu perlambangan yang begitu tinggi di mana dia tanya, "*Kamu lebih baik daripada Musa*", maksudnya Nabi dan adakah aku ini lebih teruk daripada Firaun. Maka Khatib jawab, tidak. Firaun itu lebih teruk lagi sebab Firaun ini sehingga sampai dia mengaku dia tuhan... *[Berucap dalam bahasa Arab]* "*Aku, tuhan yang paling tinggi sekali aku. Walaupun banyak lagi tuhan-tuhan...*" Firaun pun dia mengaku tuhan ni banyak "*...tetapi aku yang paling tinggi*".

Dia tahu kata ada tuhan Ayah Pin, tuhan Harun, segala mana tuhan, dia tahu dah Firaun ni. Akan tetapi dia kata yang paling tinggi aku. Akan tetapi *hang* tak teruklah, takkan *hang* teruk sebab *hang* tak pernah mengaku jadi tuhan. Maka kata Khalifah makmum, dia kata pernah kah kamu mendengar ayat yang Allah sebutkan di dalam Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "*Pergilah kamu Musa dan Harun bertemu dengan Firaun kerana Firaun ini orang yang melampau kesesatannya sampai mengaku jadi tuhan. Pergi kamu bertemu*". Akan tetapi suruhan Tuhan itu untuk Nabi Musa dan Nabi Harun pergi berjumpa dengan Firaun. Apa Al-Quran ungkapkan? Kata Allah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "*Pergilah kamu dan sampaikan dengan perkataan yang lemah lembut dengan hikmah, dengan kebaikan dengan bahasa yang terbaik*"... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "*Mudah-mudahan dia mendapat hidayah dan petunjuk ataupun dia rasa takut kepada peringatan yang kamu sampaikan*".

Maka kalau begitulah dakwah yang sepatutnya berjalan dalam konteks negara dan juga dalam konteks untuk membangunkan ummah. Mari, tidak kira dalam parti apa yang kita dukung dalam konteks yang ada hari ini, kerajaan yang didukung oleh Barisan Nasional melalui agensi

agama menggerakkan bagaimana kita hendak membangunkan bangsa negara kita Malaysia ini sebab bukan hanya orang Melayu tetapi termasuk semua bangsa yang lain yang ada dalam negara kita Malaysia pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum*.

2. Puan Hajah Rahemah binti Idris minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kaedah yang diguna pakai oleh kementerian bagi menentukan keberkesanan sukatan subjek persekolahan kini yang dikatakan di luar kemampuan pelajar oleh ibu bapa dan guru-guru.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia negaraku.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris di atas soalan yang berkaitan dengan kaedah yang diguna pakai oleh kementerian bagi menentukan keberkesanan sukatan subjek persekolahan kini yang dikatakan di luar kemampuan pelajar oleh ibu bapa dan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita mempunyai sukatan pelajaran daripada kita mula merdeka tahun 1957 dan pada minggu hadapan kita akan menyambut 60 tahun kita merdeka, kita mempunyai sukatan pelajaran yang telah diguna pakai oleh kementerian.

Namun begitu, tiap-tiap beberapa tahun sekali sukatan pelajaran ini akan diubahsuai berdasarkan kepada keadaan semasa dan kesesuaian sesuatu sukatan mata pelajaran di sekolah. Dalam sukatan pelajaran ini, kita bahagikan kepada tiga iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang dikenali sebagai KSPK pada tahun 2010, dan yang keduanya dipanggil sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dilaksanakan mulai tahun 2011. Kedua-dua kurikulum ini disemak semula dan mula dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2017. Kurikulum Standard Sekolah Menengah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat dari dahulu sehingga hari ini, kita mempunyai kecenderungan yang jelas iaitu yang dipanggil *exam oriented*. Kita lebih kepada sistem hafalan yang digunakan sama ada di peringkat UPSR ataupun di sekolah menengah. Rata-rata kita bergantung pada sepenuhnya jumlah peperiksaan yang diwujudkan di peringkat menengah dan rendah dan proses ini telah berlaku begitu lama. Apabila 2011 untuk sekolah rendah mula diperkenalkan hal-hal yang berkaitan dengan apa yang dipanggil *higher order thinking skills*, dengan izin, kemahiran berfikir aras tinggi mula diserapkan dalam kurikulum, dalam subjek.

Saya ambil contoh UPSR 2016 adalah *cohort* yang pertama di kalangan anak-anak sekolah selepas enam tahun mereka bersekolah. Maksudnya darjah satu 2011 dan darjah enam pada tahun 2016. Maka UPSR yang telah diubahsuai berasaskan kepada elemen kemahiran berfikir aras tinggi dimasukkan. Maka bermulalah pengubahsuaian hal yang berkaitan dengan kemahiran berfikir untuk anak-anak. Apa yang berlaku ialah soalan peperiksaan itu tidak 100 peratus objektif yang dahulu semua soalan itu adalah soalan objektif. Sebanyak 40 soalan, semua soalan objektif. Akan tetapi bila datang pengubahsuaian itu, diletakkan Penulisan dan Pemahaman. Bahasa Malaysia Kertas 1 dan Kertas 2; Bahasa Inggeris Kertas 1 dan Kertas 2; dan dalam Matematik dan Sains, ada elemen kemahiran berfikir aras tinggi.

Maka di sini sukalah saya sebut bahawa proses pembangunan kurikulum atau pelajaran ini telah kita lihat dalam tempoh enam tahun bukan sahaja dalam negara, tetapi luar negara. Kita juga telah merekodkan bagaimana dilaksanakan prosedur kerja, kajian tindakan dan juga kita telah membuat projek rintis yang melibatkan murid dan guru dan pemantauan pelaksanaan kurikulum di sekolah dan pegawai kurikulum di peringkat kementerian. Elemen kemahiran berfikir aras tinggi ini, *higher order thinking skills* ini, dengan izin, adalah merupakan pendekatan dalam pendidikan abad ke-21 yang kemudiannya kita kenali sebagai *21st Century Classroom* atau Bilik Darjah Abad Ke-21. Ini antara bagaimana guru-guru yang telah dilatih untuk membuat Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam kelas yang lebih mahukan inovasi dan kreativiti.

■1050

Akan tetapi kita sedar, kementerian sedar demografi negara ini masih kepada empat kategori. Pertama, pelajar di bandar; yang kedua, pelajar di pinggir bandar; yang ketiga, pelajar di luar bandar; dan yang keempat, pelajar di pedalaman. Berasaskan kepada keadaan demografi itu, maka sudah tentulah kita akan dipersoalkan juga oleh komuniti bagaimana hendak dapatkan jawapan bagi pelajar yang berada di kawasan pedalaman, bagaimana pelajar hendak dapatkan jawapan bagi pelajar yang berada di kawasan luar bandar berbanding dengan kawasan bandar.

Saya tegaskan bahawa landasan PDP itu diberi kepada guru, tetapi kreativiti dan inovasi itu bergantung pada guru di mana mereka mengajar. Dia tidak boleh *straight forward* untuk hendak pergi dan akhirnya budak tak faham apa yang dia ajar itu sebab dia kena disesuaikan dengan tempat. Tidak boleh semata-mata untuk tujuan pengajaran, hendak menghabiskan semua silibus dan akhirnya budak tidak faham apa yang diajar.

Jadi sebab itu dalam kategori ini, guru juga diberi penekanan dalam kursus-kursus guru supaya dia dapat memahami keadaan, situasi di mana mereka mengajar, yang bersesuaian sama ada melibatkan sekolah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan, SRJK(C) ataupun sekolah rendah SRJK(T), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Tuan Yang di-Pertua, ia perlu untuk ditingkatkan pengetahuan guru dari semasa ke semasa. Saya akui dalam proses ini adalah mengambil masa yang panjang dan perlu guru ditingkatkan pengetahuan dan juga kualiti untuk dapat mencapai sasaran kepada pelajar-pelajar dan masyarakat di luar sana berasaskan kepada di mana mereka berada dan kaedah dan cara mengajar yang sesuai untuk membolehkan masyarakat dan ibu bapa akhirnya faham apakah yang dibawa, hal yang berkaitan dengan subjek yang diajar dan keberkesanannya kepada anak-anak, pelajar di sekolah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Menteri yang jawab secara terperinci. Ahli-ahli Yang Berhormat, ringkaskan soalan tambahan supaya kita ada masa untuk soalan-soalan yang lain. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang begitu panjang lebar tadi.

Yang Berhormat Menteri, saya mengemukakan soalan ini kerana saya mendengar rintihan, rungutan dari bawah sebab saya ini dari guru, jadi bila datang jumpa saya, bila sudah duduk di atas, maknanya seolah-olah kita boleh membawa perkara ini ke atas. Masalahnya ialah yang pertama,

ibu bapa masih tidak boleh hendak *cope up* dengan PAK21 ini, maknanya HOTS, KBAT ini soalan-soalan yang terlampau tinggi dimasukkan ke dalam silibus sukatan murid Tahun 1. Yang dikatakan murid Tahun 1 ini kalau kita tengok Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, murid Tahun 1 ini kalau kita tengok di luar bandar, kalau tadi bandar, pinggir bandar itu tidak ada masalah. Sekarang masalahnya murid-murid yang berada di luar bandar yang di pedalaman yang pegang pensel pun saya rasa tidak betul lagi. Bila kita hendak serapkan benda-benda yang sangat tinggi ini, apa yang saya khuatir ialah murid ini terus tak nak datang ke sekolah.

Kedua, okey saya percaya Kementerian Pendidikan akan melakukan yang sebaik-baiknya untuk guru-guru melaksanakan transformasi pendidikan ini, saya percaya itu. Kedua soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah guru-guru kita sendiri bersedia untuk melaksanakan transformasi kurikulum pendidikan ini? Maknanya kalau kita tengok guru-guru sendiri kalau sudah merungut *too high*- sangat tinggi, macam mana pula lagi ibu bapa yang duduk dari kampung, penoreh getah, yang tidak bekerja hendak ajar anak-anak mereka untuk belajar. KBAT ini soalan-soalan *high for the thinking skills* ini.

Kedua, saya minta kepada Yang Berhormat juga, saya minta berilah saya ataupun nyatakan kepada semua, apakah mekanisme yang kita boleh gunakan, yang kementerian gunakan untuk membantu ibu bapa mengajar anak-anak mereka di rumah. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Puan Hajah Rahemah, seorang Pengetua sekolah, guru Pengetua Cemerlang sekolah. Jadi soalnya, dia bekas seorang Pengetua Cemerlang sekolah, jadi saya ucap tahniahlah hari ini menjadi seorang Senator yang membawa isu yang berkaitan dengan pendidikan.

Sebenarnya kita tidak perlu takut dalam sebuah negara yang sedang melangkah untuk maju. Kita tidak perlu merasa kita begitu *inferior* dengan hal yang berkaitan dengan pendidikan. Kita mesti ada satu semangat yang kuat sama ada kita berada di Dewan yang mulia ini sebagai Senator ataupun kita berada di tempat lain. Kita berada pada tahap kejayaan negara 60 tahun.

Saya sedar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak datang dari latar belakang yang sama. Kita datang dari masyarakat *proletarian*, kita datang dari masyarakat yang marhaen. Hari ini menjadi Senator dan menjadi lebih baik, menjadi jawatan tinggi. Sebelum Yang Berhormat menjadi Senator, Yang Berhormat juga memegang jawatan-jawatan lain. Maknanya sistem pendidikan itu telah mengangkat martabat bangsa. Tidak kira, *cross the board* semua kaum. Emak tidak sekolah, bapa tidak sekolah tetapi anak boleh menjadi seorang Ketua Pengarah. Emak bersekolah darjah tiga, bapa bersekolah darjah tiga tetapi anak boleh menjadi seorang *Vice Chancellor* universiti. Maknanya sistem pendidikan telah mengangkat martabat bangsa.

Hari ini sudah 60 tahun, kita berada pada abad yang ke-21, tidak boleh lagi kita berada pada sistem pendidikan yang konvensional, yang stereotaip, kita kena ubah untuk ada pemikiran baru kepada masyarakat. Untuk hendak ajak masyarakat dalam pemikiran baru ini Tuan Yang di-Pertua, ia adalah sukar, tidak boleh buat pada satu malam- *overnight*.

Akan tetapi saya sebagai Menteri mempunyai keyakinan bahawa 30 juta rakyat yang ada ini, lebih daripada separuh rakyat Malaysia sudah berada pada *middle class* dan *middle class upper*

hasil daripada pendidikan boleh membantu Kementerian Pendidikan untuk akhirnya nanti yang dipanggil Kurikulum Berfikir Aras Tinggi ini ataupun KBAT. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini bukanlah sesuatu yang macam matematik, ia sesuatu yang panjang dan proses ini kena- contoh saya ambillah, saya ambil satu contoh baru diviral kan dalam *handphone* ini.

Dia bagi siput babi. Dia suruh budak ini fikir apa binatang ini. Budak itu fikir dia tulis, dia kata, "*Binatang ini berjalan perlahan-lahan dan dia sendiri sedang fikir dia siput atau dia babi*" [Ketawa] Itu KBATlah, *higher order thinking skills*. Akan tetapi kita hendak tafsirkan kepada ibu bapa itu, KBAT ini bukan sesuatu yang boleh kata KBAT ini, *higher order thinking skills*, dengan izin, inilah yang dikatakan KBAT sebab dia kena ada penerapan yang panjang masanya.

Jadi sebab itu saya sarankan kepada kita semua turut terlibat dalam kita punya woksypop. Kita ada woksypop, kita ada bengkel yang melibatkan ibu bapa, PIBG dan juga rakan-rakan kita yang ada anak di sekolah rendah dan menengah. Tiap-tiap negeri *insya-Allah* kita pergi dan kita menerangkan apa yang dimaksudkan KBAT. Jadi kita katakan kepada kita bahawa kita boleh sebenarnya untuk pergi ke luar bandar dan menyatakan satu persatu.

Memang Tuan Yang di-Pertua, 60 tahun merdeka saya akui di kampung memang ada penoreh getah, ada kelapa sawit tetapi *level* sekolah mereka sudah ada. Sekurang-kurangnya sama ada masyarakat Melayu, masyarakat India ataupun masyarakat Cina, *at least* SPM yang ada di kampung, *at least* SPM. Maksudnya mereka telah melalui proses pendidikan *compare* dengan generasi yang sebelum, mungkin tidak ada pendidikan. Jadi kita kena ada keyakinan yang sungguh bahawa kita boleh mengubah pemikiran rakyat, akhirnya rakyat boleh berfikir.

Saya hendak ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, satu insiden dalam kawasan MADA di Kedah. Hendak *interview engineer, technical side* boleh jawab Yang Berhormat Senator, tetapi pengetahuan am dia tidak boleh jawab. Contohnya penemu duga tanya hendak tanam padi ini, letak air dulukah atau tabur padi dulu. Dia kata letak air dulu, masukkan air dalam sawah padi, barulah tanam padi.

■1100

Betul jawapannya kemudian penemu duga tanya, "*Kalau kita taburkan benih padi itu dalam sawah padi itu macam mana hendak buat? Kita takungkan air ke dalam sawah, kemudian kita taburlah padi itu*". Jadi maksudnya pengetahuan dia mengenai dengan benda yang- dia datang dari Kedah dan duduk dalam suasana sawah padi tetapi budak ini dia belajar dalam kejuruteraan tetapi *knowledge* pengetahuan di luar daripada bidang kejuruteraan itu dia tidak dapat. Itulah benda yang kita hendak bawa supaya lebih sedikit diangkat hal yang berkaitan dengan pemikiran anak-anak kita di sekolah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kedatangan dan kehadiran Kelab Komuniti Sukan Parlimen Jelebu, Negeri Sembilan dan juga SMK Taman Tasik Ampang, Selangor... [Tepuk] Diharap dengan lawatan ini memberikan idea, pandangan dan manfaat untuk semua.

Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab cukup bagus. Memanglah hasrat rakyat ingin transformasi pendidikan ini ditambah dan ditukar setiap tahun kerana ilmu yang diajar ini tidak akan habis. Kalau kita tidak tukar, akhirnya kita berada dalam keadaan yang di bawah kedudukan negara-negara maju.

Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh kementerian untuk memastikan kurikulum yang dibangunkan kemenjadian murid di samping memberi manfaat kepada ibu bapa dan masyarakat. Keduanya soalan saya, apakah kedudukan standard piawai negara Kementerian Pendidikan berbanding dengan dunia yang ada pada hari ini. Saya yakin dengan transformasi ini ia ada penambahan, kenaikan daripada tangga yang dahulunya mungkin bawah tetapi dengan adanya transformasi pendidikan ini dengan kebolehan Yang Berhormat Menteri yang kita yakin bahawa kedudukan PISA kita ini akan meningkat dari masa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim mengenai dengan ukuran pencapaian negara berasaskan kepada apa yang telah dilihat. Ukuran ini sebenarnya berdasarkan kepada bagaimana kita meletakkan peperiksaan dalam kehidupan rakyat.

Sebenarnya bagi setengah-setengah negara maju mereka hanya mengambil satu ujian peperiksaan sahaja iaitu pada umur 17 tahun dan sebelum itu tidak ada apa-apa jenis peperiksaan. Akan tetapi di Malaysia ini kita letak umur 12 tahun ada satu peperiksaan, Darjah 6. Umur 15 tahun ada satu peperiksaan PMR dan umur 17 tahun ada satu peperiksaan SPM, dan umur 19 tahun ada satu lagi peperiksaan STPM. Jadi hendak sampai umur 17 tahun itu kena melalui empat jenis peperiksaan dan kita cuba ubah di Tingkatan 3- PT3.

Maknanya PT3 ini kita ubah daripada sepenuhnya di atas sentral peperiksaan berpusat dan kepada *school-based assessment*, dengan izin, Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Maknanya sekolah boleh membuat tafsiran secara holistik. Pertama, akademiknya; kedua, dari segi psiko metrik; yang ketiga, dari segi kokurikulum; dan yang keempat dari segi sukan dan masuk sekali dengan sahsiah diri pelajar itu di sekolah.

Jadi ini adalah Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Maknanya tidak semata-mata ditafsirkan atas akademik. Sekarang ini semua orang tanya akademik. Anak dapat berapa 'A'? Anak dapat 10A tetapi tidak ada siapa tanya anak dari segi 'kokum', dari segi sukan, sahsiah diri, psiko metrik tidak ada orang tanya. Jadi kita di kebanyakan negara orang sudah buat *school-based assessment* ini sudah lama, kita baru bermula dengan PT3 tetapi PT3 walaupun mula masih lagi tanya dapat 10A atau dapat 11A yang sepatutnya tidak perlu. Jadi UPSR pun sama ukurannya masih lagi kepada kejayaan akademik.

Bagi penilaian di peringkat antarabangsa ada dua badan sebenarnya di peringkat antarabangsa itu yang membuat tafsiran mengenai dengan penilaian mengenai kejayaan sesebuah negara dalam bidang pendidikan. Satu ialah melalui PISA dan satu lagi melalui TIMSS yang berpangkalan di Perancis. PISA berpangkalan di Perancis dan TIMSS satu lagi berpangkalan di negara Eropah yang membuat penilaian tiap-tiap tiga tahun.

Tiga tahun dia buat *assessment* tentang negara itu terhadap beribu-ribu pelajar dan guru akan diambil sampel dan kemudian dibuat penilaian dan akhirnya kita akan tahu kedudukan negara kita berasaskan kepada penilaian itu di peringkat antarabangsa. Di peringkat dalam negara pula, kita berasaskan kepada keputusan-keputusan peperiksaan melalui Lembaga Peperiksaan yang saya sebutkan tadi dan juga tafsiran yang dibuat melalui sistem naziran yang dari dahulu lagi yang kita panggil sebagai nazir ke sekolah ataupun naziran ke sekolah.

Jadi ini adalah antara penilaian yang dibuat untuk menentukan dan sekarang kategorinya kita bagi sekolah berprestasi tinggi, sekolah yang mempunyai kedudukan yang baik dalam semua lapangan yang dikenali sebagai sekolah berprestasi tinggi sama ada sekolah menengah ataupun sekolah kebangsaan. Kemudian kita juga mempunyai acara ataupun atur cara yang berkaitan dengan bagaimana pula hendak pergi kepada penilaian berasaskan kepada kejayaan sesebuah sekolah lain daripada akademik. Itu yang kita panggil sekolah-sekolah yang kluster. Sekolah-sekolah yang mempunyai kebitaraan masing-masing. Sekolah ini kejayaan besar dalam sukan, sekolah ini kejayaan besar dalam bidang kokurikulum, itu juga dimasukkan sebagai kejayaan. Jadi aturannya sudah ada untuk membolehkan penilaian dibuat dari semasa ke semasa.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hendak angkat semua sekolah untuk mencapai kejayaan sebab dalam negara kita ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa kita mempunyai lebih daripada 2,900 buah sekolah. Sekolah kebangsaan, sekolah SRJK(C), SRJK(T) yang berada paras yang dipanggil Sekolah Kurang Murid (SKM) bawah pada 150 murid ke bawah itu dipanggil sebagai Sekolah Kurang Murid dan kalau Sekolah Kurang Murid ini paling kecil Sekolah Kurang Murid ada enam pelajar, ada empat pelajar, ada 10 pelajar dan guru tetap ada minimum sembilan di sekolah itu.

Jadi cikgu ada sembilan, murid ada enam bayangkanlah tetapi dalam peraturan sekolah kita tidak boleh tutup sekolah. Tidak boleh tutup sebab atas persetujuan ibu bapa barulah kita boleh tutup sekolah. Paling kecil sekali sekarang ini di Malaysia ada sekolah yang ada murid bawah pada lima orang. Jumlah sekolah saya tidak ingat tetapi murid ada lima orang di sekolah. Akan tetapi itu pun kita tidak tutup sebab kita menghormati ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah itu dan kita tidak boleh ambil mereka untuk pergi jauh daripada tempat mereka. Itulah jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dia banyak penilaian Yang Berhormat.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: [Bangun]

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: [Bangun]

Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Anathan.

Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membenarkan soalan tambahan daripada saya. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang menyalurkan peruntukan khas kepada sekolah-

sekolah Tamil di seluruh negara. Semoga usaha ini akan kekal dan berterusan agar semua pelajar dan guru-guru sekolah Tamil dapat menikmati kemudahan-kemudahan sama seperti di sekolah-sekolah bantuan sekolah-sekolah yang lain seperti mana sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia, kita akan kekal sebagai 1Malaysia.

■1110

Saya juga menyambut baik langkah Kementerian Pendidikan yang akan membenarkan peranti mudah alih ke sekolah oleh pelajar-pelajar mulai tahun hadapan. Saya percaya penggunaan peranti mudah alih ini akan menyokong sepenuhnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini saya ingat luar daripada soalan asal. Ada soalan tambahan berkenaan dengan soalan asal, pokok?

Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram: Ya, boleh juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada juga peranti mudah alih ini untuk memberikan beban tugas yang semakin mencabar kepada pelajar-pelajar. Ada juga sangkut soalan ini kepada soalan tambahan saya. Jadi saya minta kerana saya percaya penggunaan ini akan memberikan cabaran bukan sahaja kepada ibu bapa dan juga pelajar tetapi guru di sekolah-sekolah. Jadi saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Dato' Dr. Anathan itu nak mengucapkan terima kasihlah di atas pelantikan beliau so soalan itu Yang Berhormat Menteri telah menjawab, so tak payah jawab lagilah. Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarni bin Tan Sri Haji Omardin.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Zulkarnain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Zulkarnain.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Tuan Yang di-Pertua yang kakak sentiasa, soalan saya nombor tiga.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

3. **Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah-langkah segera pihak kementerian yang telah diperuntukkan bajet besar dalam menangani isu dan permasalahan perumahan rakyat di negeri Selangor seperti masalah sampah, penyenggaraan bangunan kediaman yang tidak teratur serta pemilikan rumah.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul hari ini Tuan Yang di-Pertua nampak luar biasa *handsomenya* [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain, saya bagi pihak seluruh rakyat Malaysia dan sudah tentu bagi pihak semua rakan yang ada, ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain sebagai Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia di atas kejayaan Malaysia dalam Sukan SEA dan setakat tadi Tuan Yang di-Pertua, kita dah menang 25 pingat emas. Mendahului semua negara yang lain, yang terakhir tadi wusyu. Mungkin ini sekarang dah menang lagi agaknya.

So tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KBS, tahniah kepada atlet kita, tahniah kepada Malaysia dan rakyat Malaysia yang sentiasa mendoakan.

Berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat, saya nak ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Senator Datuk Megat di atas keprihatinan, rasa ingin tahu apa yang sedang dilakukan oleh kementerian terhadap negeri Selangor ini dan untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Megat, pada masa ini, pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor Yang Berhormat adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan Kerajaan Negeri Selangor.

Ini kerana negeri Selangor tidak menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ataupun kita panggil Akta 672. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, walaupun dia tidak di bawah tanggungjawab kementerian, dia adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri, kementerian telah pun mengambil alih pengurusan pusat pemindahan sisa pepejal di Seksyen 21, Shah Alam untuk kita membantu.

Maknanya dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak pernah meminggirkan apa-apa keperluan rakyat Selangor dalam isu yang berkenaan pengurusan sampah walaupun mereka tidak mengguna pakai Akta 672. Kementerian mengambil alih pusat pemindahan sisa pepejal di Seksyen 21, Shah Alam Tuan Yang di-Pertua ataupun kita panggil *transfer station* selepas kementerian mendapati bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak berupaya untuk menguruskan pusat tersebut dengan baik. Kerajaan negeri telah pun membuat injunksi interim untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Megat, di mahkamah, meminta supaya operasi mereka di pusat pemindahan itu diteruskan sebaik sahaja menerima surat penamatan kontrak daripada kementerian.

Walaupun bagaimanapun pada 2 Jun yang lalu, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah pun menolak permohonan mereka untuk meneruskan operasi dan bila dah diambil alih oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal mereka hantar sampah ataupun sisa pepejal mereka di tapak pelupusan Seksyen 21 yang saya nyatakan tadi tetapi selepas pihak kementerian ambil alih *transfer station* ataupun pusat pemindahan tersebut, kerajaan negeri dah tak hantar lagi sisa pepejal ataupun sampah mereka ke *transfer station* itu sebaliknya hantar terus ke tapak pelupusan Jeram.

Jadi dekat sini Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Megat cuba fikirkan apa agaknya yang hendak dilakukan oleh kerajaan negeri. Bila kita ambil alih, kita bantu, kita belanja RM79 juta. Kita belanja RM79 juta untuk naik taraf, untuk bina pusat pemindahan ini lepas itu kita tambah lagi RM20 juta untuk kita perbaiki pusat memperbaiki *transfer station* ini bila siap, mereka tak buang mereka terus buang ke tapak pelupusan Jeram.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada persoalan yang berkaitan dengan penyelenggaraan bangunan perumahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Megat, bermula pada tahun 2011, Yang Berhormat Senator Datuk Megat Kementerian KPKT telah pun memperkenalkan dua program utama penyelenggaraan bagi perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah dalam usaha untuk kerajaan menyediakan persekitaran yang berkualiti, kondusif, selesa dan selamat kepada penghuni-penghuni, Tuan Yang di-Pertua iaitu:

- (i) Program Penyelenggaraan Perumahan ataupun kita panggil PPP bagi mana-mana perumahan awam berstrata kos rendah yang dibina oleh kerajaan; dan
- (ii) Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ataupun kita panggil TP1M bagi mana-mana perumahan swasta berstrata kos rendah dan sederhana rendah yang dibina oleh pemaju swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Megat, pihak kementerian telah pun menerima permohonan sebanyak RM178 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti baik pulih lif, mengecat, gantikan bumbung, penggantian tangki dan pam air dan permohonan-permohonan ini datang daripada wakil-wakil penduduk daripada rumah-rumah swasta berstrata kos rendah dan juga sederhana rendah. Ini kerana mereka gagal mendapat pembelaan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada permohonan tersebut Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya telah pun mengambil inisiatif turun padang untuk melihat sendiri keadaan yang dinyatakan oleh penduduk di beberapa tempat di kawasan Parlimen termasuklah di kawasan Parlimen Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, di Gombak, di Pandan, di Shah Alam, Sepang dan juga di Klang. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2011, sebanyak RM99.4 juta telah pun diperuntukkan untuk menyelenggarakan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah di Selangor di bawah program PPP dan juga TP1M seperti yang saya nyatakan tadi.

Peruntukan yang diluluskan ini Tuan Yang di-Pertua, ia meliputi sebanyak 67 kawasan pemajuan yang telah pun berupaya memberikan manfaat kepada 49,719 orang penghuninya yang menghuni perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah di negeri Selangor dan untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Megat juga, kerajaan melalui KPKT telah pun memperkenalkan pelbagai inisiatif skim-skim perumahan berasaskan kepada soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Megat. Antara skim-skim yang ditawarkan oleh kementerian adalah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta ataupun *MyHome*, Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama ataupun *MyDeposit*, Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan juga Program Perumahan Rakyat iaitu PPR.

Daripada 10,000 unit yang diluluskan di bawah Skim *MyHome*, sebanyak 901 unit ataupun sembilan peratus adalah diluluskan untuk rakyat di negeri Selangor dan di bawah Skim *MyHome*, sehingga kini jumlah penerima bagi rakyat di negeri Selangor adalah seramai 517 orang pemohon dengan peruntukan berjumlah RM13,734,611.30. Di bawah Skim Pinjaman Perumahan, sejak penubuhan pada tahun 1976 sehinggalah kepada tahun 2017, skim ini telah pun berupaya memberikan manfaat kepada 56 isi rumah di negeri Selangor dengan kos sebanyak RM1.02 juta untuk bina rumah sendiri menggunakan dana yang diperoleh daripada kerajaan melalui kementerian di bawah Skim SPP dan seterusnya bagi PPR pula, satu program kerajaan yang amat dekat di hati masyarakat. Tujuan untuk membuat penempatan semula setinggan, memenuhi keperluan kepada tempat kediaman bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Bagi negeri Selangor Yang Berhormat Senator Datuk Megat, sebanyak lapan projek secara keseluruhannya meliputi 6,484 unit rumah dan daripada jumlah tersebut sebanyak empat projek iaitu

5,184 unit rumah telah pun siap dibina dengan kos RM235.2 juta di PPR Lembah Subang 1, PPR Lembah Subang 2, PPR Serendah KTM dan juga PPR Kampung Hassan.

■1120

Jadi saya harap dengan maklumat yang saya bekalkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat ini, balik boleh khabarkan kepada orang negeri Selangor tentang apa usaha yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri, orang Selangor untuk rakyat negeri Selangor. Jadi harap tidak dipolitikkan oleh kerajaan negeri yang kadang-kadang terlupa dengan tanggungjawab mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sentiasa manis. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanyakan soalan tambahan, saya hendak minta izin sedikit sahaja dalam masa yang tidak panjang, untuk hendak menjelaskan kenapa saya bertanya soalan ini. Ini kerana soalan berkenaan perumahan ini adalah perkara yang paling pokok sekali.

Ada dulu dalam satu filem Hindustan, dia sebut, "*Rotti kapda aur makaan*" dengan izin. "*Rotti*" itu makanan; "*kapada*" ini ialah pakaian; dan "*aur*" ini adalah bumbung. Bermaksud tiga perkara ini adalah perkara paling pokok sekali dan saya bertanya soalan ini adalah kerana saya melihat, saya bersetuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ini dilihat cuba mempolemikkan dan mempolitikkan isu perumahan. Saya hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Tan Sri Haji Noh bin Omar, Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dilihat pertamanya, Yang Berhormat Menteri sebab telah membuat keputusan soal perumahan ini soal yang tidak boleh kita politikkan sama sekali. *It's beyond everything*, dengan izin.

Maknanya bila bercakap soal perumahan, bercakap soal kebajikan, bercakap soal bumbung ini, ia mesti merentasi kefahaman politik sebab ia untuk semua rakyat. Walaupun dia orang UMNO, orang PAS, orang AMANAH, PKR, DAP, apa sahaja parti, mereka memerlukan perumahan.

Jadi sebab itulah saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Tan Sri Haji Noh bin Omar dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana melihat perkara perumahan ini adalah perkara yang paling penting sekali apatah lagi dalam negeri Selangor. Jadi sebab itu saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jumlah yang disebutkan tadi, 178 juta permohonan yang telah dibuat kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan oleh persatuan-persatuan penduduk untuk membaik pulih dan 99 juta telah pun diperuntukkan dan digunakan.

Saya juga hendak mengambil kesempatan ini hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar, Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada bulan puasa yang lepas, tiga hari berturut-turut turun ke Parlimen Gombak, yang mana saya juga daripada Parlimen Gombak. Parlimen Gombak ini Ahli Parlimennya Menteri Besar Selangor sendiri yang berdegar-degar cakap dengan rakyat ada berbilion *reserve*. Berbilion, Tuan Yang di-Pertua tetapi akhirnya Yang Berhormat Menteri terpaksa turun ke Parlimen yang beliau wakili sendiri untuk menyelesaikan masalah rakyat terutamanya dalam perumahan-

perumahan pangsapuri pertengahan dan rendah ini termasuk juga di Chempaka. ADUN Chempaka ini Exco Perumahan Negeri Selangor yang paling banyak bunyi sekali. Akhirnya juga Tan Sri Haji Noh turun ke tempat ADUN ini di Chempaka.

Jadi soalan tambahan saya, Datuk Halimah yang manis sentiasa, berapakah peruntukan yang telah pun Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar ini meluluskan di Parlimen Gombak yang mana Ahli Parlimennya ialah Menteri Besar Selangor dan juga peruntukan yang telah diluluskan di DUN Chempaka yang mana ADUNnya adalah Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga banyak bunyi dalam soal perumahan ini. Saya hendak ambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana meletakkan perkara rumah ini merentasi fahaman politik. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jumlah, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua macam tahu sahaja saya hendak jawab panjang. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kata jumlah sahaja. Jumlah sahaja. Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang paling penting dalam apa yang dinyatakan dalam soalan tambahan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Megat tadi ialah kerajaan negeri ini Tuan Yang di-Pertua, sentiasa- Kerajaan Negeri Selangor ini sentiasa mempunyai prasangka yang tidak baik, tidak sihat terhadap segala perancangan, pelaksanaan yang telah pun dirancang dan diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri saya. Jadi saya pun tidak tahulah kenapa takut sangat dengan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kenapa hendak takut?

Apa sahaja yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri mereka kata ada motif politik sebagai kacau ganggu kepada urusan kerajaan negeri. Akan tetapi kalau kerajaan negeri boleh selesaikan semua masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah sampai Yang Berhormat Menteri hendak kena turun dan umumkan begitu banyak projek untuk dilaksanakan bagi kebaikan rakyat yang ada di negeri Selangor.

Saya bagi contoh di Lembah Subang 1, Tuan Yang di-Pertua. Lembah Subang 1 ini Tuan Yang di-Pertua, diuruskan oleh kerajaan negeri. Dalam tempoh 15 tahun, kita serahkan kepada mereka dari tahun 2001 sampai 2016. Selama 15 tahun dan kutipan sewa Lembah Subang 1 adalah untuk sewa. Ada lapan blok, 304 unit yang ada di Lembah Subang 1. Kerajaan negeri yang kutip sewaan. Kutip sewaan dalam tempoh 15 tahun, Tuan Yang di-Pertua, RM67 juta telah pun dikutip oleh kerajaan negeri. Tidak ada apa pun dia buat.

Rakyat di Lembah Subang 1 datang mengadu kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan beritahu tolonglah tingkatkan kualiti hidup, kami duduk dalam keadaan yang sengsara. Yang Berhormat Menteri turun pergi tengok. Ada 23 lif dekat Lembah Subang 1. Lapan blok, 304 unit ini, Tuan Yang di-Pertua. Lif berada dalam keadaan yang amat daif. Orang meninggal turun berdiri, Tuan Yang di-Pertua dalam lif. Orang meninggal berdiri turun dalam lif untuk dikebumikan. Lif berada dalam keadaan yang

sangat daif sehingga menyusahkan kepada 304 keluarga yang ada di lapan blok Lembah Subang 1 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kutip sewaan. Kita kenakan sewaan sebanyak RM124, mereka pandai-pandai naikkan kadar kepada RM250 tanpa mendapat kebenaran daripada pihak kementerian. Tanah, tanah kementerian. Tanah Kerajaan Pusat. Rumah dibina oleh Kerajaan Pusat. Jadi kalau hendak minta naikkan kadar pun, berbudi bahasalah sedikit selepas apa yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi ini antara perkara-perkara Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun membelanjakan sebanyak RM24 juta. Ini dalam masa terdekat ini, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat. Dalam usaha untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat di Lembah Subang 1, *flat* kos rendah yang ada ini. Dalam pada untuk memberikan yang terbaik, kerajaan di bawah kementerian akan membelanjakan sebanyak RM46,450,000 Tuan Yang di-Pertua, di mana RM18 juta adalah untuk memperbaiki lif, 23 lif di Lembah Subang 1.

Tidak payah tengok yang lain, Yang Berhormat Datuk Haji Megat. Tengok sahajalah kepada satu yang ada itu dan kemudian barulah tengok kepada yang lain. Saya hendak nasihatkan kepada kerajaan negeri ini supaya jangan main politik dalam urusan kesejahteraan rakyat ini. Apa yang hendak dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia seluruhnya khususnya di negeri Selangor.

Berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan, yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat selaku orang Gombak. Sudahlah Menteri Besar pun tidak buat apa, selaku Ahli Parlimen, selaku Menteri Besar pun tidak buat apa. Selaku Ahli Parlimen Gombak pun tidak buat apa-apa. Jadi saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat, atas apa yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri saya, selaku orang Tanjong Karang, selaku orang Selangor untuk rakyat Selangor yang dibiarkan merana begitu, Yang Berhormat Menteri telah pun meluluskan sebanyak RM9,420,000 untuk enam projek di Parlimen Gombak, Tuan Yang di-Pertua. Bagi kawasan DUN Chempaka, ini pun satu hal lagi. Exco yang banyak cakap tetapi tidak buat apa-apa. Keputusan kita kata rumah mampu milik RM300,000 dia kata dia tidak terima keputusan padahal dalam mesyuarat sudah setuju untuk menerima keputusan.

Bagi DUN Chempaka, Yang Berhormat Menteri melalui kementerian telah pun meluluskan RM6,000,098 untuk kawasan Chempaka. Berapa banyak itu, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat. Balik khabarkan kepada orang dalam kawasan Parlimen Gombak dan dalam kawasan DUN Chempaka tentang apa usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib melalui kementerian yang dipimpin oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar selaku Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

4. Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, berapakah rumah mampu milik (RUMAWIP) yang telah dirancang dan berapakah jumlah yang telah berjaya dibina. Berapakah pula jumlah yang benar-benar telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kunci dan pemilikan kepada pembeli.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Julai 2017, sebanyak 11 Projek Perumahan Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) telah berjaya disiapkan sepenuhnya melibatkan sejumlah 4,603 unit di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 3,037 unit atau 66 peratus telah diserahkan kunci kepada pembeli. Selain itu, sebanyak 21,263 unit melibatkan 37 projek RUMAWIP sedang di peringkat pembinaan.

Pada masa ini juga, sejumlah 46,924 unit RUMAWIP melibatkan 63 buah projek sedang dirancang dan akan dibangunkan di seluruh Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 buah projek melibatkan 10,672 unit telah mendapat kelulusan perintah pembangunan. Sebanyak 26,373 unit melibatkan 28 projek lagi sedang di peringkat pertimbangan OSC. Sebanyak 9,879 unit yang melibatkan sembilan projek masih di peringkat perancangan.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah rumah yang diperlukan lagi? Juga, apakah langkah untuk mengatasi kenaikan kos pada masa akan datang? Saya ingin tahu, adakah apa-apa kelebihan diberi kepada kaum India dalam pembelian RUMAWIP? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan. Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan ini memang orang lama dalam politik negara Malaysia. Banyak dia tahu, berani, lagi mahu menentang semua orang. Saya pun jawablah soalan Yang Berhormat Senator Tan Sri pada pagi ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan, berkenaan dengan jumlah rumah yang masih diperlukan, keperluan untuk rumah, banyak, tidak ada had. Selagi kita boleh bina, selagi ada tanah, selagi itulah kita boleh ada permintaan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sasaran kita untuk Wilayah Persekutuan adalah 80,000 unit iaitu Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 10,000 unit, Wilayah Persekutuan Putrajaya sebanyak 20,000 unit dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 50,000 unit. Itu sasaran yang telah kerajaan janjikan kepada rakyat. Pada masa ini, dalam semua peringkat- pembinaan, sudah siap binaan, sedang bina dan dalam perancangan keluaran DO dan sebagainya, kita telah capai 63,640 unit iaitu 79 peratus daripada KPI yang telah ditetapkan. Kita mempunyai lagi 16,354 unit untuk dibina untuk 20.44 peratus yang masih kita perlu merancang untuk diberikan kepada rakyat.

Berkenaan dengan soalan ketiga iaitu untuk kaum India, kita mengikut keadaan tempat. Sesetengah tempat itu, kita mempunyai peruntukan khas yang akan diberikan kepada kaum India seperti di Kepong, kita mempunyai satu kawasan di mana kita memperuntukkan 10 peratus daripada pembinaan rumah itu diberikan kepada orang India. Ini untuk membantu kaum India untuk memiliki rumah. Begitu juga kita telah mempunyai sebanyak 1,000 unit yang kita telah membuat penempatan

semula bagi penduduk-penduduk setinggian India di kawasan-kawasan India seperti di Kampung Pandan, Sentul, Bukit Kiara dan Rumah Panjang Jinjang.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Koh Chin Han minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan jaminan air untuk masa depan terpelihara memandangkan jumlah penduduk negara dijangka akan meningkat dan kini kekerapan gangguan bekalan air sering berulang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han, soalan mengenai air.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang bertuah kerana menerima hujan antara 2,500 hingga 3,000 mm setahun. Berdasarkan *Malaysia Water Industry Guide (MWIG) 2016*, sebanyak 82.4 peratus bekalan air minum di Malaysia bergantung kepada sumber air permukaan seperti sungai, sebanyak 16.1 peratus daripada empangan dan hanya 1.5 peratus daripada air bawah tanah. Yang Berhormat, *1.5 percent* ini, dengan izin, khususnya adalah di negeri-negeri seperti Kelantan yang menggunakan air bawah tanah.

Dalam keadaan ini, sudah pasti pertambahan penduduk dan pertumbuhan pesat ekonomi akibat faktor urbanisasi dan migrasi bandar memberi kesan kepada kemapanan sumber air untuk memenuhi permintaan bekalan air terawat pada masa depan.

Selain daripada faktor di atas, penyusutan sumber air atau *depletion of water resources*, dengan izin, terjadi disebabkan beberapa faktor lain seperti cuaca kering melampau, aktiviti pertanian tidak dirancang di kawasan tadahan, perubahan penggunaan tanah di peringkat negeri dan sebagainya. Keadaan ini menjejaskan kemapanan kawasan tadahan untuk menakung air mentah.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menentukan rizab margin bekalan air bagi semua negeri adalah sebanyak 10 hingga 15 peratus sebagai faktor keselamatan atau penampakan- *buffer*, dengan izin, yang membolehkan kapasiti bekalan air berdaya tahan- *resilience*, dengan izin, dengan mengambil kira faktor-faktor termasuk ketidaktentuan permintaan akibat daripada perubahan cuaca panas. Ini banyak bergantung, Yang Berhormat, kepada keupayaan dan perbekalan daripada peringkat negeri.

Selain itu, sebagai persediaan untuk memastikan jaminan air untuk masa depan terpelihara, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan memberi penekanan kepada sembilan strategi pengurusan permintaan air atau *water demand management*, dengan izin, terutamanya dalam sektor domestik, industri dan pertanian di Malaysia. Pengurusan pertanian air adalah kaedah yang berkesan bagi menguruskan sumber air negara secara lestari dan mapan melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut, antaranya, penyelarasan tarif air secara berterusan ke arah pencapaian kos sebenar perbekalan air mencakupi aspek pemuliharaan kawasan tadahan, kos rawatan dan agihan serta kos rawatan air kumbahan sebelum dilepaskan semula ke alam sekitar.

Kedua, usaha berterusan untuk mengurangkan kadar air tidak terhasil ataupun *non-revenue water* (NRW) melalui intervensi daripada Kerajaan Persekutuan dan melalui mekanisme *asset-light*

oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Akhirnya, antara sembilan tapi kita bincang tiga sahaja yang utama- meningkatkan aspek penguatkuasaan dan pengawalan ke atas kes-kes kecurian air dan pencemaran sumber air.

■1140

Di samping itu, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air juga meneroka kaedah penyimpanan air mentah alternatif seperti pembinaan *barrage* sungai, pembinaan *off-river storage* (ORS), *riverbank filtration system* (RBF), penggunaan air tanah (*ground water*), pembinaan empangan bawah tanah, penggunaan air daripada kolam takungan banjir dan penggunaan air dari tasik semula jadi atau buatan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga turut memberi penekanan kepada penerokaan dan penggunaan sumber air alternatif seperti air hujan dan penggunaan air kumbahan terawat atau *new water*, dengan izin, *treated effluent* dari loji rawatan kumbahan sebagai salah satu sumber air utama bagi mengurangkan tekanan ke atas air sedia ada. Untuk itu, di bawah Pelan Induk Teknologi Hijau, *Green Technology Master Plan* (GTMP), kerajaan menyasarkan 50 peratus bahan enap cemar, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Enap cemar itu maksudnya *sludge*, sisa-sisa najis, digunakan semula dan satu pertiga (1/3) penggunaan semula *effluent* terawat menjelang tahun 2030.

Akhirnya, dalam pada itu kerajaan atau kementerian ini juga ingin mengajak orang ramai supaya sentiasa berjimat cermat dalam menggunakan air dalam aktiviti seharian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ya, kita faham bahawa *Malaysians*- orang Malaysia ini memang begitu senang dengan menggunakan air. Oleh kerana kita tidak melihat air sebagai satu khazanah yang begitu penting sekali. Antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah menggunakan *apparatus* cekap air seperti tandas dwi-curahan, menggunakan air hujan bagi tujuan kegunaan bukan minum atau *non-portable*, seperti membasuh kereta dan menyiram tanaman. Melalui cara ini, kita berupaya menurunkan jumlah penggunaan air *capital* daripada 209 liter seorang sehari kepada 180 liter seorang sehari menjelang tahun 2020. Dengan pengurangan penggunaan air ini juga dapat membantu menjamin kelestarian bekalan air bagi generasi akan datang. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Devamany dan soalan terus.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan secara detil dan baik. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini beberapa kawasan di negeri Melaka telah dilanda banjir, termasuklah daerah Jasin. Ratusan mangsa banjir telah dipindahkan ke pusat pemindahan banjir.

Namun, pada bulan Oktober yang lepas rakyat di negeri Melaka dinasihatkan supaya jimat menggunakan air kerana paras air di tiga empangan di negeri Melaka berada pada paras yang tidak memuaskan. Saya percaya masalah ini juga berlaku di negeri-negeri lain iaitu apabila hujan tidak turun di kawasan empangan, maka kita akan menghadapi masalah kekurangan air. Akan tetapi apabila hujan lebat berturut-turut, kita dilanda banjir pula. Maka, soalan saya ialah saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan sistem pengurusan air hujan

kita lebih cekap supaya paras air di empangan berada di tahap yang memuaskan dan selamat. Namun, pada masa yang sama kita tidak akan mengalami masalah banjir walaupun hujan lebat. Terima kasih.

Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy: Yang Berhormat, saya ucap terima kasih ya. Untuk makluman Yang Berhormat, perubahan cuaca, *climatic change* telah mengubah dinamik hujan dan juga kemarau dan kesannya kita nampak baru-baru ini dalam tempoh mungkin satu dua dekad ini kita nampak. Maka, cara kita menangani isu, dua perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Satu, hujan lebat yang boleh menyebabkan pertambahan air yang begitu mendadak di empangan. Kedua, masa kemarau nampak tiba-tiba tidak cukup air.

Maka, di peringkat kebangsaan, kita kena lihat balik oleh sebab tiga kementerian terlibat dalam pengurusan air ini. Pertama, *Natural Resources and Environment Ministry* (NRE) itu di mana mereka jaga kualiti dan juga kuantiti air. Maka, KeTTHA punya kerja adalah untuk memastikan bahawa kita memberi tekanan kepada pengurusan air di peringkat bawah, rakyat. Akan tetapi takungan air ini, *reserved water* ini adalah di bawah naungan NRE. Berertinya kita kena jaga *forestry*. Kita kena jaga supaya air di empangan itu dapat dijamin dan terjaga. Akan tetapi kadang-kadang *the rainfall is so high*, dengan izin, sehingga kita tidak boleh menangani isu curahan air yang begitu banyak sekali. Terpaksa melepaskan. Itu satu.

So, bagaimana kita uruskan soal di hulu? Itu satu isu. Keduanya adalah isu di peringkat hilir. Sekarang kita nampak di Melaka contohnya, ia datang ke hilir. Maka, konsep baharu yang kita tengah bincang adalah untuk *reserve water* masa kemarau di bawah tanah ataupun di satu tempat macam tasik, di mana air lebih yang datang daripada hujan ini pada masa hujan lebat dapat kita takungkan di kawasan-kawasan paya dan kawasan-kawasan di bawah tanah yang digunakan di negara-negara luar. *Barrage*, kita gunakan *barrage*. Empangan- oh, dia ada bagi statistik sikit lah. Empangan Asahan, Durian Tunggal dan Jus. Kan ada tiga? Paras air di Melaka 100 peratus di Asahan; Durian Tunggal – 99.2 percent; Jus – 90.8. Melaka okey. Cuma masa banjir sahaja kita *problem*.

Maka, kita kena ambil air yang lebihan itu dan kita simpan di tempat lain. Itu konsep yang kita akan gunakan di Johor dan juga di Melaka. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, satu kebaikan adalah masa kemarau itu kita dapat berjaya mengurangkan *non-revenue water* di Melaka. *Lowest*, paling kurang di Malaysia, 19.3 peratus pada 2015. Sedangkan *national average*-nya dekat 30 lebih, bererti kita dapat jimat air masa kemarau. Akan tetapi masa hujan ini lah. So, saya ucap terima kasih. Kita tengah cuba tetapi itulah lagi satu masalahnya adalah kita ada tiga *ministry* dan masalah air itu juga adalah di bawah naungan kerajaan negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah bagi menangani kecurian sumber air ataupun bekalan air industri kilang-kilang? Adakah statistik tangkapan, pendakwaan yang dilakukan? Kedua, sejauh manakah usaha memperkasakan kempen penjimatan air yang dilaksanakan oleh kementerian? Oleh sebab kita melihat pembaziran air oleh masyarakat Malaysia agak tinggi. Walaupun kita mempunyai sumber yang tinggi tetapi pembaziran yang tinggi juga menyebabkan satu faktor kita kekurangan bekalan air. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Memang saya setuju soal pertama itu, kecurian air. Hampir 34 peratus daripada air kita adalah air *non-revenue water*. Satu daripada pembocoran paip-paip yang sudah usang dan yang kedua ialah kecurian yang berlaku. Contohnya bagi Selangor ya, sebanyak 248 kecurian telah berlaku ya, air. Tindakan pada tahun 2016 yang telah diambil tindakan dan jumlah air yang telah dicuri adalah sebanyak 573 juta liter yang bernilai RM1,762,300. Itu Selangor sahaja. Negeri-negeri lain belum kita tahu curi ini.

Memang ada banyak tindakan yang telah diambil melalui agensi-agensi yang terlibat untuk memastikan kecurian ini dapat ditangani, khususnya industri-industri. Maka, cara lagi satu adalah melalui memperkenalkan meter terkini yang menggunakan kaedah teknologi canggih untuk memberi maklum balas melalui teknologi kepada pihak pembekal air mengenai kecurian-kecurian yang berlaku.

Kedua, adalah soalan berkaitan dengan sikap manusia ini. Susah sikitlah hendak cerita kerana kita dimanjakan sejak kecil lagi, Tuan Yang di-Pertua. Berus gigi, bila kita gosok gigi pun kita biarkan air 'berlari'. Mandi kita mencurah-curah- 'membaldikan' kita dengan curahan air yang begitu banyak sekali.

■1150

Bagaimana kita hendak ubah sikap ini? Suri rumah-suri rumah hendak cuci sayuran pun biar air berlari. Inilah. Kalau kita di kawasan gurun di Timur Tengah, kalau kita di Australia di mana hanya dibenarkan dua kali untuk menyiram kebun di rumah. Dua kali sahaja. Kalau lebih, dia kena denda.

Di depan kita, Tuhan memberikan khazanah yang begitu kaya tetapi tidak kita ternilai. Inilah keadaannya. Macam mana kita hendak ubah? Satu, melalui kempen. Maka saya balik kepada konsepnya di peringkat sekolah. Kita balik kepada institusi pendidikan, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Jangan pula kita bila sudah bentuk itu, rebung sudah bengkok, lain macam dia *pi*. Susah sikit. So, kita balik kepada asas. Kemudian- keluarga. Media- pelbagai institusi yang membentuk insan ini, perlu digunakan untuk menjaga air. Saya setuju Yang Berhormat kerana *Malaysians are very pampered- water is wasted*. Cuci kereta pun, macam-macam.

Satu lagi yang kita gunakan sekarang adalah melalui produk-produk cekap air. Sekarang ini kita gunakan. Satu, *tap* air itu, pili itu kita gunakan jenis yang berlubang kecil, yang bersiram, bukan mencurah. Itu teknologi. Kemudian, tandas. Kita ada dua jenis *now*. Bila *you* tekan itu, bila kita kencing, membuang air, tidak payah tekan yang besar. Kalau- ada dua *knob* atas itu, ada dua sekarang. So kalau kita buang air besar, kita tekan yang besar. So jumlah air yang keluar itu tidak banyak. So kita kurangkan.

Ketiga ini, *parietal urinal*. Sekarang *urinal* kita biarkan dia sendiri. Dia sensor. Sekejap dia keluar banyak air ke kurang. Kalau dulu kita tekan sekali air mencurah-curah. Bayangkan 30 juta orang yang gunakan *urinal* ini, berapa banyak air akan tercurah.

Keempat ini mesin basuh. Sekarang ada mesin basuh moden yang menggunakan air yang kurang.

Akhir sekali kita ada pancuran mandi. Dulu kita ambil baldi kita curah. Sekarang kita biarkan pancuran itu basahkan kita sedikit.

So, banyak cara kita gunakan tetapi usaha itu akan berterusan. Saya gunakan medan Parlimen ini untuk memberitahu kepada rakyat jelata- 'tepek dada tanya selera'. Khazanah air perlu dijaga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih dan saya rasa saya tangguh dulu.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Maaf ya. Saya hendak terus kepada soalan nombor 6 sekarang.

6. Datuk Lihan Jok minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, usaha untuk menambah daya saing komoditi Malaysia dengan komoditi lain di dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok kerana soalan.

Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua ialah sektor komoditi pada tahun 2016 merekodkan nilai pendapatan eksport sebanyak RM122 bilion atau 15.5 peratus daripada jumlah eksport barangan negara. Kedudukan produk-produk komoditi di peringkat global adalah seperti berikut:

- (i) pengeluar dan pengeksport kedua terbesar minyak sawit di dunia;
- (ii) pengeksport terbesar sarung tangan getah di dunia;
- (iii) pengeluar kelima terbesar getah asli dunia;
- (iv) pengeksport kelapan terbesar perabot dunia;
- (v) pengisar koko kedua terbesar di rantau Asia Pasifik dan ketujuh terbesar di dunia; dan
- (vi) pengeluar lada kelima terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya saing produk-produk komoditi, ini termasuk:

- (i) meningkatkan akses pasaran produk-produk komoditi melalui rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA);
- (ii) memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada dan meneroka pasaran-pasaran baru melalui misi ekonomi dan teknikal bagi mempromosikan produk-produk berasaskan komoditi;
- (iii) meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah menghasilkan produk-produk berasaskan komoditi yang bernilai tambah tinggi. Ini termasuk penghasilan benih klon yang berkualiti tinggi dan penghasilan kayu berkejuruteraan tinggi seperti *glued laminated timber* ataupun *glulam* yang digunakan dalam pembinaan sebagai bahan struktur. Selain itu, industri kayu di Malaysia juga telah meningkatkan rantaian nilai pengeluaran dari hanya berasaskan *original equipment manufacturer* (OEM) kepada *original design manufacturer* (ODM), dan *own-brand manufacturing* (OBM); dan

- (iv) memperkukuhkan aktiviti pensijilan bagi produk-produk berasaskan sawit melalui *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* dan *Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)* bagi produk-produk kayu-kayan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Datuk Lihan Jok: Soalan tambahan. Kita sedia maklum seperti Menteri kata tadi bahawa Malaysia adalah salah satu negara yang banyak mengeluarkan hasil kelapa sawit. Kebelakangan ini kita dengar usaha sedang- penyelidikan sedang dibuat untuk menghasilkan biodiesel. Saya lihat di Sarawak, ladang-ladang kelapa sawit ini makin tahun makin membesar. Adakah biodiesel ini satu usaha yang serius dalam mempelbagaikan produk hasil daripada kelapa sawit dan soalan saya juga, adakah produk hiliran yang lain yang mungkin penemuan yang baru untuk *sustain*, dengan izin, kelapa sawit ini bukan sekadar untuk minyak masak sahaja? Itu soalan saya.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok. Satu soalan yang baik. Memang soalan yang sentiasa ingin diketahui oleh khalayak ramai.

Minyak kelapa sawit ini memang adalah satu minyak yang boleh digunakan dalam pelbagai hasil hiliran. Jadi, biodiesel ini adalah satu cara kita menggunakan minyak sawit ini di dalam biodiesel. Jadi sebenarnya, tujuan kerajaan menggunakan biodiesel ini adalah supaya kita menggunakan minyak sawit ini di dalam negara. Itu tujuannya untuk menstabilkan harga. Harga komoditi ini memang turun naik, turun naik. Memang kerajaan tidak dapat mengawalnya sebab ia ditentukan oleh *supply and demand*- permintaan. Jadi, sekiranya kita boleh menggunakan minyak sawit ini di dalam negara, maka ia akan membantu menstabilkan harga minyak sawit.

Jadi, di Malaysia sekarang ini kerajaan telah memberikan peraturan iaitu setiap satu diesel, petrol diesel, ia mesti dicampurkan dengan tujuh peratus minyak kelapa sawit. Jadi, sebenarnya di stesen-stesen pam yang sekarang ada menjual minyak diesel, sebenarnya ramai juga tidak tahu bahawa tujuh peratus daripada minyak diesel itu adalah minyak kelapa sawit. Sekarang ini kerajaan ingin menambah lagi kepada 10 peratus iaitu 10 peratus minyak kelapa sawit, dan 90 peratus minyak diesel dan ini sedang diusahakan. Tujuannya ialah untuk menambah lagi penggunaan minyak kelapa sawit di dalam pasaran di negara.

Satu perkara yang menarik saya ialah penemuan yang didapati oleh MPOB iaitu menggunakan minyak kelapa sawit untuk dijadikan santan sawit. Kita sekarang ini menggunakan kelapa untuk mengadakan santan kelapa. Kita tahu di Malaysia ini dan juga di Rantau Asian ini, sebahagian daripada masakan kita menggunakan santan kelapa.

■1200

Jadi, kita telah dapat menghasilkan melalui proses apa dikatakan proses osmosis, *reverse proses*. Minyak kelapa sawit itu boleh diproses menjadi santan sawit yang mempunyai baunya yang sama, rasa yang sama. Jadi sekarang ini kita boleh makan cendol, biasa gunakan santan kelapa, kita boleh gunakan santan sawit. Satu kebaikan santan sawit ini ialah ia mempunyai dan kaya dengan vitamin 'E'. Vitamin 'E' ini ialah suatu vitamin yang boleh membaiki pandangan,

menerangkan mata kita dan ia juga tidak mempunyai kolesterol. Itu kebbaikannya. Minyak sawit ini tiada kolesterol, berbanding dengan minyak kelapa yang punya banyak kolesterol.

Jadi ini penemuan-penemuan yang begitu baik sebab dengan adanya santan sawit ini maka penggunaan minyak kelapa sawit di negara akan bertambah dan ini adalah penemuan-penemuan yang kita dapati dan banyak lagi. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, terdapat penemuan-penemuan yang telah diperkenalkan oleh MPOB, oleh saintis-saintis dalam MPOB di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam pukul 12, maka tamatlah masa sesi soal jawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.01 tgh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf ya. Sila Yang Berhormat Menteri bantangkan.

Dato' Masir Kujat: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diwujudkan bagi memperkemas tindakan kawalan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan darat negara. Melalui rang undang-undang ini, satu agensi khusus dikenali sebagai Agensi Kawalan Sempadan Malaysia atau AKSEM diwujudkan bagi mengawal kegiatan penyeludupan atau aktiviti-aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat negara. Perwujudan AKSEM akan dapat memperkukuhkan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan di sempadan darat negara melalui punca kuasa yang khusus bagi memastikan tindakan membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan lebih berkesan.

Kerajaan memandang serius terhadap aktiviti-aktiviti penyeludupan dan aktiviti-aktiviti lain yang menyalahi undang-undang seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin atau PATI serta pemerdagangan manusia kerana bukan sahaja memberi kesan terhadap keselamatan negara tetapi juga menjejaskan imej negara di peringkat antarabangsa. Aktiviti penyeludupan juga menyebabkan

berlaku ketirisan hasil negara ekoran penyeludupan barangan bersubsidi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sempadan laut dan darat Malaysia yang luas merupakan antara cabaran utama kepada agensi-agensi penguatkuasaan dalam mengurus keselamatan sempadan.

Senario penyeludupan pada hari ini berbeza, berbanding pada masa dahulu disebabkan kesan daripada arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat misalnya, menyebabkan aktiviti penyeludupan dan jenayah lintas sempadan menjadi semakin kompleks. Penjenayah menjadi semakin licik dengan kegiatan jenayah yang terancang dan menggunakan pelbagai medium bagi mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa.

Pada masa yang sama, perbezaan harga barangan di antara Malaysia dan negara jiran seperti Thailand terutamanya dari segi barangan bersubsidi, mendorong pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyeludup barang terlarang. Selain itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan makmur serta kedudukannya yang strategik di tengah-tengah ASEAN menjadikannya sebagai tarikan utama kepada pendatang asing tanpa izin dari pelbagai negara untuk masuk ke Malaysia dengan membawa kepada berlakunya aktiviti pemerdagangan manusia.

Dahulu, aktiviti penyeludupan lebih tertumpu pada barang keperluan asas seperti beras dan minyak masak. Namun, senario penyeludupan pada ketika ini telah diperluaskan kepada kegiatan membawa dadah sintetik, barangan subsidi seperti petrol dan diesel, termasuk aktiviti jenayah rentas sempadan dan jenayah terancang seperti pemerdagangan manusia, penggubahan wang haram dan penyeludupan senjata api.

Dalam konteks pemerdagangan manusia, Malaysia telah dinaikkan ke tahap dua dalam laporan tahunan mengenai pemerdagangan orang dalam *US TIP Report* tahun 2017. Laporan ini telah dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada 20 Jun 2017, melibatkan penilaian terhadap 187 buah negara mengenai usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang melalui tiga komponen utama iaitu pendakwaan, perlindungan dan juga pencegahan. Kedudukan ini adalah pencapaian terbaik negara sejak tahun 2007 iaitu setelah negara mempunyai perundangan khusus mengenai pemerdagangan orang.

Seterusnya, kewujudan laluan yang disebut sebagai laluan tikus di sempadan negara yang dijadikan laluan untuk pendatang asing tanpa izin dibawa masuk dalam negara di samping digunakan juga sebagai tempat laluan bagi kegiatan jenayah rentas sempadan meningkatkan lagi cabaran penguatkuasaan di sempadan negara terutamanya di Sabah dan juga di Sarawak. Justeru, kerajaan memberi inisiatif untuk mewujudkan agensi khusus bagi mengawal dan seterusnya membanteras kegiatan ini, serta memperuntukkan kuasa yang bersesuaian kepadanya bagi melaksanakan fungsi tersebut dengan lebih berkesan. Kewajaran mewujudkan agensi khusus ini adalah bagi memperkasakan kawalan keselamatan di sempadan negara melalui koordinasi pengurusan sempadan yang lebih efektif melalui penggunaan prosedur operasi standard tunggal.

AKSEM diwujudkan dengan menaik taraf Unit Pencegah Penyeludupan atau dulu dikenali sebagai UPP. UPP telah ditubuhkan pada 26 Jun 1976 sebagai satu unit bertindak bertujuan untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan kemasukan secara haram pendatang asing di sempadan Malaysia-Thailand. UPP merupakan satu pasukan penguatkuasaan yang dibentuk melalui

gabungan keanggotaan daripada tiga agensi induk yang bertindak secara bersepadu iaitu PDRM, Kastam Diraja Malaysia dan juga Jabatan Imigresen Malaysia.

Mandat penubuhan adalah di bawah Majlis Keselamatan Negara melalui arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 15, UPP lebih merupakan *site force* dan melaksanakan tanggungjawab berdasarkan kuasa-kuasa keanggotaannya yang mewakili agensi masing-masing. Dari sudut perjawatan secara keseluruhannya, UPP mempunyai 933 jawatan yang wujud dalam tiga waran perjawatan yang berbeza iaitu masing-masing milik PDRM, Kastam Diraja Malaysia dan juga Jabatan Imigresen Malaysia. Selain itu, kawasan pengoperasiannya juga terhad kepada kawasan yang tidak bertindih kepada kawasan penugasan agensi penguat kuasa sedia ada.

Melalui rang undang-undang ini, fungsi AKSEM telah diperluaskan bagi melaksanakan kawalan di kawasan sempadan darat negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Fungsi ini telah membolehkan AKSEM melaksanakan operasi sehingga ke garis persempadanan negara bagi membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang. Ini akan dapat diperkukuhkan lagi tahap kawalan keselamatan yang pada masa ini dilaksanakan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA), PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Bagi tujuan pengoperasian di Sabah dan Sarawak, AKSEM akan bekerjasama rapat dengan pihak kerajaan negeri bagi meneliti kaedah terbaik pengoperasiannya, termasuk mengenal pasti secara bersama kawasan-kawasan strategik yang akan dijadikan tumpuan operasi dan kawalan. Pengoperasian AKSEM secara pentadbiran telah dilaksanakan mulai 2 November 2015, tanpa melibatkan pertambahan jawatan baru, sebaliknya mengguna pakai jawatan daripada agensi sedia ada melalui kaedah *redeployment*. AKSEM dibentuk dengan memperkemaskan struktur pengurusannya serta memperkukuhkan kekuatan anggota melalui *redeployment* anggota agensi penguat kuasa sedia ada termasuk daripada PGA secara *National Blue Ocean Strategy* ataupun NBOS

Melalui rang undang-undang ini juga, agensi-agensi yang membentuk AKSEM turut ditambah dengan melibatkan keanggotaan daripada lima agensi iaitu PDRM, JIM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau KDRM, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan juga Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan juga mungkin Angkatan Pertahanan Awam (APM) serta jika bersesuaian juga Jabatan Sukarelawan Malaysia atau RELA akan turut dimasukkan.

■1210

Malah peruntukan dalam rang undang-undang ini juga membenarkan mana-mana pegawai awam lain dilantik bagi menyertai AKSEM mengikut keperluan. Justeru, kekuatan AKSEM akan dapat terus diperkasakan dengan penglibatan agensi lain dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Strategi ini penting bagi memastikan kawalan dan penguatkuasaan yang lebih holistik dapat dilaksanakan secara bersepadu untuk memastikan kawasan sempadan darat negara terpelihara daripada ancaman aktiviti penyeludupan.

Salah satu inisiatif terbaru yang akan diaplikasikan dalam pengoperasian AKSEM adalah dengan menetapkan had tertentu bagi anggota-anggota yang bertugas di lapangan agar tidak terlalu lama ditugaskan di sesuatu kawasan sehingga terdedah kepada risiko ancaman rasuah. Justeru,

kaedah *rotation* akan diguna pakai bagi membuat pusingan kerja di kalangan anggota-anggota operasi yang terlibat.

Sejak penubuhan AKSEM, mereka telah berjaya melaksanakan fungsinya dengan berkesan di mana pada tahun pertama pengoperasian iaitu pada tahun 2016, nilai rampasan barangan yang diperoleh oleh AKSEM ialah sebanyak RM38.6 juta berbanding RM18.2 juta pada tahun 2014 iaitu sebelum AKSEM diwujudkan secara pentadbiran. Malah bagi tempoh separuh pertama tahun ini, iaitu mulai Januari hingga Jun 2017, AKSEM telah berjaya mencatat nilai rampasan barangan sebanyak RM18.6 juta di mana angka ini melebihi nilai rampasan setahun yang diperoleh oleh UPP pada tahun 2014.

Momentum kejayaan ini diyakini akan terus menunjukkan impak yang lebih baik melalui mandat yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang AKSEM ini. Rang undang-undang ini juga merupakan pewujudan dua Jawatankuasa Khas iaitu Jawatankuasa Penyelaras dan juga Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang terdiri daripada Pengerusi serta anggota daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Jawatankuasa Penyelaras bertanggungjawab merumus program pencegahan penyeludupan, memantau dan mengawal kegiatan penyeludupan serta memperakukan syor kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi untuk dipertimbangkan pelaksanaannya. Manakala Jawatankuasa Peringkat Tertinggi akan menimbang dan meluluskan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelaras, selain bertindak memutuskan apa-apa perkara yang berhubung dengan keselamatan sempadan darat negara.

Justeru perwujudan kedua-dua jawatankuasa ini akan menyediakan ruang kepada pelbagai pihak khususnya agensi-agensi penguat kuasa yang berkaitan untuk bersama-sama memberikan pandangan dan berkongsi pengalaman serta kepakaran bagi menentukan usaha pencegahan yang bersesuaian sesuatu tindakan penguatkuasaan yang lebih mantap untuk dilaksanakan. Berikutan itu, struktur terbaru yang diwujudkan Rang Undang-undang AKSEM ini adalah lebih fleksibel dan membolehkan tindakan pengukuhan dilaksanakan dari semasa ke semasa, sama ada daripada aspek kekuatan, keanggotaan mahupun pelaksanaan dasar-dasar baru yang ditetapkan bagi menambah baik langkah kawalan serta pencegahan yang dilaksanakan.

Satu prosedur operasi standard tunggal juga akan diwujudkan untuk menyediakan rujukan standard bagi agensi penguatkuasaan yang beroperasi di sempadan darat negara. Prosedur ini akan dapat mengemaskan lagi bentuk tindakan dan pengoperasian yang dijalankan bagi meningkatkan lagi keberkesanan kawalan dan tahap keselamatan di sempadan. Justeru, adalah diyakini inisiatif-inisiatif terbaru yang dimasukkan dalam Rang Undang-undang AKSEM ini akan dapat memperkasakan lagi usaha-usaha mempertingkatkan tahap kawalan keselamatan di sempadan sekali gus membendung aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan darat negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 ini terbahagi kepada tujuh bahagian yang mengandungi 30 fasal dan huraian terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 yang dicadangkan bertujuan untuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang akan digunakan khidmatnya bagi mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini merupakan seperti berikut:

Bahagian I akta yang dicadangkan memperkatakan perkara “Permulaan.”

Fasal 2 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 3 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Manakala, Bahagian II, akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia dan fungsinya.

Fasal 3, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi manakala fasal 4, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Agensi.

Bahagian III, akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi mesyuarat dan fungsinya.

Fasal 5, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi manakala fasal 6, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi.

Fasal 7, bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan fungsi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi untuk menimbang teliti dan memutuskan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Pelaras dan Agensi atau perkara yang berhubungan dengan keselamatan sempadan darat Malaysia.

Bahagian IV, akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras, mesyuarat dan fungsinya.

Fasal 8, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Penyelaras.

Fasal 9, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras.

Fasal 10, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Jawatankuasa Penyelaras dan bagi maksud itu Jawatankuasa Penyelaras mempunyai kuasa untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau sesuai manfaat oleh Jawatankuasa Penyelaras untuk membantu Jawatankuasa Penyelaras menjalankan fungsinya.

Bahagian V, akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan Komisioner Jeneral, Timbalan-timbalan Komisioner Jeneral, pembatalan dan peletakan jawatan Komisioner Jeneral, pelantikan pegawai lain Agensi dan kuasa pegawai Agensi.

Fasal 11, bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong, kuasa untuk melantik Komisioner Jeneral dan Menteri untuk melantik Timbalan Komisioner Jeneral dalam kalangan pegawai awam.

Fasal 12, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembatalan dan peletakan jawatan Komisioner Jeneral.

Fasal 13, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai lain agensi untuk melaksanakan peruntukan akta yang dicadangkan ini. Pegawai lain Agensi hendaklah dilantik dalam kalangan pegawai awam termasuklah Pegawai Polis, Kastam, Imigresen, pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan mana-mana pegawai awam lain yang difikirkan sesuai manfaat oleh Menteri.

Fasal ini juga mengenakan kewajipan ke atas pegawai lain Agensi untuk tertakluk kepada arahan, perintah, kawalan dan juga penguasaan Komisioner Jeneral atau mana-mana pegawai lain Agensi yang lebih tinggi pangkatnya daripadanya.

Fasal 14, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai Agensi.

Fasal 15, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perakuan pelantikan yang dikeluarkan dalam bentuk kad kuasa kepada Agensi.

Bahagian VI, akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan peruntukan am.

Fasal 16, memperkatakan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan pakaian seragam dan kelengkapan dan fasal 17, mengenakan kewajipan ke atas pegawai Agensi untuk mengembalikan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan apabila dia berhenti menjadi pegawai Agensi.

Fasal 18, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan penyamaran.

Fasal 19, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pangkat pegawai Agensi dan Menteri memberi kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Fasal 20, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi memulakan pendakwaan bagi kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 21, bertujuan untuk memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kewajipan mengekalkan kerahsiaan.

Fasal 22, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan Agensi. Mana-mana jawatankuasa, mana-mana pegawai agensi, anggota jawatankuasa atau kakitangan entiti kerajaan lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian, pengingkaran atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Fasal 23, mengatakan bahawa pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa atau kakitangan entiti kerajaan lain disifatkan sebagai khidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Fasal 24, bertujuan untuk memberikan perlindungan yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 atau Akta 198 terhadap apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding kepada Agensi, jawatankuasa, pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa atau kakitangan entiti kerajaan yang lain.

■1220

Fasal 25 bertujuan untuk memberi Komisioner Jeneral kuasa untuk mengeluarkan perintah pentadbiran yang disebut "Perintah Tetap" yang selaras dengan peruntukan akta ini tentang kawalan

am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai agensi dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas dan pada amnya untuk memastikan agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Fasal 26 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pemberi maklumat di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 27 memperkatakan keterangan ejen provokasi yang boleh diterima.

Fasal 28 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta yang dicadangkan.

Bahagian VII akta yang dicadangkan mengenai peruntukan yang berhubungan peruntukan pengecualian dan peralihan.

Fasal 29 dan 30 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan berhubungan dengan jawatankuasa dan Unit Pencegahan Penyeludupan yang sedia ada yang ditubuhkan masing-masing di bawah Arahan No. 15, Majlis Keselamatan Negara dan Kerajaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan telah memberi huraian yang paling baik, panjang dan jelas . Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya ada senarai nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Bagus, galakan bagus. Nampak ada 11 orang di sini dan saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

12.22 tgh.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk memulakan perbahasan Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pembentangan akta ini yang mana kita lihat kepada susunan dan draf akta ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan amat komited di dalam memastikan keselamatan di sempadan Malaysia dengan negara-negara jiran adalah terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan sepatutnya wujud akta seperti ini kerana ia memberi satu gabungan kepada pelbagai agensi yang terlibat di dalam urusan-urusan di sempadan kita seperti jabatan imigresen, jabatan polis, angkatan tentera dan juga jabatan-jabatan yang lain

supaya kita gabungkan di bawah satu agensi yang sentral supaya kita dapat satu *command* yang tersusun dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menekankan di sini perbahasan saya kepada sempadan kita di Sarawak dengan Indonesia dan juga negara Brunei. Kita mempunyai satu garisan sempadan yang begitu panjang dengan Indonesia. Kita mempunyai 2,019.5 kilometer panjang sempadan kita dengan Indonesia iaitu dari Sematan-Telok Melano hinggalah ke Lawas. Dan juga dengan negara Brunei kita mempunyai satu garisan sempadan sepanjang 481.3 kilometer panjangnya sempadan kita dengan negara Brunei Darussalam.

Kalau kita lihat di Pulau Borneo ini, Indonesia meliputi hampir 73 peratus Kepulauan Borneo dan Malaysia yang daripada Sarawak dan Sabah memiliki 26 peratus dan negara Brunei memiliki satu peratus. Jadi oleh itu kita perlu memberi sedikit penekanan kepada sempadan di antara Sarawak dengan Indonesia kerana kita tahu bahawa banyak kawasan-kawasan yang boleh dilalui dengan jalan darat di antara Sarawak, Malaysia dan Indonesia. Bermula kalau kita lihat daripada Teluk Melano di Lundu, Sarawak sehinggalah kita melihat di kawasan Serikin di Bau. Kita lihat Pekan Tebedu dan Entikong dan juga tidak kurang dengan kawasan Timbalan Menteri kita, Lachau yang terkenal di mana ada kalanya terlalu bebas pergerakan di antara rakyat Indonesia dengan Pekan Lachau di dalam daerah di kawasan bahagian Sri Aman.

Kita juga ada beberapa kawasan lain yang boleh kita lalui dengan jalan darat dan juga tidak perlu menggunakan kenderaan, kita boleh berjalan dan sebagainya. Ini kerana Indonesia itu ada kalanya sebelah kampung kita sahaja. Begitu mudah sekali maka seharusnya kawalan-kawalan seperti ini seharusnya diperbaiki dan dikemas kini kerana apa yang kita takuti ialah urusan-urusan yang tidak baik iaitu penyeludupan, baik manusia mahupun haiwan mahupun tumbuh-tumbuhan.

Jelas sekali di negeri Sarawak baru-baru ini kita melihat merebaknya wabak *rabies* di mana pergerakan binatang itu seperti anjing bebas keluar masuk dari sebelah Kalimantan, Indonesia ke kampung-kampung berdekatan di negeri Sarawak akhirnya terjangkitlah binatang-binatang ini dengan wabak yang kita namakan *rabies* yang begitu bahaya sekali hingga menyebabkan kerajaan mengadakan satu operasi yang besar untuk memberi suntikan lebih kepada 35,000 ekor anjing yang perlu disuntik kerana wabak *rabies* ini merebak daripada kawasan sebelah Kalimantan. Jadi bukan sahaja manusia perlu kita kawal, tetapi juga haiwan-haiwan ini perlu kita kawal.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, maka kita rasa bahawa kawalan ini perlu kita perketatkan khususnya di kawasan-kawasan di negeri Sarawak. Kita juga harus ingat bahawa peristiwa yang berlaku di Lahad Datu, Sabah harus juga kita ambil kira kerana kalau tidak ada kawalan yang begitu ketat di sempadan, kita takut elemen-elemen seperti ini akan berlaku termasuk juga lah perkembangan ekstremisme yang memerlukan kita mempunyai satu agensi yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin mendapat sedikit kepastian dalam rang undang-undang ini selaras dengan takrifan dalam seksyen 2 rang undang-undang ini di mana definisi sempadan darat Malaysia yang meliputi Malaysia, Thailand, Indonesia dan Brunei. Saya ingin mendapatkan kepastian mengapakah Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah tidak dimasukkan dalam jawatan kuasa tertinggi dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan dengan

perhutanan dan sumber asli dan tidak asli dan tidak dimasukkan dalam Jawatankuasa Penyelaras di seksyen 8(2)?

■1230

Tuan Yang di-Pertua, kita harus melihat bahawa kedudukan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan juga kedudukan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dalam hal ini harus diberi pertimbangan istimewa kerana kita mempunyai peranan dan kuasa yang begitu luas sekali untuk menjaga atau mentadbir negeri Sarawak, mestilah kedudukan kedua-dua Ketua Menteri ini, harus diberi pertimbangan istimewa.

Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa kedudukan mereka mungkin tidak sama dengan sebahagian daripada Menteri Besar yang mana negeri-negeri mereka, *bordering the states of Thailand* kah, apa kah, tidaklah mungkin kita harus beri pertimbangan yang berlainan sedikit. Istimewa sedikit daripada Menteri-menteri Besar *at the border state*. Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah mesti duduk di dalam jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Kerajaan Persekutuan perlu menambah keanggotaan jawatankuasa penyelaras kepada ini untuk kes Sarawak. Kita masukkan juga Jabatan Perhutanan Sarawak dan beberapa agensi kawal selia Sarawak yang berkuasa dalam bidang sempadan Malaysia, Indonesia dan Brunei. Ini memudahkan penyelarasan dan komitmen kerajaan dalam menangani, katakan pencerobohan hutan dan penyeludupan barang dan kecurian sumber asli yang berlaku di sempadan Sarawak, Indonesia dan Brunei. Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita harus menambahkan keanggotaan jawatankuasa peringkat tertinggi. Begitu juga jawatankuasa penyelaras. Saya melihat bahawa untuk Sarawak, kita hanya ada Ketua Polis bagi negeri Sarawak.

Bagi saya, Ketua Polis tidak cukup untuk mewakili negeri Sarawak di peringkat ini. Kita harus menambahkan kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak untuk diletakkan di dalam jawatankuasa penyelaras. Kalau kita katakan Sarawak diwakili oleh Ketua Polis, pada saya ini tidak cukup. Mesti kita meletakkan pihak yang berkuasa tertinggi dalam negeri Sarawak iaitu Setiausaha Kerajaan Sarawak. Begitulah juga dengan negeri Sabah. Jadi, pada saya, seksyen 8(2) ini harus ditambah lagi dengan Setiausaha Kerajaan Sarawak. Sepatutnya masuk, duduk di dalam jawatankuasa penyelaras ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah kaedah terbaik kawalan sempadan Sarawak dan Sabah memandangkan liputan kawasan sempadan adalah begitu besar dan penggunaan teknologi amat diperlukan. Justeru itu, saya juga berpendapat bahawa kalau kita melihat sini bahawa Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), saya rasa ada juga pentingnya JUPEM dimasukkan di dalam jawatankuasa penyelaras ini kerana pentingnya ada kalanya kita melihat ada kalanya sempadan kita berubah-ubah. Jadi seharusnya dalam agensi ini, untuk mengenal pasti *border line* kita, seharusnya saya rasa JUPEM patut dipertimbangkan untuk duduk di dalam jawatankuasa ini bagi ada kaedahnya, ada masa-masa tertentu, JUPEM kita perlukan di dalam jawatankuasa penyelaras ini.

Jadi, saya oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan kepastian. Apakah komitmen dan perancangan agar obligasi AKSEM ini untuk menjadi organisasi

yang cekap dalam kita mengawal sempadan bagi memanfaatkan kedaulatan negara kita Malaysia ini. Dengan yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Zaiedi yang telah bercakap lebih kurang 13 minit, lebih kurang. Nampak hujah-hujah yang baik. Bagus. Saya rasa Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili banyak memahamilah rang undang-undang ini dan pandangan yang baik juga banyak dikemukakan.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

12.35 tgh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya untuk bahas Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM). Sebenarnya kita sudah lama tunggu satu agensi khas untuk mengawal sempadan terutamanya saya yang tinggal di sempadan Malaysia-Thailand. Kita tengok soal-soal keselamatan sempadan ini, saya tengok agak longgar sebab jabatan ada, jabatan banyak. PDRM, kastam, UPP, imigresen, LKIM, banyak di sempadan tetapi saya tengok tidak ada satu penyelarasan untuk menjaga keselamatan di sempadan terutamanya yang melibatkan penyeludupan.

Terkini, lebih bahaya lagi jika ianya melibatkan penyeludupan manusia yang boleh mengancam keselamatan negara. Jadi kepada kerajaan, kepada KDN, saya hendak berterima kasih banyak kerana mempunyai satu kesedaran yang tinggi untuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan untuk satukan di bawah satu agensi untuk mengawal keselamatan sempadan. Memang soal keselamatan ini, kita memang tidak ada toleransi. Kita perlu kawal betul-betul. Apatah lagi di sempadan Sungai Golok itu, ianya mudah dibolosi sebab apabila musim kemarau, dia boleh menyeberangi sungai secara jalan kaki sahaja. Jadi eloklah jika kita, KDN tubuhkan Agensi Kawalan Sempadan dan satukan jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai pasukan keselamatan supaya letak di bawah AKSEM.

Cuma saya tengok tadi, dibentangkan yang ada dalam AKSEM ini, PDRM, Jabatan Imigresen (JIM), kastam, AADK, LKTN, cuma saya tengok, saya hendak cadangkan juga, apa kata dimasukkan juga RELA, APM dan beberapa agensi lain yang kita rasa boleh membantu kita dalam usaha untuk keselamatan di sempadan. Sebab saya tengok, kalau yang ada hari ini pun, dia jaga. Yang ada hari ini pun, saya tengok dia dijaga dengan elok tetapi tidak ada kesefahaman. PDRM suku, ATM suku dan dalam ini, ATM tidak ada ini kalau boleh masukkan tentera sebab ya lah pasukan keselamatan. Biar dia *combine* sekali, sama duduk sempadan itu.

Seorang Ahli: Ada, ada.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Adakah ini? Ada tadi tak baca tadi. Tidak mengapalah. Akan tetapi saya tengok sekarang ini, tentera, tentera. Empat orang. Satu unit itu, empat orang. Lebih kurang dua depa tetapi yang saya hairannya, walaupun dua depa berada, tetapi ada juga yang bolos. Saya tidak kata soal integriti tetapi apabila sudah di bawah AKSEM ini, apabila sudah ada semua jabatan yang terlibat itu, saya rasa untuk bolos itu, ada kurang sedikitlah, kalau hendak bolos.

Akan tetapi saya hendak beritahulah, saya ada di sempadan. Saya tengok, soal penyeludupan ini, apabila di bawah AKSEM ini, kena lebih serius lagilah sebab soal dadah ini saya tengok, masuk berleluasa. Saya hendak tengok di bawah AKSEM ini, sejauh mana keberkesanan AKSEM ditubuhkan. Sebab dulu di bawah UPP, UPP ini, saya rasa tidak berapa menyeluruh dia punya tindakannya. Saya hendak tengok bawah AKSEM ini, sejauh mana keberkesanan penyeludupan masuk terutamanya dadah daripada Thailand ke Malaysia.

■1240

Sejak akhir-akhir ini pun di Rantau Panjang, sebelum mari Dewan Negara 14 hari bulan baru-baru ini, 13 hari bulan pukul 4 pagi, saya ingatkan *accident* apa, ingatkan langgar orang dekat Rantau Panjang, pukul 4 pagi. Saya pergi hospital, mayat bergelimpangan dan yang bawa pendatang asing itu daripada Myanmar empat orang, *driver* itu orang tempatan. Habis mati. Langgar tiang api, naik sampai atas tiang api. Saya pergi hospital. Jadi, AKSEM ditubuhkan ini bila dikuatkuasakan nanti perkara ini saya ingat boleh dihapuskanlah penyeludupan manusia yang...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Okey.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon pandangan daripada Yang Berhormat Senator Rantau Panjang. Soal sempadan antara Thailand dengan Malaysia, soal penyeludupan dadah, senjata api dan sebagainya ia telah berlarutan begitu lama. Lama sudah berlaku. Seingat saya, mula-mula saya berada di dalam Dewan, dalam ucapan saya pernah mengesyorkan kepada kerajaan supaya dibina tembok benteng untuk kita menyekat laluan tikus, laluan gajah dan sebagainya.

Akan tetapi, kita tidak tahu setakat mana yang berlaku hari ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator, apakah dengan adanya AKSEM ini ia akan sekali gus tidak lagi ada isu-isu soal penyeludupan senjata dan soal penyeludupan pil kuda. Saya tahu orang Kelantan banyak makan pil kuda. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Senator sendiri pembekalnya pun saya tidak tahu. Mungkin jugalah sebab dia Rantau Panjang, kan?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tarik balik. Tarik balik.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya tarik balik. Jadi, apakah ia boleh mengurang ataupun sekali gus tidak ada lagi perkara-perkara ini yang akan berlaku untuk masa-masa hadapan. Soal Yang Berhormat Senator tadi tauke pil kuda saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Tarik balik. Bagus.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih. Saya ingin menambah sedikit daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi. Saya melihat bahawa perjuangan kita punya Yang Berhormat Senator daripada Rantau Panjang ini tidak berakhirnya. Ini kerana apa yang disebut tadi tentang pertindihan dari segi tugas dan tanggungjawab seolah-olah jabatan yang ditubuhkan ini mementingkan jawatan masing-masing sedangkan yang lalu di depan itu penyeludupan, imigresen mungkin tengok bukan tugas dia.

Jadi, adakah tindakan AKSEM ini holistik? Maksud dia, dipertugaskan kalau ia penyeludupan pihak polis, pihak imigresen sama-sama. Jangan biarkan keadaan ini berlaku. Adakah Yang Berhormat Senator setuju dengan cadangan ini supaya agensi yang ditubuhkan ini

tidak lagi berada dalam keadaan masing-masing punya tugas dan bidang kuasa. Ia disarankan tindakan secara holistik bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih juga. Jawab Yang Berhormat Senator.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Nampaknya minat sempadan Malaysia-Thailand ini mungkin Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif dan Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani ini biasa pergi Golok mungkin?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani pun orang Kelantan. Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif mungkin biasa dekat Golok sebab itu dia tahu. Soal saya hendak bangkit Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas yang bangkit tadi. Sebenarnya kalau AKSEM ditubuhkan saya tidak jamin soal penyeludupan ini boleh berakhir sebab di sempadan itu ada beratus lorong tikus.

Jadi, hendak tutup itu sangat susah. Lagipun, Malaysia dengan Thailand ini ada hubungan darah. Hubungan tali kekeluargaan. Ada persaudaraan. Ada orang sini kahwin sana. Orang sana kahwin orang sini. Datuk Abbas saya tidak tahulah.

Seorang Ahli: Tiada.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tiada. Jadi, hendak tutup itu kena fikir. Mungkin boleh tutup banyak. Boleh tutup itu tidak semuanyalah. Kena fikir juga *social obligation*. Kalau hendak dibina tembok itu. Kena fikir juga. Kena fikir. Kita takut ada masalah sosial lain yang akan timbul. Katalah, ada pro dan kontra sebab orang di Rantau Panjang ini, dia berniaga. Dia bukan menyeludup, Tuan Yang di-Pertua. Sudah turun temurun dia berniaga. Pakai sungai bukan pakai jambatan sempadan. Dia pakai sungai. Dia sudah bukan menyeludup dah. Dia jadi aktiviti perniagaan daripada dahulu turun temurun lagi macam itu.

Jadi, kalaulah disekat. Dibuat tembok dia tidak boleh berniaga. Saya takut timbul masalah lain seperti merompak, menyamun, mencuri dan segala-galanya sebab mata pencarian sudah hilang. Jadi, kena fikir. Akan tetapi, kita mungkin fikir soal keselamatan. Soal keselamatan negara juga kita tidak ada tolak ansur. Jadi dengan adanya AKSEM ini, saya yakinlah penyeludupan manusia, penyeludupan senjata api saya ingat boleh berkurangan. Akan tetapi, hendak yakinkan *100 percent* saya tidak yakin sebab yang ada sekarang ini pun lebih kurang dua depa. Empat ATM ada jaga ini boleh bolos. Boleh lepas. Jadi bila ada AKSEM ini, adanya imigresen, masuk RELA, PDRM dan AADK ini saya rasa masing-masing bertanggungjawab.

Kalau dahulu bila tengok orang seludup ini hanya UPP sahaja. Ini kerja UPP. Imigresen kata, "*Ini bukan kerja aku. Kerja aku cap passport sahaja*". Jadi, hanya UPP. Saya amat yakin AKSEM ini boleh dapat mengurangkan penyeludupan manusia, senjata api dan dadah. Akan tetapi, yang dadah ini kena lebih agresif sedikitlah, AKSEM ini. Ini kerana AADK ini kena ramai sedikit. Polis kena ramai sedikit sebab kita bimbang. Saya tahulah fasal kampung saya. Jadi, banyak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator. Panjang lagi? Sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sudah hendak habis kah? Saya rasa itulah dan saya hendak minta AKSEM...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah sedikit Yang Berhormat Senator. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh

Yang Berhormat Senator berhubung dengan hendak dimasukkan AADK dalam *team* ini. Akan tetapi, kita kena beringat juga Yang Berhormat Senator sebab sekarang ini AADK pun tengah tenat ini. Kewangan tiada. Baru-baru ini kami buat perjumpaan dengan PEMADAM dan program-program pun tidak dapat dibuat.

Baru-baru ini saya ke Segantang Garam. Nama tempat Segantang Garam. Tok Imam sahaja berani keluar sebab ahli jawatankuasa masjid tidak berani keluar ke program itu sebab tokan-tokan sudah beritahu kepada dia orang kalau keluar ikut program ini, kami akan buat sesuatu kepada keluarga dia. Sampai ke tahap itu. Saya tertanya pula. Macam mana bahagian narkotik AADK. Macam mana? AADK kata, "*Kami tidak cukup kakitangan. Kami tidak cukup kewangan*". Bila tidak cukup kewangan, Tuan Yang di-Pertua. Ini hendak jaga sempadan pula. Jadi, saya minta supaya kerajaan melihat *we cannot sacrifice* agensi-agensi yang begini.

Kita tidak boleh *sacrifice* Badan Pencegahan Rasuah. Kita tidak boleh *sacrifice* AADK. Malah kita kena tambah peruntukan untuk mereka. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Senator.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya setuju sangatlah dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah sebab kalau kekangan peruntukan, susah dia orang hendak pergi bekerja, bertugas dan saya rasa di bawah AKSEM ini, satu agensi baru *combine* jabatan kerajaan ini saya yakin peruntukan akan lebih banyak lagi. Soal AADK narkotik ini saya minta diperkasakan lagi supaya soal-soal dadah di sempadan ini boleh dikawal. Saya malas hendak cakap banyak. Malas cakap itu sebab ini mungkin macam Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah cakap tadilah, ada ugutan-ugutan.

■1250

Macam saya di sempadan pun tidak berani hendak cakap banyaklah sebab takut benda ini, ugutan ini sebab banyak tauke-tauke di sana. Tauke-tauke ini, orang kata, lebih baik jadi tauke daripada penghisap. Penghisap ada ditangkap, tauke tidak ditangkap.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: [*Bangun*]

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ada lagi?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ada. Minta laluan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Sama-sama hendak bangun ini.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jadi *confuse*, jadi pening kepala saya ini. Sekejap tadi Yang Berhormat Senator kata kita bersetuju supaya AKSEM ini menjadi penghalang kepada penyeludup dan sebagainya. Dan Yang Berhormat juga kata kita kena fikir banyak, soal sosial dan sebagainya, soal perniagaan beras dan sebagainya, soal perniagaan pil kuda dan sebagainya, dia juga kata. Saya jadi pening.

Apa yang berlaku hari ini, Yang Berhormat, saya hendak beritahu, di kampung saya, jauh daripada Rantau Panjang, ada empat kes tembakan dan mangsa itu mati meninggal. Apa yang kita ragui ialah dari mana pistol, dari mana senjata api itu? Tentulah daripada sempadan, daripada Rantau Panjang. Betul. Takkan ia masuk daripada sebelah Selat Melaka? Tidak mungkin. Ia masuk daripada Rantau Panjang.

Kalau kita masih berlembut dalam soal ini memikirkan soal sosial, soal perniagaan dan sebagainya, sudah tentu negara kita akan terancam di suatu hari nanti. Jadi mohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abbas. Saya kata soal keselamatan tidak ada tolak ansur. Kalau AKSEM ini ditubuhkan dan kena betul-betul praktikal supaya apa yang kita hendak, apa yang dikehendaki- tujuan AKSEM ditubuhkan ini biar betul-betul berkesan. Saya tak kata tidak bagus. Ia bagus tetapi kena lebih praktik supaya biar betul-betul penyeludupan ini tidak berlaku- senjata api kah, dadah kah, sebab saya takut ditubuhkan tetapi benda itu masih sama. Itu kebimbangan saya. Jadi saya hendak AKSEM ini biar berfungsi sesungguhnya, bukan berfungsi pada penubuhan tetapi masih ditakuk lama.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit, hamba Allah ini tadi. Sedikit sahaja. Jadi, dalam agensi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya rasakan lebih mantap lagi kalau kita tidak berlaku ketirisan. Dalam usaha-usaha kita mencegah penyeludupan pelbagai lagi yang masuk, kita tambah lagi satu SPRM dalam unit tersebut supaya ia lebih mantap lagi dalam usaha-usaha bahawa keyakinan rakyat, keyakinan kita berada di sempadan. Walaupun saya tidak pernah ke sempadan sana tetapi saya dengar cerita yang disebut itu amat menggerunkan. Jadi saya rasa cadangan ini mungkin boleh kita ambil kira. Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya amat bersetuju. Kalau unit yang ada di sempadan di tepi sungai itu, kalau empat orang jaga, empat orang satu unit itu, taruklah SPRM, RELA sebab orang tengok RELA ini orang lebih takut lagi. Kalau kita tengok rakyat yang di seberang itu, dia lebih takut dekat RELA sebab RELA ini apabila tangkap itu, dia terus ambil sudah, tidak ada *hunky punky* sudah. Jadi, RELA, SPRM, polis, ATM. Letak agensi yang berbeza. Kalau letak sama itu...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya mohon mencelah sedikit, Yang Berhormat. Yang Berhormat *dok* kira sungai di sebelah Kelantan sahaja, yang sebelah utara ini lagi teruk, Yang Berhormat. Baru-baru ini saya *pi*, dia masuk, dia tidak kisah langsung. Passport pun tidak ada. Lebih-lebih lagi, sekarang ini yang dua ringgit dalam passport itu tidak dibenarkan lagi dah. Kononnya cerita di sempadan ada orang daripada Putrajaya kompelin yang dua ringgit *taruk* dalam passport itu. Sekarang ini lagi susah hendak *go the proper way*. Yang jalan biasa masuk tidak kisah, dia tidak kisah. *Hat* yang pergi ke sana, pergi sana. *Hat* hendak masuk terus, pergi masuk *teruih*. Tidak ada langsung- terbuka saya tengok. Lagi dahsyat. *Hat* sungai itu mungkin ada *ayaq* dia hendak seberang. *Hat* ini tidak ada *ayaq* apa, atas jalan, *vroom* jalan sahaja, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat *dok* cerita bab air sana, *hat* sini tak jaga.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Jadi yang *hat* sana itu bagi Yang Berhormat Dato' Suhaimi lah. Saya cerita Rantau Panjang pasal Rantau Panjang ada sungai. Jadi yang jalan terus

itu, itu Yang Berhormat Dato' Suhaimi boleh- jadi, saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak. Sekarang saya menjemput pula- terima kasih Yang Berhormat ya, dah panjang lebar. Makin kita dengar makin kita rasa takut. Kalau tidak dijaga, apa jadi kepada negara kita ini? Saya nampak macam-macam masalah.

Jadi saya minta hari ini kita panjangkan cerita, dan saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, silakan. Sila.

12.55 tgh.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya ingat tadi waktu saya berbahas sebelah petang. Saya hendak teruskan pun, masih ada empat minit, masanya agak terhad.

Akan tetapi, sebelum saya memulakan perbahasan saya soal Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan ini, eloklah sama-sama kita bermuhasabah diri kita, soal kita dianugerahkan Allah SWT berada di bumi yang cukup bertuah hari ini. Bak kata pepatah orang tua-tua, "*Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri*".

Saya bukan apa, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak melengahkan masa sahaja sebab masa sudah tidak ada, lagi tiga minit. Sama-sama kita bermuhasabah diri kita. Kita hidup sudah tidak berapa lama, Yang Berhormat, dan saya cukup berterima kasih kepada seluruh rakan-rakan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian.

Kita cukup bertuah, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita mempunyai kepimpinan yang cukup baik. Kita hidup dalam pelbagai kaum dalam keadaan harmoni. Kita hidup dalam keadaan baik, sempurna. Anak-anak kita dapat belajar dengan cara yang baik dan cara yang sempurna.

Saya berasal daripada kampung nun jauh di Kelantan, di Kampung Tok Bali. Saya datang ke Kuala Lumpur tahun 1976. Selepas sekolah, saya datang terus mengembara ke Kuala Lumpur dengan naik tumpang lori barang. Hari ini saya berada di dalam Dewan, cukup bertuah, kerana apa? Kerana kita mempunyai sistem pentadbiran yang baik, negara yang aman, tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat sekalian. Kita bertuah. Siapa sangka anak nelayan seperti saya yang tidak ada apa-apa datang ke Kuala Lumpur menumpang lori barang hari ini berada di dalam Dewan yang mulia. *Alhamdulillah.* Kerana kita bernasib baik, kita berada dalam negara yang cukup baik.

Jadi kita bersama-samalah muhasabah diri. Berbagai-bagai fitnah adu domba yang berlaku hari ini, janganlah kita teruskan. Kita akan menghadapi suasana- kalaulah negara kita ini seperti negara-negara lain, saudara-saudara, sudah tentu hidup kita berbilang kaum sudah tentu kita tidak mencapai keamanan seperti yang kita ada hari ini.

Cukup dah kah masa?

Seorang Ahli: Sedikit lagi.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sudah habis sudah. Saya akan sambung perbahasan saya di sebelah petang jam 2.30. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini sangat penting. Itu sebab saya sanggup dengar sampai panjang lebar sedikit dan ramai lagi yang mengambil bahagian- tokoh-tokoh yang boleh bercakap yang orang perjuangan. Kita sambung *karang* ya. Saya rasa ini rang undang-undang, kita jayakan. Inilah akan menentukan masa depan anak bangsa kita.

Dan untuk pengetahuan, Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa pada masa hari ini kita punya *SEA Games* sudah mendapat 28 emas... [*Tepuk*] Bayangkan, kalau esok ramai penagih dadah, habis anak bangsa kita. Inilah hasil kekuatan kita- 28. Bersyukur dan berterima kasih kita.

Saya harap kita sambung petang ini. Jam sudah pukul 1, kita sambung *karang* pukul 2.30 petang. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa. Saya hendak sambung perbahasan tadi.

Diminta Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Sila Datuk.

2.32 ptg.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan pada petang ini, sesi yang kedua ini untuk merakam jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahar Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) 2017 dicadangkan bertujuan untuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang akan digunakan khidmatnya bagi mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang. AKSEM dapat memperkukuhkan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan di sempadan darat negara melalui punca kuasa yang khusus bagi memastikan tindakan membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Fasal 28 memperuntukkan Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu bagi memberi kesan sepenuhnya bagi melaksanakan akta ini. Saya melihat langkah kementerian itu mewujudkan satu prosedur operasi standard (SOP) tunggal bagi rujukan standard semua agensi di bawah AKSEM adalah satu tindakan yang baik bagi mengelak pertindihan tugas dan kuasa yang boleh menjejaskan operasi AKSEM. Dalam beberapa insiden yang pernah berlaku, terdapat arahan yang dikeluarkan dalam SOP kurang jelas sehingga menyebabkan anggota penguatkuasaan atau keselamatan telah dipertuduh melakukan kesalahan. Saya merujuk kepada satu insiden yang berlaku pada 7 Januari 2016 di Pos Kawalan Rantau Panjang. Di mana dua orang anggota tentera

telah ditahan dan didakwa kerana melepaskan tembakan ke arah sebuah van kerana gagal berhenti apabila diarahkan.

Kejadian itu menyebabkan seorang lelaki di dalam van tersebut meninggal dunia. Kontroversi yang timbul daripada insiden tersebut ialah anggota tentera berkenaan telah dituduh melepaskan tembakan terhadap orang awam. Namun begitu, tindakan van tersebut merempuh sekatan jalan telah menimbulkan syak bahawa van tersebut mungkin melakukan aktiviti jenayah. Isunya, SOP yang tidak jelas menyebabkan anggota tentera tersebut dituduh membunuh.

Saya melihat banyak kelemahan dalam SOP penguatkuasaan, khasnya bagi pasukan dan agensi yang tidak diberi kuasa untuk menangkap ataupun melepaskan tembakan. Keadaan ini menyebabkan anggota penguatkuasaan menghadapi dilema apabila berhadapan dengan situasi berisiko tinggi ini yang memerlukan tindakan seperti menangkap atau melepaskan tembakan.

Oleh kerana terdapatnya pelbagai bentuk jenayah yang berlaku di sempadan, terutamanya di sempadan Malaysia-Thailand seperti penyeludupan dadah dan senjata, kemasukan PATI dan laluan penyusupan pengganas. SOP yang jelas dan terperinci perlu diadakan. Saya harap dengan wujudnya SOP tunggal ini dapat mengatasi segala kerumitan dalam pelaksanaan operasi menjaga keselamatan sempadan.

Selain itu, saya juga meminta pihak kementerian meneliti butiran SOP supaya tidak berlaku konflik yang membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap AKSEM dan anggotanya seperti yang dinyatakan pada awal perbahasan saya tadi. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin tahu keadaan kesediaan kementerian mengadakan prasarana yang mencukupi dan efisien bagi memastikan keberkesanan pasukan pencegahan keselamatan menjalankan tugas. Dalam kemajuan teknologi yang pesat ini kita lihat pun musuh pun telah mampu menggunakan pelbagai peralatan berteknologi tinggi untuk memantau operasi yang dijalankan oleh pasukan pencegahan keselamatan untuk mengelakkan diri mereka ditangkap.

Selain itu, penjenayah dan penyeludup bijak menggunakan pelbagai helah untuk melakukan jenayah. Contohnya, dalam insiden baru-baru ini penjenayah telah cuba menyeludup dadah dengan memasukkan dadah dalam badan ayam yang telah diproses. Justeru itu, saya melihat ada keperluan pihak kementerian melengkapkan AKSEM dengan prasarana yang berupaya mengesan dan mencegah tindak-tanduk dan tipu helah ini seperti mengadakan litar tertutup, *drone*, mesin pengimbas, *sensor*, *night vision goggles* dan pagar keselamatan yang tidak mudah dicerobohi.

Selain itu, AKSEM juga perlu dilengkapi dengan kenderaan pacuan empat roda, motosikal jenis *scrambler* dan anjing pengesan. Jika mampu, AKSEM juga perlu dilengkapi dengan bantuan penggunaan alat pengawasan radar dan satelit yang mampu mengesan sebarang pergerakan di waktu malam.

■1440

Pernah kerajaan bercadang untuk membina tembok keselamatan di sepanjang sempadan Thailand-Malaysia, bagi menutup semua laluan tikus yang sering digunakan oleh penjenayah dan penyeludup. Ini adalah rancangan yang baik. Saya memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri akan kedudukan sebenar cadangan untuk mendirikan tembok keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mutakhir ini dilanda pelbagai isu, masalah-masalah sosial. Banyak sekali anak-anak muda kita terperangkap dengan masalah penagihan dadah, dengan masalah samseng, dengan masalah gengsterisme dan sebagainya. Saya kira pihak kementerian harus mengambil tindakan yang sewajarnya sebab kita dapati berlakunya perkara-perkara sedemikian rupa kerana kawalan sempadan kita agak begitu longgar. Tidak kiralah di sebelah Laut China Selatan ataupun di sebelah sempadan Thailand-Malaysia, ataupun di sebelah Sabah, di sebelah Semporna dan sebagainya.

Kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kejadian berlaku dalam dua, tiga minggu yang lepas semasa soalan saya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin tempoh hari juga saya telah mengutarakan, ada kes nelayan Sekinchan di Sabak Bernam sana. Pergi ke laut kononnya telah masuk sempadan negara jiran kita dan nelayan tersebut telah ditembak sebagai amaran ataupun sebagainya.

Jadi ini pengawasan sempadan ini perlu dan kita juga perlu, sangat perlu di mana titik mulanya sempadan kita. Rakyat kebanyakan kita seperti kita ini, kita tidak tahu di mana sempadan sebenarnya kita. Malahan di tengah laut kita tidak tahu. Kalau di sempadan Malaysia-Thailand mungkin kita dapat tahu, di tengah-tengah sungai dan sebagainya. Akan tetapi kena ada perancangan yang cukup rapi untuk menyekat masalah-masalah yang melanda hari ini.

Kita tengok negara kita hari ini soal penyeludupan senjata api begitu berleluasa. Kalau tidak mana mungkin di kampung saya sebagaimana saya katakan tadi, ada empat kes tembak. Bukan ada kesalahan apa pun, orang Kelantan ini tahulah- *Abe Loh* tidak ada. Orang Kelantan ini tahu dia samseng. Orang kata, "samseng tahi kucing." Salah sikit bertumbuk, salah sikit tetak pakai parang. Yang hendak balas dendam dia tidak pakai parang dah, dia pakai pistol, senjata api. Di sebelah kampung saya, di surau kampung saya, di masjid kampung saya, orang itu keluar selepas sembahyang dengan jubah putih tetapi kita tahulah orang itu samseng. Jubah putih pakai serban, duduk sebelah pagar tembak mati. Bermaknanya kita tidak ada kawalan yang khusus untuk menyekat kemasukan senjata api ke dalam negara kita.

Begitu juga dengan soal dadah. Soal pil kuda yang berleluasa di Kelantan hari ini. Anak-anak muda kita terjebak dengan pil kuda, saya pun tidak tahu pil kuda itu macam mana. Zaman kita tidak ada, zaman kita dahulu tidak kenal pil kuda ini tetapi zaman hari ini Yang Berhormat Shukor mungkin kenallah dia duduk di Perlis, pun lebih kurang jugalah. Ini yang jadi masalah kepada kita.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Boleh saya celah?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Silakan, memang saya minta *support* Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Tujuan hendak suruh saya celah sebenarnya. Yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, pil kuda ini daripada Kelantan. Sebelah utara tidak ada pil kuda, banyak itu sebelah Kelantan. Mungkin Dato' Abbas ini daripada Kelantan sebab itu pil kuda ini banyak daripada Kelantan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Celah sikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Abbas, bila bertanya bab pil kuda ini saya pernah pergi tidur di tempat

pemulihan dadah. Saya tidur dengan mereka, bergaul dengan mereka, sembahyang dengan mereka. Ada tiga orang di tempat itu yang ambil dadah jenis pil kuda ini. Seorang wanita anak dua, dia kata kerana dia bercinta dengan seorang lelaki dan dia tahu lelaki itu ambil pil kuda. Ini kerana cinta dan dia kata kemungkinan dengan perkahwinan dia itu boleh menyebabkan lelaki ini insaf, maka dia pun kahwin. Dia terima nikahnya.

Jadi selepas enam bulan berkahwin, perangai sudah berubah sedikit. Ini cerita orang kena pil kuda ini. Sampai sembilan bulan, dia melahirkan anak yang pertama. Selepas melahirkan anak yang pertama itu Yang Berhormat, dia ada masa *cooling period* dia. Wanita faham, masa berehatlah tidak boleh buat apa. Kalau boleh suami yang makan pil kuda itu kena duduk jauhlah.

Pil kuda ini yang sebenarnya satu pil yang diberi kepada kuda untuk *mating*, supaya kuda itu dia aktif, cergas. Bagi pil kuda. Cuba bayangkan bagi pil kuda kepada manusia?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Itu yang 'Bang Lah' tidak ada, tu yang 'Bang Lah' duk jual itu. Jadi selepas bersalin dalam masa 40 hari tidak dapat bersama, jadi suami dia ini balik ke rumah dia masukkan pil kuda dalam air minum dia. Ini cerita dia ini. *This is real story*. Apabila kena pil kuda itu, dia pun jadi tidak tahan, jadi tidak tahan...

Seorang Ahli: Jadi kuda.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Dia pun sama-sama jadi macam kuda. Maka berlakulah apa yang pil itu hendak menjalankan aktivitinya. Dia kata selepas itu dia pun ketagihan pil kuda itu sampai dapat anak yang kedua. Apabila anak yang kedua, suaminya menceraikan dia. Selepas itu, selepas cerai ibu mertuanya terpaksa menjaga anaknya kerana pada ketika itu dia punya badan sudah jadi lusuh dan dia punya buah dada untuk hendak menyusukan anaknya itu turun ke bawah dan menjadi satu penyakit, yang dia kata memang tidak dapat hendak tahan sakitnya. Pergi ke hospital, dia masuk ke pusat pemulihan. Saya berjumpa dengan perempuan ini, sedih sungguh, segak orangnya. Inilah akibat pil kuda.

Satu lagi yang saya hendak cerita kepada Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah, sudah.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak berbahas hari ini.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Boleh, saya izinkan. Saya izinkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Cerita ringkas-ringkas.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Diizinkan oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya ke Kuala Terengganu bagi ceramah bab dadah. Di Kuala Terengganu satu pakcik cerita pada saya. Dia kata Dato' kalau hendak tengok pil kuda ini, Dato' pergi Pulau Perhentian. Di Pulau Perhentian ini, anak-anak muda kita ini mereka yang bawa bot itu, bawa bot daripada darat ke pulau.

Saya bagi contoh ada tiga bot. Seorang pakai baju merah, seorang pakai baju hijau dan seorang lagi baju kuning. Budak-budak yang bawa bot ini anak-anak muda kita, anak-anak Melayu

kita yang bawa bot ini. Naiklah tiga Orang Putih perempuan itu hendak pergi ke Pulau Perhentian. Apabila hendak pergi ke Pulau Perhentian yang baju hijau kata tadi, yang tinggi itu saya punya kata dia. Tiga orang Mat Saleh ini, tinggi nombor satu, nombor dua rendah sikit dan nombor tiga paling rendah. Baju merah kata yang nombor dua itu saya punya. Bot satu lagi pula yang nombor tiga itu saya punya dia kata. Pakat-pakat *booking* sudah. Ini hendak pergi Pulau Perhentian ini, pakcik itu cerita.

■1450

Apabila sampai di Pulau Perhentian, budak-budak ini *check in* ke hotel. Esoknya mereka akan pergi ke *snorkeling*. Ada yang pergi *diving*. Jadi bila tiga Orang Putih ini turun *diving*, mereka ambil pil kuda yang telah dicairkan. Botol *mineral water* ini, pinjam *mineral water*. Botol *mineral water* ini, yang ini tidak dibuka, *seal* seperti biasa dan diambil jarum sekecil-kecilnya cucuk di sini, masukkan pil kuda. Bila perempuan tiga-tiga naik tadi diberinya minum air ini, tidak sampai setengah jam mereka dapat tidur bersama. Itulah kuasa pil kuda. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Suhaimi, kesian kita. Kesian, yang pertamanya keluarga pil kuda tadi, kesian kita. Isteri- pil kuda kena, suami pun kena pil kuda. Oleh kerana nak kahwin dengan suami, isteri terpaksa menagih pil kuda dan anak juga terpaksa menanggung akibatnya. Anak pertama dan anak kedua, sedih. Akan tetapi bagi mereka mungkin seronoklah sebab pil kuda ini untuk memberangsang. Kalau mengikut kata Yang Berhormat Dato' Suhaimi kata tadi, pil kuda ini untuk merangsang, merangsang segala-galanya tetapi *ending*-nya akan merosakkan mereka.

Begitu juga dengan kisah tiga budak yang bawa bot untuk ke Pulau Perhentian tadi. Ya saya tahu, Pulau Perhentian daripada Kuala Besut dekat dengan kampung saya, saya sekolah pun di Kuala Besut, memang tidak dinafikan banyak berlaku. Orang kata, budak-budak sana kata nak tunggang kuda putih. Ini kisahnya. Dia tidak ada kemampuan, anak-anak Melayu kita ini orang kecil-kecil nak lawan yang tujuh kaki, enam kaki, tidak ada kemampuan dan pil kudalah yang merangsang mereka. Jadi akhirnya, ia merosakkan anak bangsa kita, merosakkan orang-orang Melayu di kawasan sana.

Jadi terima kasih Dato' Suhaimi, kita harap pihak kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya. Memang kita tidak boleh nak bendung, kita tidak boleh nak tangkap, kita tidak sempat, penguatkuasaan kita tidak ramai. Hari ini berlaku di sempadan Malaysia-Thailand, seperti rakan kita Rantau Panjang tadi memberitahu hanya ada tiga, empat depa *post* tentera ada, polis ada, PJA ada, macam-macam tetapi akhirnya penyeludupan berlaku berleluasa juga. Kita tidak tahu, kita tidak boleh nak salahkan sesiapa. Silakan.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Saya minta mencelah sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertariklah, sangat tertarik mengenai pil kuda. Dia ada dua jenislah, saya pun tidak berapa arif sangat kalau salah betulkan sayalah. *Amphetamine* dengan *methamphetamine*, itu perkataan saintifik dialah. Ini sangat popular di kalangan remaja dan kesannya seperti yang Yang Berhormat Datuk Abbas katakan tadi memang betul.

Akan tetapi saya nak maklumkanlah bahawa hujung tahun baru ini saya dilantik sebagai *focal person* dalam satu kempen dipanggil Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan dan dipilih Pasir Mas sebagai tempat untuk menggerakkan kempen di Kelantan, saya terlibat. Jadi dapatan saya sangat mengejutkan. Setiap kampung dalam Daerah Pasir Mas dan Rantau Panjang terdapat pengguna dan penagih. Seorang, dua orang tentu ada dan hinggakan masyarakat sudah tidak menjadi pelik lagi, sudah tidak ada *excitement* lagi untuk melaporkan kepada pihak berkuasa sehinggakan pengerusi JKPP yang kita ajak bersama untuk dalam gerakan itu, masuk kampung dia, dia kata "*Minta maaf Dato', ambo tak boleh gi rumah dia ini, tidak boleh tunjuk. Sebab apa, kalau ambo gi rumah ini dia tau ambo yang maklumkan kepada Dato' bahawa atas rumah ini ada penagih dadah. Jagalah saya, beratlah saya kena*". Sampai begitu sekali keseriusannya, keadaannya sangat-sangat serius.

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Datuk Abbas, fasal apa ini bertahun-tahun dengan adanya AADK, dengan adanya PEMADAM, saya 12 tahun jadi Setiausaha PEMADAM di Machang, Pasir Mas dan dukacita sampai hari ini tidak selesai, bahkan menjadi lebih serius daripada dahulu. Ambo nak tanyalah Yang Berhormat Datuk Abbas.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Sr. Hanafi, tambah sikit Datuk 'Seri', *alhamdulillah* mungkin mudah-mudahan doa saya Yang Berhormat akan dianugerahkan Dato' Seri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sifat anak muda, sifat remaja kita, sikap mereka ingin mencuba pada awalnya sebab barang keperluan mereka mudah didapati, mudah dibolosi, mudah dilulusi, mudah terdapat. Oleh sebab itulah terjadinya sedemikian rupa.

Kita kena ingat hari ini kita hidup dalam tahun 2017, anak-anak kita yang baru dilahirkan diberi pendidikan agama, *alhamdulillah*. Saya rasa yang jauh daripada pil kuda mungkin terlibat dengan benda-benda lain. Jangan kita ingat di Kelantan sahaja, kita ingat di Kedah tidak terlibat, kita ingat di Kuala Lumpur tidak terlibat. Mungkin bukan pil kuda, tetapi dengan benda-benda yang lain yang lebih dahsyat. Jadi kita mohon kementerian, biarlah perkara ini dapat kita redakan. Sudah bertahun-tahun kita bercakap, kenapa tidak ada perubahan? Itu masalahnya.

Kalau perlu sesuatu yang drastik yang perlu kita buat untuk menyekat perkara-perkara ini masuk ke dalam negara kita, kita kena buatlah, kita kena buatlah. Jangan suatu masa esok sidang Dewan, ada lagi perkara ini kita sebut. Sudah tujuh tahun, sudah enam tahun. Saya masuk sini sudah empat tahun, perkara ini memang kita bercakap tetapi masih berlaku, tidak ada sekatan. Pondok penguatkuasaan *Abe Lah* kata tiga depa, dua depa sahaja tetapi boleh lulus. Kalau soal nak cari makan lulus beras Siam masuk ke negara kita itu mungkin boleh kita maafkan, tetapi kita tidak tahu dalam guni beras itu ada apa.

Inilah yang perlu dilihat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dengan seriusnya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sayang anak muda kita terlibat dengan perkara-perkara sedemikian rupa. Tuan Yang di-Pertua angguk-angguk itu macam nak suruh saya berhenti saja, baru setengah jam. Angguk setuju atau angguk nak suruh berhenti?

Timbalan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Jangan suruh berhenti lagi, jadi saya mintalah masa sedikit lagi. Banyak lagi, tidak habis lagi ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahu Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Jadi itulah perkara-perkara yang perlu kita bendung. Soal senjata api juga telah saya perkatakan, soal kedatangan pendatang asing. Satu ketika dulu kita lihat di Johor di sebelah Pontian banyak berlaku pendaratan warga Indonesia dan sebagainya. Jadi ini perlu diambil perhatian dan kawalan sempadan harus diketatkan, harus diambil kira.

Jadi saya rasa selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga cadangkan supaya AKSEM melihat contoh-contoh negara luar yang mengawal sempadan negara mereka dengan mengambil amalan yang baik untuk diimplementasikan dalam AKSEM nanti. Dengan matlamat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta 717, di mana akta ini menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain yang termasuk di bawah kelakuan tidak wajar di bawah akta ini.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita terfikir kenapa sempadan kita begitu mudah dibolosi. Kita memberi tanggungjawab kepada pegawai keselamatan kita untuk menjaga. Apakah isu-isu rasuah yang kita tidak tahu juga berlaku di kawasan sempadan? Ini perlu dibuat kajian dengan teliti. Kadang-kadang yalah kita tidak nampak tetapi orang cakap, *“Alah, pegawai-pegawai ini bawa naik beras, bawa naik guni, lintas ikut sungai, seberang perahu. Kalau air Sungai Golok itu kering berjalan kaki, naik dekat pos bagi RM50 lepas”*.

Ada orang cakap, ada berlaku tetapi kita tidak nampak, kita tidak boleh hendak tuduh sewenang-wenangnya. Akan tetapi kita takut perkara-perkara ini berlaku yang boleh memudahkan penyeludup-penyeludup masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak AKSEM juga perlu peka terhadap peruntukan dan pemakaian peraturan-peraturan yang sedia ada di peringkat antarabangsa termasuk konvensyen dan protokol di mana Malaysia telah menjadi ahli. Ini adalah penting bagi memastikan agar negara Malaysia tidak tersasar daripada melakukan perkara yang boleh menimbulkan tentangan daripada pihak luar terutamanya yang berkaitan dengan obligasi terhadap hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mohon sungguh-sungguh di dalam Dewan yang mulia ini, supaya kawalan sempadan kita harus diperketatkan. Kalau perlu kita buat tembok untuk menyekat laluan tikus dan sebagainya. Tempoh hari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam jawapan beliau bukan sahaja laluan tikus malah laluan gajah. Ini perlu diambil tindakan dengan segera. Kalau kita sayang, kalau kita cintakan kepada anak bangsa kita, kalau kita sayangkan kepada negara kita, kalau kita sayang kepada rakyat kita, ini perlu diambil tindakan dengan segera.

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang dan masa yang telah diberikan kepada saya. Saya berdoa kepada Allah SWT semoga Tuan Yang di-Pertua tetap tegap, tetap sihat seperti dahulu, kini dan selamanya. Walaupun ada sedikit nampak uban tetapi Tuan Yang di-Pertua masih kacak, masih *handsome*. Jadi terima kasih sekali lagi, jasamu tetapku kenang sampai bila-bila. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh* dan saya mendengar dengan penuh teliti. Rasa diri saya apa jadi pada anak bangsa saya pada hari ini. Saya dahulu pernah menjadi Pengerusi Antidadah di Datuk Keramat, Wilayah saya rasa, lama itu. Tokoh-tokoh cakap tadi macam Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, Menteri, handal-handal semua, saya suka dengar itu.

Saya angguk tadi cerita lepas, ceritalah biar orang Menteri pun ada sini, dengar betul-betul. Ini *very serious*, ini sudah bertambah ramai ulat dalam buah, gunting dalam lipatan, musuh dalam selimut. Inilah hasilnya, hasilnya kita makin ramai sangat ulat dalam buah, musuh dalam selimut, gunting dalam lipatan, ini jadinya. Sangat bahaya. Minta tolong saya hendak bagi peluang bercakap ramai, tolong ringkas-ringkaskan ya. Saya minta sangat Yang Berhormat Menteri kita dapatlah poin, rata-rata semua berasa sangat marahlah. Tindakan tegas perlu diambil, lebih tegas. Baik dipersilakan tadi Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Tolong ringkas ya, *please* ya.

3.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang yang diberikan kepada saya oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk saya turut bangun dan membahar Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017, DR 13/2017.

Isu ini sebenarnya begitu dekat di hati saya, memandangkan negeri Perlis berjiran dengan negara Thailand, di sebelah utara. Malah fakta ikatan persaudaraan antara Perlis dan Wilayah Selatan Thailand ini juga sudah wujud berabad-abad lamanya. Maka saya terpanggil untuk turut sama memberi komen, pandangan serta cadangan penambahbaikan agar kedaulatan negara kita sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama kita berusaha untuk memelihara hubungan diplomatik kita dengan negara jiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 ini, akta yang dicadangkan adalah persetujuan untuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang akan digunakan khidmatnya bagi mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang sebagai satu langkah yang baik dan tepat masanya. Memandangkan pelbagai aktiviti jenayah yang kerap berlaku akibat kelonggaran penguatkuasaan serta pertindihan bidang tugas dan kuasa oleh beberapa agensi penguat kuasa yang mengawal sempadan darat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini bakal membolehkan AKSEM sebagai agensi keselamatan sempadan yang mempunyai fungsi lebih luas dan efektif. Di mana rang undang-undang turut memperkasakan pelaksanaan kawalan di sempadan darat negara di Sabah dan Sarawak yang bersempadan dengan Kalimantan. Di mana sempadan yang dikongsi di sana jauh lebih luas dan begitu mencabar terutamanya dari segi geografi iaitu bentuk muka bumi dan hutan tebal serta terlalu banyak laluan tikus dan pangkalan darat haram.

Saya difahamkan bahawa rang undang-undang ini melalui pengoperasian AKSEM tanpa membabitkan pertambahan jawatan baru, sebaliknya mengguna pakai jawatan daripada agensi

sedia ada yang diperkukuh. Juga rang undang-undang ini turut membolehkan AKSEM melaksanakan operasi bagi membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang sehingga ke garis sempadan negara membabitkan beberapa agensi. Antara lain, AKSEM diwujudkan bagi mengawal kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat negara. Malah kemasukan pendatang asing tanpa izin, pemerdagangan manusia, penyeludupan termasuk barang bersubsidi serta kewujudan laluan tikus di sempadan negara juga boleh dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menyedari mustahil untuk dihapuskan sepenuhnya aktiviti jenayah ini di sempadan darat negara kita, namun sekurang-kurangnya inisiatif yang diambil kita bakal mengurangkan aktiviti jenayah yang turut menyebabkan negara kita mengalami kerugian yang besar. Ekoran aktiviti penyeludupan dan ketirisan barangan bersubsidi dan kelicikan penyeludup yang mengelak diri dari membayar cukai. Ini belum dibincangkan persepsi masyarakat antarabangsa iaitu Malaysia sudah terkenal sebagai negara lambakan pendatang asing tanpa izin iaitu PATI serta menjadi negara transit aktiviti pemerdagangan manusia.

Ambil sahaja contoh penemuan mengejut kem dan kubur besar di penempatan haram di Wang Kelian beberapa tahun yang lalu yang dipercayai sebahagian mangsa adalah masyarakat Rohingya yang memasuki negara kita secara haram. Namun dipergunakan oleh agen-agen untuk mencari keuntungan dengan memperdagangkan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memohon pencerahan dari pihak Yang Berhormat Menteri di dalam rang undang-undang ini. Soalan saya, saya ingin meminta penjelasan lanjut daripada pihak Yang Berhormat Menteri berkaitan cadangan bahawa AKSEM ini akan dilaksanakan dengan menaik taraf Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) yang dibentuk membabitkan agensi induk iaitu Polis, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan Angkatan Tentera Malaysia.

■1510

Soalan saya, apakah cabaran yang dilalui dalam penaikan taraf agensi-agensi terbabit? Saya juga ingin bertanya akan kejayaan AKSEM ini sejak penubuhannya sejak 2015 hingga ke tahun 2016 lalu berbanding unit-unit lain seperti Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, PDRM, dan ATM yang turut mengawal sempadan. Saya juga minta bagi tujuan operasi di sempadan darat Sabah dan Sarawak pula, bagaimana bentuk kerjasama dengan dua negeri di Timur Malaysia ini dalam meneliti kaedah terbaik pengoperasiannya termasuk mengenal pasti secara bersama kawasan-kawasan strategik yang akan dijadikan tumpuan operasi dan kawalan. Bagaimana pula kerjasama yang bakal dibentuk dengan negara jiran seperti Thailand, negeri-negeri di utara tanah air dan Indonesia di sempadan Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan gajet canggih, saya terpanggil untuk mencadangkan agar pihak keselamatan sempadan kita membeli dan menggunakan gajet yang paling canggih dalam usaha mengawal keselamatan sempadan. Ini kerana penyeludup dan penjenayah hari ini begitu *up to date* dalam penggunaan gajet canggih, malah kenderaan darat, malah bot mereka di laut juga menggunakan GPS teknologi terkini dan *speed boat* yang laju berbanding bot penguat kuasa kita, malah turut dilengkapi senjata api moden. Bolehlah sekiranya Yang Berhormat Menteri Dalam

Negeri mohon penambahan bajet untuk pembelian alat canggih ini dari Bajet 2018 yang bakal dibentangkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan wujudnya cadangan agar Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) menempatkan pegawai dan anggotanya untuk membantu Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) mengukuhkan keselamatan negara. Ini memandangkan sempadan negara yang kebanyakannya diliputi hutan tebal, paya dan bentuk muka bumi yang begitu mencabar agar di tanda dengan batu tanda binaan fizikal menyukarkan penguatkuasaan dilaksanakan. Sudahlah kita kekurangan anggota, faktor muka bumi pula begitu mencabar dan perlu lebih ramai anggota AKSEM untuk meronda dan memastikan sempadan negara tidak bolos sewenang-wenangnya. Saya yakin aktiviti penyeludupan dadah, senjata dan penjenayah dapat dibendung dengan kolaborasi antara RELA dan AKSEM.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa fasal dalam rang undang-undang ini. Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai lain agensi untuk melaksanakan peruntukan akta yang dicadangkan ini. Pegawai lain dan agensi hendaklah dilantik dalam kalangan pegawai awam termasuk pegawai polis, pegawai kastam, pegawai imigresen, pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan, pegawai Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan mana-mana pegawai awam lain yang di fikir sesuai, manfaat oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya menyokong pelantikan dari kalangan anggota keselamatan yang berpengalaman dalam aspek keselamatan negara. Saya juga turut menyokong jika ada peraturan kerajaan agar dihadkan tempoh perkhidmatan di satu-satu pos kawalan sempadan bagi mengelak wujudnya gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Fasal 16 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pakaian seragam dan kelengkapan dalam fasal 17. Adalah wajib bagi pegawai dan anggota agensi untuk mengembalikan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan apabila dia berhenti menjadi pegawai dan anggota agensi.

Fasal 18 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan penyamaran. Ini bagi mengelak berlakunya isu penyamaran di kalangan bekas anggota malah di kalangan orang awam sendiri yang mengambil kesempatan melakukan jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi kewangan rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang. Saya turut terpanggil menyentuh isu ini di saat negara kita perlu berbelanja dengan berhemah ekoran kelembapan ekonomi dunia hari ini.

Saya berharap jika wujudnya sebarang perbelanjaan tambahan, bolehlah pihak Yang Berhormat Menteri membentangkan kepada Ahli-ahli Parlimen. Itu sahaja dari saya Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya senang hati hari ini sebab rasa-rasa yang cakap itu yang mahir, yang pakar dalam bidangnya. Terima kasih banyak ya dan saya pun terfikir dapat ilham saya, kebimbangan saya itu apa jadi pada anak bangsa saya sendiri. Bak kata, syair saya teringat syair Melayu dia kata,

*Cubalah kita melihat masalah,
Dadah disiplin atau ponteng sekolah,
Cubalah fikir siapa yang bersalah,
Apakah ibu bapa yang benar-benar mengelah?*

Itu syair Yang Berhormat, syairnya.

*Cubalah kita melihat masalah,
Dadah disiplin atau ponteng sekolah,
Cubalah fikir siapa yang bersalah,
Apakah ibu bapa yang benar-benar mengelah?*

Itulah kita jaga ya? Kita terus minta seterusnya seorang lagi Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, dipersilakan.

3.17 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya tidak ada satu pembahasan yang panjang ataupun bukan hendak minta satu penjelasan pun sebenarnya. Saya ada satu komen sahaja di sini dan saya harap kementerian akan mengambil kira komen saya.

Ini saya merujuk kepada fasal 21, berkaitan dengan obligasi kerahsiaan. Terutama sekali 21(2) yang berkaitan dengan hukuman terhadap siapa-siapa yang menzahirkan maklumat atau dokumen-dokumen berkaitan dengannya. Kita kena faham, fasal saya faham banyak sangat agensi yang terlibat dalam ini dan saya pun faham.

Saya hendak bandingkan hukuman yang dicadangkan oleh seksyen 21(2) ini dengan jenis-jenis kesalahan yang mungkin boleh berlaku. Fasal kalau sekarang kita tengok *smuggling* ini dia bukan sahaja *drugs*, dia bukan sahaja *gun running*, tetapi juga *human trafficking*. Pada saya, kalau banding dengan kegiatan ini *especially drugs*, hukuman yang dicadangkan ini kalau kita tengok seksyen 21(2) ini, denda RM100,000.

Pada saya, denda RM100,000 ataupun penjarakan selama tidak melebihi dua tahun atau denda RM100,000 atau kedua-duanya. Pada saya kalau kita banding dengan kesalahan, contoh *trafficking in drugs*, RM100,000 ini bukan satu *figure* yang begitu *deterrent*. Terutama sekali kalau kita kena tengok, pada saya, saya tengok seksyen 21(1) ini dari dua aspek. Satu dari seksyen 21(1)(a) dan seksyen 21(1)(b). Kalau kita tengok seksyen 21(1)(a) dia merujuk kepada pegawai agensi, ahli jawatankuasa dan sebagainya. Itu untuk *breach of confidentiality* atau *breach of secrecy*.

■1520

Akan tetapi pada saya lebih ialah 21(1B), mana-mana orang yang dapat maklumat, yang dapat akses, contoh sebagai *runner*. Saya ambil sebagai *runner* sebagai contoh. Dia dapat maklumat, kemudian dia bongkar maklumat ini *and* atau dia *facilitate drug running* sebagai contoh. Tadi kita sudah dengar banyak implikasi *of drug run, drug on* kita punya remaja dan sebagainya, *gun trafficking, gun running* dari segi *crime rate* dan sebagainya. Akan tetapi apa yang saya nampak dalam 21(2) ini *does not reflect the seriousness of the offence* pada saya. Pasal kalau kita tengok

kesalahan-kesalahan yang saya sebut, contoh *human trafficking, gun running, drug peddling*, ini semua *is* pada saya, dengan izin, *is compromising the integrity of the country*.

Kalau satu kesalahan yang *compromising integrity of the country* yang ada kesan terutama sekali *drugs*, yang ada kesan bukan kepada generasi sekarang saja tetapi juga untuk generasi masa depan. *What is 100,000* untuk satu *drug smuggling* punya *change*. *So I think point* saya mungkin kementerian faham cadangan saya kalau bukan dalam ini, kalau boleh dalam *Committee Stage*, kalau boleh. Kalau tidak boleh, saya harap kementerian akan menimbang mungkin...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Saudara Chandra. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di mana yang dari segi *delegation of powers*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adakah akta rang undang-undang ini memberi suatu penurunan kuasa kepada AKSEM untuk mengambil apa-apa tindakan? Misalnya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, *whistleblower* atau *whistleblower*, dengan izin, adakah ia memberi suatu penurunan kuasa, *deligation of powers*, dengan izin ataupun di manakah, adakah wujud sebarang *enabling* atau Akta *Enabler* yang memberi kuasa kepada AKSEM ini untuk menguatkuasakan sebarang peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih. Kalau kita tengok, kalau saya hendak jawab secara am pertama sekali. Kalau kita tengok, bila saya tengok rang undang-undang ini, pertama sekali saya tengok dia punya *introduction* kepada akta ini- satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu agensi tertentu tetapi dari segi fokus aktiviti itu dari segi fokus aktiviti yang disebutkan ialah kegiatan penyeludupan dan aktiviti lain. Okey, termasuk aktiviti lain. Itu satu.

Kedua kalau kita tengok, kalau tidak salah *I think* artikel 8, atau 9, *on Jawatankuasa Peringkat Tertinggi dan Jawatankuasa Penyelaras*. Terutama sekali kalau kita tengok Jawatankuasa Penyelaras, apa yang kita dapat *realize* ialah ini bukan satu agensi untuk menggantikan agensi-agensi yang sedia ada seperti ESSCOM kah, UPP kah, Kastam kah, ADK kah. *It is supposed to be* pada sayalah satu, sebagai satu *supplementary* agensi. Akan tetapi pada masa yang sama, *the question can come why do we need* lagi satu agensi.

Pada masa sekarang sebenarnya, saya pun tidak tahu kenapa kerajaan perlu lagi satu agensi untuk *handle* isu-isu ini pasal sudah ada agensi tetapi saya akan terima cadangan ini *with the open heart*, mungkin ada *problem* dengan sistem yang ada sekarang, mungkin dapat lebih *coordination* dan sebagainya. Balik kepada *powers, the powers that I give to this*. Saya tengok di sini dari dua aspek. Satu, saya pandang rang undang-undang ini terutama sekali 21(2) tadi pun as *not an exhaustive act*. Mungkin mereka yang melakukan kesalahan ini, mungkin akan dituduh di bawah lain-lain akta tetapi saya fokus sekarang ini, macam tadi saya fokus *not on breech of security* seperti ESSCOM ini. Saya cuma fokus dari segi obligasi kerahsiaan *only on that offence*. Fokus saya *only on that offence*.

Pasal secara spesifik disebutkan untuk *obligation, breach of secrecy*, hukuman dia ini. Mungkin kalau esok dia terlibat dalam *smuggling* atau dia terlibat dalam *gun running*, mungkin *gun running* dia akan digantung mati. Kalau dicaj *over* lain-lain seksyen. Pada saya *if* kita hendak, kalau

kerajaan hendak pameran atau hendak bagi satu gambaran bahawa *we are serious* hendak *curve drug running, smuggling* ya. Pasal saya cakap dari segi serius fasal macam saya baca tadi, *specifically* dia *mention* untuk mengawal keselamatan sempadan dalam Malaysia *specifically* daripada apa-apa kegiatan penyeludupan. *Which been any form of smuggling.*

So pada saya, *I think the penalty should be more serious* dari apa yang dicadang. Saya pernah cakap sebelum ini, pada saya contoh kita ambil untuk *drug trafficking, gun running*, kenapa? Walaupun secara peribadi saya tidak sokong mandatori *that sentence. I don't mind* kalau kuasa itu diberi kepada *judge* untuk *decide*, bukan secara mandatori. Akan tetapi kenapa kita wujudkan mandatori *that sentence* di negara kita. Kita harap bila ada hukuman mandatori *that sentence*, dia akan jadi satu *deterrent* kepada lain orang. So, pada saya dari aspek *of deterrence*, hukuman seringan macam ini, tidak akan *serve as a deterrent. So* kalau kita hendak *at least that aspect of it.* Kalau kita hendak hukuman itu menjadi satu *deterrent, then* saya rasa RM100,000 ini tidak akan jadi *deterrent.* Itu saja.

Jadi cadangan saya kepada kementerian kalau boleh....

Tuan Ramli bin Shariff: Pohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Boleh, boleh.

Tuan Ramli bin Shariff: Saya hendak rujuk rakan saya ini Yang Berhormat Tuan Chandra, bagaimana pula dengan fasal 28 iaitu memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat apa-apa peraturan yang memberi kesan sepenuhnya kepada akta ini, fasal 28. Minta diperjelaskan. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Biasanya kalau ini fahaman saya, biasanya kalau kita tengok mana-mana akta, akhir sekali kita akan, akta itu akan beri kuasa kepada Menteri berkenaan untuk membuat *regulation*. Dalam akta ini Menteri berkenaan adalah *Home Affairs Minister* tetapi *regulation is cuma to administrative procedure or operational aspect of* akta itu. Dari segi hukuman *I* rasa Yang Berhormat Menteri tidak kuasa *to decide on the* hukuman. Dia kena balik kepada Parlimen. *It just* yang lain-lain. *That means regulation,* mana-mana akta pasal kadang-kadang kena faham kenapa kita bagi kuasa kepada Menteri.

Akta ini atau *situation* ini bukan satu *situation* yang statik dan bukan dalam semua keadaan kita boleh mari ke Parlimen untuk menggubal undang-undang. So kadang-kadang kita kena bagi kuasa kepada Menteri. Akan tetapi *not on all substantive issues* dan pada saya denda ini *is a substantive issue.* So saya rasa Menteri hendak ada kuasa. Kecuali dia boleh buat cadangan kepada Dewan Negara atau Dewan Rakyat dan sebagainya. *So this is why,* tadi *I* cadang kalau sekarang tidak boleh, *that mean* kalau tidak boleh melalui fasal 28, *I* rasa tidak boleh. So, *I* cadang *next sitting* kah apa, bawa satu *punishment* yang lebih berat, itu cadangan saya.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Pohon mencelah Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat akhiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bersetuju atau tidak, okey *offences* itu RM100,000 tapi kita letakkan KPI kepada agensi ini supaya yang RM100,000 itu contohnya kita ambil 10 peratus daripada RM10,000 itu, kita RM100,000 itu kita bagi kepada agensi ini dan mereka ini diberi bonus sekiranya banyak tangkapan yang dibuat dan mereka ini boleh menggunakan wang itu untuk membeli *equipment-*

equipment supaya mereka lebih agresif dari segi tangkapan. Supaya mereka lebih berminat untuk *to chase after the offences*. Yang Berhormat bersetuju kalau kita buat begitu. Okey *RM100,000* kita *fix RM RM100,000* tapi kita letakkan KPI. *You reach RM1 million we give you RM200,000* contohnya kepada agensi ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya kalau tanya pendapat saya, saya anggap soalan ini sebagai dua aspek. Satu boleh tidak kita mengadakan satu sistem untuk menggalakkan agensi-agensi supaya dia lebih efektif dan sebagainya. Itu saya menggalakkan.

■1530

Itu terpulung kepada menteri pun fasal 28 pun kalau tidak ada fasal 28 pun, kementerian sendiri boleh buat, *rewarding informers* ataupun *equipment* dan sebagainya. Itu saya menggalakkan skim sedemikian. Pada saya lagi baik fasal sudah banyak agensi. *Inter-agency rivalry* pun pada saya bagus pasal *end of the day* kalau ada *inter-* pertindihan lain antara agensi. Maksud saya *inter-agency rivalry* bagus bukan pertindihan. Akan tetapi secara spesifik sama ada boleh pakai duit *RM100,000* ini jawapan saya tidak boleh. Pasal dari kefahaman saya, sebarang denda yang dikenakan oleh mahkamah akan pergi kepada *Consolidated Funds*.

So, kementerian tidak boleh ambil duit dari *Consolidated Funds* kecuali melalui *Budget allocation* ataupun *virement* mungkin boleh. *I'm not too sure* tetapi saya tahu dari *Consolidated Funds* kalau you hendak pakai kita tidak boleh ambil denda itu, cuma melalui *Budget allocation*. Jadi itu terima kasih kepada soalan tadi.

Dari sini kita semua nampak semua orang yang berbahas sebelum ini kita anggap penyeludupan ini sebagai satu masalah yang betul-betul mengancam keselamatan negara kita termasuk kita di sini. Saya sokong segala usaha untuk membendung penyeludupan. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa kita sudah terhad sangat. Jadi minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya hendak pesan sedikit kepada keluarga saya di sini berbalik semula kepada agama akhir supaya mereka ini beriman. Cubalah ikut syarahan agama. Keyakinan iman paling utama menjadi benteng untuk selama-lama, dapat menahan godaan menjelma. Agama itu penting dan akhir sekali saya minta Yang Berhormat Menteri.

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada seramai lebih kurang lima orang Ahli yang telah berbahas.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya hendak tahu kenapa saya tidak diberi peluang untuk bercakap? Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya tidak kenapa saya tidak diberi peluang untuk bercakap? Sila jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bagi nama untuk bercakap, kenapa saya tidak diberi peluang untuk bercakap?

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah lima orang bercakap, oleh kerana masa.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita minta maaf. Memang saya hendak bagi semua tetapi baik-baik semua isu yang ditimbulkan, isu bagus. Oleh kerana ramai lagi dan masa kita terhad. Sila. Itu pun saya curi masa. Sila Yang Berhormat. Jadi terima kasih banyak atas minat itu. Saya senang hati. Sila Yang Berhormat.

Dato' Masir Kujat: Okey, saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Jadi beberapa orang Ahli telah juga membuat pencelahan dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada yang telah menyokong akta yang dibentangkan sebagai Rang Undang-undang AKSEM.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dari Kuching, Sarawak bertanya kepada Ketua Menteri mengapa Ketua Menteri Sabah dan Sarawak tidak disenaraikan dalam jawatankuasa peringkat tertinggi dan juga beliau mencadangkan Jabatan Perhutanan Sarawak, Jabatan Ukur dan Pemetaan serta SUK Sabah dan Sarawak disenaraikan sebagai ahli penyelaras.

Ketua Menteri Sabah dan Sarawak boleh di undang untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menasihati apa-apa perkara yang dibincangkan walaupun tidak disenaraikan dalam Anggota Jawatankuasa Peringkat Tertinggi. Ini adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 6(3) rang undang-undang ini di mana Jawatankuasa Peringkat Tertinggi boleh mengundang mana-mana orang bagi mengetuai jawatankuasa tersebut.

Begitu juga di bawah subseksyen 9(3), Jawatankuasa Penyelaras boleh mengundang mana-mana orang bagi mengetuai jawatankuasa tersebut. Sehubungan itu, tidak terdapat apa-apa halangan bagi kedua-dua jawatankuasa untuk menjemput mana-mana pihak yang bukan ahli jawatankuasa untuk hadir sama dalam mesyuarat-mesyuarat yang akan diadakan kelak.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat? Boleh? Sehubungan dengan itu saya masih lagi berpendapat bahawa agensi-agensi seperti Menteri Besar yang terlibat dengan sempadan darat antarabangsa contohnya Menteri Besar Kedah, Menteri Besar Kelantan, Menteri Besar Perlis mereka sepatutnya berada di dalam Jawatankuasa Peringkat Tertinggi termasuk juga Ketua Menteri Sarawak.

Bagi saya, dengan hanya memanggil untuk turut hadir dalam mesyuarat itu tidak menggambarkan kekuatan agensi ini. Jadi saya berpendapat masih lagi kita perlu memasukkan mereka ini ke dalam Jawatankuasa Peringkat Tertinggi. Itu cadangan saya atau pandangan saya.

Keduanya, agensi yang sangat penting kita tinggalkan iaitu Jabatan Ukur dan Pemetaan. Mereka yang menentukan sempadan, mereka menentukan sahnya sempadan dan mereka ialah orang yang membuat pemetaan dan diterima pakai oleh Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Mereka ditinggalkan. Saya rasa itu tidak menjadi suatu perkara yang baik dan tidak dilihat sebagai *inclusive*. Itu pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Masir Kujat: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang tadi saya sudah katakan bahawa dalam Ahli Jawatankuasa Penyelaras dan Tertinggi kita boleh jemput, boleh undang dan juga boleh menjemput mereka sebagai anggota mesyuarat tersebut dan kita akan ambil maklum perkara ini.

Ketiga, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili juga bertanya kaedah terbaik bagi kawalan sempadan di Sabah dan Sarawak memandangkan ia melibatkan kawasan sempadan yang agak luas. Bagi memperkukuhkan kawalan sempadan di Sabah dan Sarawak di antara kaedah

dalam perancangan kementerian adalah seperti berikut, iaitu kita mengenakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui gabungan kekuatan dan kepakaran dari pelbagai agensi. Juga kita menggunakan teknologi seperti dron, CCTV pintar dan mesin pengimbas dan juga penyertaan penduduk setempat bersama agensi penguat kuasa akan dipertingkatkan melalui *psychological warfare*, dengan izin.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim mencadangkan agensi lain seperti APM, RELA, ATM dan juga SPRM dilibatkan bersama bagi membantu dalam pengoperasian AKSEM. Pegawai lain agensi di kalangan pegawai awam boleh dilantik mengetuai AKSEM jika difikirkan perlu seperti mana diperuntukkan di bawah subseksyen 13(1)(F) dalam rang undang-undang ini. Jadi tidak ada masalah Yang Berhormat Senator. Kita boleh melantik mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan, apakah status cadangan untuk mendirikan tembok sempadan Malaysia dan Thailand. Jawapannya adalah pembinaan pagar sempadan negara di bawah penyelarasan pihak Majlis Keselamatan Negara atau MKN yang sedang melalui perundingan dan persetujuan bersama Malaysia dengan Thailand. Jadi saya ingat perkara ini akan dibawa oleh pihak MKN.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas mencadangkan supaya AKSEM dilengkapi dengan prasarana moden seperti kenderaan pacuan empat roda, radar, satelit dan juga lain-lain. Penggunaan teknologi ini sebagai antara usaha bagi mempertingkatkan tahap keselamatan di sempadan sememangnya berada dalam perancangan kementerian. Penggunaan teknologi seperti ini akan dapat membantu agensi-agensi penguatkuasaan untuk melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan serta dapat mengurangkan kebergantungan kepada anggota penguat kuasa semata-mata. Namun begitu, perkara ini akan bergantung kepada keupayaan kewangan negara memandangkan yang memerlukan peruntukan yang agak tinggi.

Yang Berhormat juga mencadangkan untuk mewujudkan SOP yang jelas dan terperinci dalam menjaga keselamatan sempadan supaya anggota pelaksana jelas dan tiada konflik berlaku yang menyebabkan tindakan diambil kepada anggota AKSEM. Suatu perintah tetap yang selaras dengan peruntukan rang undang-undang ini akan dibuat bagi memperincikan tentang kawalan am tugas dan juga tanggungjawab pegawai AKSEM.

■1540

Ini bagi memastikan pegawai AKSEM dapat melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan cekap dan juga berkesan. Selain itu, sesuatu SOP juga akan dibuat bagi maksud koordinasi dengan agensi penguatkuasaan yang lain khususnya yang beroperasi di sempadan darat negara kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan menyatakan hukuman bagi pelanggaran obligasi kerahsiaan di bawah sub seksyen 21(2) tidak bersifat *deterrent* dan sepatutnya lebih *severe*. Peruntukan seksyen 37, Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776] memperuntukkan hukuman yang sama. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat diambil maklum dan akan dikaji oleh Kementerian.

Saya ingat itu saja yang saya dapat jawab, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan, sekali lagi, banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Tabung Angkatan Tentera ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan faedah-faedah persaraan yang lebih baik kepada askar lasykar angkatan tetap yang didaftarkan pada atau selepas 1 Ogos 1972 dan kepada pegawai angkatan tetap melalui pindaan Akta 101 pada tahun 2015.

Pada masa sekarang, seseorang askar lasykar yang menamatkan perkhidmatan secara tidak berpencen boleh mengeluarkan kesemua caruman di dalam Tabung Angkatan Tentera secara sekali gus iaitu 10 peratus caruman individu dan 15 peratus caruman kerajaan. Golongan ini tidak menerima imbuhan saraan bulanan seperti mana askar lasykar berpencen.

Bagi seseorang pegawai yang menamatkan perkhidmatan secara tidak berpencen pula, di samping boleh mengeluarkan caruman individu di dalam LTAT, mereka akan diberi pilihan sama

ada untuk menerima ganjaran tamat perkhidmatan atau caruman kerajaan di dalam Tabung Angkatan Tentera. Golongan ini juga tidak menerima imbuhan saraan bulanan seperti mana pegawai-pegawai yang berpencen.

Susulan daripada persetujuan daripada Jemaah Menteri dan mengambil kira faedah jangka panjang yang bakal diterima, maka pindaan telah dibuat kepada Akta 101 bagi mewujudkan satu faedah kepada pegawai dan askar lasykar yang tidak berpencen yang dikenali sebagai Skim Anuiti Veteran atau SAVe. Skim baru ini dicadangkan bertujuan untuk mengekalkan taraf sosioekonomi golongan ini melalui pemberian pendapatan tetap secara bulanan yang sekali gus diharap dapat menjamin kebajikan pegawai dan askar lasykar yang tidak berpencen termasuk keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2017 ini bertujuan untuk meminda seksyen 2, seksyen 3, seksyen 9, seksyen 9A, seksyen 22 dan menambah seksyen 15D kepada Akta 101.

Pindaan yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan tentang pembayaran anuiti kepada askar lasykar yang diberhentikan daripada perkhidmatan dan pegawai yang telah menamatkan kurang daripada 20 tahun perkhidmatan dan memilih untuk menyertai Skim Anuiti Veteran. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan menghendaki supaya potongan gaji bagi caruman askar lasykar yang berkelayakan pencen diteruskan jika perkhidmatan mereka disambung sehingga mereka diberhentikan daripada perkhidmatan dalam angkatan tetap Malaysia.

Cadangan rang undang-undang ini mengandungi perkara-perkara seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif baru "Skim Anuiti Veteran" ke dalam Akta.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 101 untuk membenarkan Tabung diguna untuk pembayaran anuiti di bawah Skim Anuiti Veteran.

■1550

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 9(3), Akta 101 untuk memperuntukkan bahawa caruman seseorang askar-lasykar yang berkelayakan untuk pencen hanya boleh terhenti apabila dia diberhentikan daripada perkhidmatan dengan angkatan tetap Malaysia dan pembayaran yang dibuat kepada tabung daripada Kumpulan Wang Disatukan di bawah subseksyen 9(2), Akta 101 hendaklah terhenti dibuat.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 9A, Akta 101 untuk memasukkan subseksyen baru (3A), untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang pegawai yang telah menamatkan kurang daripada 20 tahun perkhidmatan memilih untuk menyertai skim anuiti veteran, nilai caruman daripada Kumpulan Wang Disatukan yang direkodkan mengikut subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam tabung bagi kredit akaun pegawai ini.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 12, Akta 101 untuk memasukkan subseksyen bagi (1A) untuk memperuntukkan bahawa berkenaan dengan askar-lasykar dan seseorang pegawai yang baginya skim anuiti veteran terpakai, hanya caruman askar-lasykar dan pegawai itu dan dividen yang ditentukan boleh dikeluarkan. Caruman daripada Kumpulan Wang Disatukan hanya boleh

dikeluarkan apabila kematian askar-lasykar dan pegawai itu atau dalam hal keadaan yang diluluskan oleh Lembaga.

Fasal 8 bertujuan memasukkan seksyen baru 15D ke dalam Akta 101 untuk memperuntukkan tentang penubuhan skim anuiti veteran, penentuan kuantum anuiti dan pemberhentian pembayaran anuiti.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 22(aa) untuk membenarkan Lembaga dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan pelaksanaan skim anuiti veteran.

Fasal 10 bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan kecualian yang berhubung dengan pemakaian skim anuiti veteran bagi seseorang askar-lasykar yang masih berkhidmat dengan angkatan tetap dan tidak memilih untuk menyertai skim anuiti veteran pada tarikh akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Silakan Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B).

3.54 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk membahaskan suatu akta meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, D.R. 31/2017.

Saya mewakili semua veteran mengucapkan penghargaan dan terima kasih pada Kementerian Pertahanan dan Menteri yang telah mengilhamkan inisiatif baru di dalam merealisasikan perjuangan untuk membela dan mengubah nasib veteran yang tidak berpencen iaitu seramai 178 ribu orang dan juga yang berpencen seramai 113 ribu orang. Saya mengalu-alukan usaha Yang Berhormat Menteri Pertahanan mewujudkan lima teras kementerian. Satu daripadanya ialah menjaga kebajikan warga tentera dan juga veteran tentera. Veteran sedia maklum bahawa kerajaan sungguh prihatin menjaga dan mengawal selia kebajikan veteran melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran. Setakat ini, kementerian memperuntukkan sebanyak RM3.28 bilion untuk mengurus pencen, mengurus perubatan, kos sara hidup dan juga kebajikan veteran.

Veteran juga saya rasa bernasib baik kerana kerajaan juga melalui NBOS 7 memperuntukkan pembinaan 100 buah rumah baru dalam harga RM45,000 dan juga bantuan pembaikan rumah tiap-tiap tahun. Memandangkan masih ramai veteran menunggu giliran memiliki rumah NBOS iaitu seribu lebih veteran yang menunggu sedang memohon, saya juga mencadangkan kepada kementerian untuk memberi keutamaan pada veteran, terutama yang mengalami bencana rumah terbakar dan juga mencadangkan kita tambah kuota 100 itu kepada 200

pembinaan rumah baru. Veteran di negara ini juga bernasib baik kerana LTAT telah banyak iaitu melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah banyak menerima manfaat seperti berikut:

- (i) faedah yang diperoleh para pencarum adalah termasuk bayaran dividen dan bonus tahunan yang di kumpul dan dibayar sekali gus kepada mereka apabila tamat perkhidmatan dengan angkatan tentera. Juga perlindungan di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya dan kemudahan Skim Pengeluaran Perumahan bagi tujuan membeli rumah dan tanah;
- (ii) selain dari faedah pembayaran dividen yang tinggi, perbadanan-perbadanan milik LTAT turut menawarkan faedah-faedah lain seperti pembinaan rumah-rumah mampu milik, penjualan barangan ruji pada harga yang lebih rendah dari pasaran serta program-program latihan dan keusahawanan yang disediakan khusus untuk kebajikan warga ATM dan veteran ATM serta keluarga mereka; dan
- (iii) di bawah pelbagai program CSR sehingga kini LTAT dan syarikat kumpulannya serta yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah menyumbang sebanyak RM398 juta bagi membiayai pelbagai program biasiswa dan kebajikan lain kepada lebih 131,600 warga ATM yang masih berkhidmat, veteran ATM dan juga ahli keluarga mereka yang layak.

Rang undang-undang 31/2017 harus dipinda hasil daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa perhimpunan veteran ATM pada 31 Julai sempena Hari Pahlawan. Enam insentif telah diumumkan iaitu:

- (i) Bantu Bakti Negara (BBN);
- (ii) Skim Anuiti Veteran (SAVE) yang termasuk dalam rang undang-undang ini;
- (iii) penambahbaikan Skim Pencen Hilang Upaya bagi veteran ATM yang tidak mendapat pencen perkhidmatan;
- (iv) insentif Veteran Kelainan Upaya Tabung Pahlawan (PVATM); dan
- (v) penambahan kuota ibadah haji bagi veteran ATM- kalau dulu 100, kali ini Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak 400.

Jadi, kalau kita lihat Skim Anuiti Veteran iaitu SAVE, SAVE ini adalah satu bentuk jaringan keselamatan sosial yang menjanjikan insentif kewangan secara bulanan kepada bakal veteran ATM yang tidak berpencen melalui caruman bulanan kerajaan yang dilaburkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

■1600

Jumlah caruman dan baki dividen ini juga akan diserahkan oleh kerajaan kepada waris yang layak apabila seorang veteran itu meninggal dunia.

Mengapa Skim Anuiti Veteran (SAVE) ini diwujudkan dan juga faedah-faedahnya. Askar lasykar selain seorang pegawai yang didaftarkan dalam Angkatan Tetap Malaysia yang menamatkan perkhidmatan kurang daripada 21 tahun tidak berkelayakan untuk dibayar pencen perkhidmatan. Jadi mereka inilah akan menjadi seorang awam menghadapi pelbagai permasalahan

sosioekonomi seperti berikut yang telah pun dialami oleh seramai 178,000 orang yang telah lama bersara. Jadi faedahnya ialah yang kita lihat ialah:

- (i) peningkatan kos sara hidup;
- (ii) masalah pembiayaan pendidikan anak-anak, pinjaman perumahan dan lain-lain;
- (iii) pendapatan bulanan yang tidak tetap dan tidak menentu;
- (iv) penurunan taraf kualiti hidup;
- (v) kuasa membeli ataupun *purchasing power* yang menurun kerana pendapatan yang tidak terjamin; dan
- (vi) luahan-luahan kesusahan dan keperitan hidup veteran yang tidak berpencen.

Faedah-faedah SAVe ini:

- (i) askar lasykar yang menamatkan perkhidmatan awal akan menerima pendapatan tetap secara bulanan sehingga akhir hayat— ini adalah satu skim yang baik untuk mereka yang tidak berpencen;
- (ii) ia memberi pulangan jangka masa panjang yang lebih baik dengan pengurusan pelaburan yang lebih profesional oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera;
- (iii) pengurusan kewangan askar lasykar akan lebih terjamin dan terurus. Inilah yang kita perlukan iaitu satu jaminan bahawa pengurusan kewangan askar lasykar akan sentiasa terjamin;
- (iv) menjamin kebajikan askar lasykar dan keluarga bagi mereka yang menamatkan perkhidmatan awal; dan
- (v) jaminan hidup askar lasykar akan lebih sejahtera secara *self reliance* tanpa bergantung kepada kerajaan.

Anggota yang terlibat dalam SAVe ini iaitu pelaksanaan secara mandatori akan dikuatkuasakan kepada semua askar lasykar yang memasuki perkhidmatan ATM selepas tarikh kuat kuasanya pindaan akta ini. Jadi bagi askar lasykar sedia ada dan akan menamatkan perkhidmatan dalam masa terdekat hari ini akan diberi opsyen. Ini adalah satu cara yang demokratik di mana dia diberi opsyen untuk memilih untuk faedah SAVe ataupun skim sedia ada.

Jika askar lasykar menolak SAVe dan memilih skim sedia ada mereka tidak boleh memilih untuk kembali kepada SAV setelah mereka menamatkan perkhidmatan nanti. Bagi pegawai yang akan menamatkan perkhidmatan dengan tidak berpencen, mereka akan diberi pilihan untuk menerima ganjaran tamat perkhidmatan iaitu GTP atau memilih untuk menyertai SAVe ini. Pegawai dalam perkhidmatan ATM tidak akan diwajibkan untuk menyertai SAV kerana ini memandangkan jumlah GTP yang bakal diperoleh adalah lebih tinggi daripada jumlah terkumpul caruman kerajaan di dalam LTAT. Bagi tujuan pelaksanaan SAV ini maka Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, Akta 101 perlulah dipinda.

Saya ingin mengambil kesempatan ini dan menyentuh tentang rentetan veteran yang berpencen kerana saya rasa saya hendak usulkan pada kementerian untuk menyemak dan juga

menyelaraskan jurang dan perbezaan pencen antara veteran sama pangkat. Sebelum saya akhirkkan perbincangan ini saya hendak pantun sedikit.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat Tan Sri mohon mencelah.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Boleh silakan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya lebih melihat kepada realiti rakan-rakan askar yang berpencen dan tidak berpencen ini. Yang Berhormat menyatakan tadi 178,000 yang akan mendapat manfaatnya. Yang Berhormat juga menyatakan bahawa masalah veteran ini yang tidak ada wang, anak-anak mereka, mereka sakit, tidak ada cukup perumahan yang baik ini merupakan satu masalah sejagat Yang Berhormat, bukan sahaja kepada askar malah kepada rakyat biasa juga.

Yang Berhormat bersetuju atau tidak sekiranya kita menyatakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari ini supaya dalam askar ini juga ada yang berjalan merata kampung, masuk rata kampung dan menuduh kerajaan yang bukan-bukan. Mereka ini mendapat *benefit*, dengan izin daripada kerajaan kita dan di kampung saya sendiri berlakunya. Orang pencen ini juga bukannya kata miskin adanya yang telah berniaga dan telah berjaya dan anak-anak mereka juga telah berjaya.

Oleh sebab itu mereka yakin mereka keluar dan mereka berkempen *against the government of the day*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat saya hendak tumpang bertanya kepada Yang Berhormat dan tumpang hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang akan dibuat oleh kerajaan berhubung dengan mereka-mereka ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi kerana menanyakan atau juga prihatin dengan keadaan veteran. Memanglah bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pada 31 Julai baru-baru ini memang kerajaan prihatin sangat dengan 178,000 yang tidak berpencen itu. Jadi dalam itu 66,000 sedang menerima BR1M tiap-tiap tahun, RM1,200.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tambah lagi RM1,200 untuk diberi tiap-tiap tahun kepada golongan yang menerima BR1M ini. Kami juga mencadangkan mereka ini tidak berpencen apabila berumur 60 tahun. Mereka juga diberi satu yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu RM600 sebagai kenangan jasa mereka berkhidmat di dalam angkatan tentera. Ini adalah pengumuman-pengumuman buat ini mengikut kemampuan kerajaan sedia ada mengikut dalam kekangan kewangan kerajaan masih lagi mengumumkan beberapa imbuhan dan insentif pada veteran-veteran kita.

Jadi memang inilah untuk tujuan pertama ialah kepada golongan ataupun kelompok yang tidak berpencen ini yang telah pun saban hari mengusulkan rentetan keluhan mereka terhadap kerajaan dan ada yang menyatakan kerajaan tidak prihatin langsung tentang permohonan dan juga kedudukan mereka.

Akan tetapi saya rasa sebagai juga memegang jawatan Presiden Persatuan Veteran ATM yang tertua dan terbanyak sekali ahli iaitu 160,000, saya sendiri telah turun padang dan bersama-

sama melihat keadaan ini dan juga sentiasa bersama Kementerian Pertahanan juga bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum iaitu juga Menteri yang diberi yang khusus menjaga hal ehwal veteran. Bersama mencari pendekatan dan apa sahaja untuk meringankan kedudukan veteran-veteran kita.

Jadi kemungkinan kerajaan masih ada lagi apa yang dipanggil pendekatan untuk meringankan bebanan ataupun kedaifan yang sedang dirasakan oleh segelintir bukan banyak masih lagi ada tetapi saya rasa kita boleh mengatasi berperingkat-peringkat untuk meringankan kedudukan yang sedia ada.

■1610

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya nak pantun. Ini harus kita tujukan kepada mereka yang berpencen. Mereka juga dalam kita terima maklum balas daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka juga ingin diberi pengiktirafan *because* ada satu masalah di mana mereka yang sama pangkat menerima pencen yang ruang perbezaannya sangat telah pun mula melebar. Jadi, pantun ini berbunyi sedemikian.

*Semboyan jelas berbunyi,
Sepuluh blueprint veteran diumumkan diberi,
Rangkaian enam insentif memecah sunyi,
Satu blueprint yang berpencen ditunggu untuk diberi.*

Sekian, terima kasih. Saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sedia menjawab? Hanya seorang yang berbahas. Silakan.

4.11 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Yang Berhormat yang telah turut serta dalam membahaskan rang undang-undang ini. Pertama, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Ini bekas kita punya PAT, veteran dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, bukan veteran.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita kena lihat daripada semangat pindaan kepada rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini dibuat ialah untuk mereka yang tidak berpencen. Tidak berpencen maknanya mereka berhenti sebelum 21 tahun. Sepatutnyalah, sepatutnya mereka yang berhenti ini kita tak perlu bantu mereka lagi kerana mereka berhenti dengan kerelaan hati mereka dulu. Akan tetapi oleh kerana kita lihat mereka berminat untuk mendapatkan *saving*, caruman daripada kerajaan dan juga caruman mereka sendiri 10 peratus dan 15 peratus. Jadi mereka dapat duit itu dan buat *business*, yang kena tipu dengan Pak Man Telo pun banyak. So bila duit dah habis, mulalah mereka membuat masalah. Ini adalah satu masalah, bebanan kepada MINDEF.

Oleh itu, kita telah mengambil langkah untuk membantu mereka dengan pindaan ini. Kalau kita tengok daripada pindaan ini, ini akan amat-amat membantu mereka. Apabila mereka berhenti tidak cukup masa, mereka akan hanya dapat mengambil caruman mereka sebanyak 10 peratus. Dulunya 15 peratus campur 10 peratus, 25 peratus. So, yang 25 peratus itu kita akan melabur balik.

Melabur balik maknanya mereka tidak dibenarkan mengambil wang yang dilabur oleh caruman kerajaan itu dan kita akan melaburkan balik dan mereka akan dapat tiap-tiap bulan. Saya ada sikit ringkasan di sinilah. Biasanya sekarang ini kalau bersara, ke depanlah, yang akan bersara ke depan ini, sekurang-kurangnya pangkat Koperal kerana sekarang ini dalam angkatan tentera, kita ada *time base*. Mengikut *time base* enam tahun, enam tahun dia akan naik pangkat dan seterusnya. So biasanya sekurang-kurangnya dia akan berpencen dengan pangkat Koperallah. Kalau yang terbaik itu biasanya akan sekurang-kurangnya Sarjan.

Jadi kalau kita tengok 12 tahunlah, 15 peratus yang dilabur balik oleh kerajaan itu tiap-tiap bulan dia akan dapat. Kalau dia berkhidmat 12 tahun, katakan kita bagi 6 peratus dividen pada tahun itu, dia akan dapat lebih kurang RM286. Kalau 8 peratus, dia akan dapat RM382. Kalau 10 peratus, dia akan dapat RM478 dan sen-senlah. Ini yang kita buat tetapi kalau rekod LTAT, pada tahun 2012 kita bagi dia punya dividen, ini saya bagi lima tahun, sebanyak 16 peratus.

Itu saya sebut tadi yang paling tinggi 10 peratus, ini 16 peratus. Tahun 2013- 16 peratus. Tahun 2014- 15 peratus. Tahun 2015- 12 peratus, dan tahun 2016- 12 peratus. Maknanya melebihi. Ini jangkaan kita. Maknanya sekurang-kurangnya akan dapat begitu. Kalau pencen, kalau dia berkhidmat 18 tahun, dia akan dapat lebih kurang RM800 sebulan. Jadi maknanya dia akan dapat duit ini tiap-tiap bulanlah walaupun dia tidak bersara. Sama seperti orang berpencen dan apabila dia meninggal, barulah duit caruman 15 peratus tadi yang disimpan itu akan diberi kepada waris dia.

Jadi maknanya daripada segi kebajikan dia itu terjagal. Jadi tidak timbul lagi masalah-masalah kononnya tidak ada peruntukan dan sebagainya, tidak ada orang kata apa bantuan dan sebagainya. Ini ialah sebagaimana orang yang berpencen, sebagai bantuan yang dibuat oleh kerajaan di samping yang lain-lain lagi. LTAT kita setakat ini seperti mana Tan Sri kata tadi ada RM300 juta lebih, yang kita bagi dalam bentuk bantuan persekolahan dan lain-lain lagilah. Ini ialah sebahagian daripadanya. So itulah semangat yang kita nak buat, jadi itulah dia punya inti pati kepada pindaan ini. Jadi untuk kita mendapat kebenaran untuk melabur balik duit ini dan tiap-tiap bulan mereka yang akan bersara ini akan dapat. Jadi, itu Yang Berhormat.

Ini satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan jurang pencen antara yang dulu dan yang sekarang ini. Ini yang berpencen, yang berpencen ini memanglah. Kalau PAT sekarang ini, PAT sebagai contoh dia macam kita kata Tan Sri Ghazzali Sheikh yang masih hidup, dia bersara dulu dengan yang bersara baru-baru ini Datuk Zul, Tan Sri Zul, memang jurang dia jauh. So kalau kita kata 10 tahun lagi, pencen Tan Sri Zul sekarang dengan PAT yang akan pencen 10 tahun lagi akan lagi beza. Sama juga dengan perkhidmatan yang lain.

Guru Besar- Guru Besar yang pencen dulu dengan pencen sekarang. Pegawai CPO yang pencen dulu dengan CPO yang pencen sekarang dah berbeza pasal ini ialah untuk berpencen. Untuk perkhidmatan pencen ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, jadi ini luar daripada kita punya bidang kuasa. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengambil beratlah tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh veteran-veteran kita. *Alhamdulillah* setakat ini saya rasa banyak yang telah kita bantu mereka. Kalau yang ada masalah itu memang masalahlah, yang itu kita tak boleh buat apa-apa dah. Pasal apa, kita memang dah bantu dia.

Baru-baru ini, *recently*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan RM55 juta yang *injured* masa darurat. Ada yang dapat paling rendah ialah RM2,000, *average* RM15,000, yang paling tinggi dapat RM70,000 lebih. Jadi banyak lagi yang telah kita bantu, ini sebahagian daripada apa yang sedang kita buat. Akan tetapi banyak lagi yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan oleh Menteri dalam masa yang terdekat ini untuk kebajikan veteran-veteran kita.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terlebih dahulu saya nak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kerana bila sebut sahaja pencen, orang akan nampak muka Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana kalau kita baca surat khabar atau tengok berita, sebut sahaja orang pencen nampak muka Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum. Begitulah sinonimnya Dato' Seri dengan orang-orang pencen ini dan di kampung saya pun sama juga. Mereka tak kenal pun Menteri-Menteri penuh ini, itu yang bimbang saya ini. Depa tak kenal Menteri penuh, depa kenal Timbalan Menteri lagi. Punya hebatnya Timbalan Menteri Pertahanan ini. Cuma soalan saya, tadi Yang Berhormat sebut tadi berhubung dengan perumahan untuk askar-askar ini. Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, banyak manakah penyelesaian daripada segi perumahan kepada mereka yang berpencen ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini di luar kita punya perbincangan. Kalau ikut kita punya kesesuaian dengan kita punya perbincangan ini ialah di bawah 35(1), kita hanya bincang benda-benda yang dalam perbincangan kita tetapi Yang Berhormat cakap ini benda yang agak di luar.

■1620

Akan tetapi, walau bagaimanapun, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, semua sudah keluar tadi saya tengok tajuk ini. Kalau kita tengok daripada 35(1), hanya perkara-perkara yang ada tetapi tidak apa. Benda-benda ini dibangkit. Akan tetapi sebenarnya bab perumahan ini memang kita sudah ada rancangan untuk membina rumah, LTAT membina rumah. So, sekarang ini rumah di bawah tanah-tanah ATM sekarang pun kita akan hadkan sebahagian daripada tanah-tanah dalam kawasan kem atau untuk dibina rumah. Masalahnya macam di Sungai Petani dia ada beribu-ribu kita punya kawasan- kem-kem kita memang besar, beribu-ribu ekar.

So, kita ambil dalam 20 ekar, kita akan membangunkannya. Rumah-rumah ini akan dijual kepada Angkatan Tentera yang berkhidmat sebanyak 70 peratus dan kepada yang bersara itu sebanyak 30 peratus. Jadi ini dalam proses. Benda ini sudah diumumkan oleh Menteri baru-baru ini. Benda ini dalam proses yang kita sedang buatlah.

So, sekarang ini kita haraplah kepada pihak-pihak- fasal itu tidak payah lagilah hendak buat *land swap*, ambil tanah-tanah kem askar ini, cukup. Jadi kem-kem askar ini akan dibina rumah dan kita pastikan apabila seseorang pegawai tentera atau askar yang masuk tentera apabila dia bersara, sekurang-kurangnya dia sudah ada rumah. So, *planning* ini sudah kita buat. *Insyaa-Allah* akan dijalankan dan diteruskan dan kita sudah kenal pasti tempat-tempat yang akan kita bina rumah-rumah ini untuk Angkatan Tentera dan juga yang bersara.

Mana yang bersara pun kita bagi peruntukkan sebanyak lebih kurang 30 peratuslah dan sudah pasti rumah ini akan lebih murah kerana tanah itu ialah tanah ATM. Jadi kos tanah tidak kena. Di samping itu juga kita sedang bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri. Jadi kerajaan negeri akan beri tanah dan kita akan bina rumah itu dan rumah itu akan dijual dengan harga yang murah kepada anggota kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas, Persidangan Dewan Negara 2017 sudah pun sampai ke penghujung setelah perbahasan selama enam hari dari 14 sehingga 22 Ogos 2017. Saya berasa amat bersyukur kepada Yang Maha Berkuasa kerana dapat menyempurnakan Mesyuarat kita dengan jayanya.

Saya berasa bersyukur kerana Dewan yang mulia ini dapat meluluskan 19 rang undang-undang pada kali ini.

Saya mengucapkan tahniah di atas kesungguhan yang diperlihatkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam sesi perbahasan serta sikap bertanggungjawab yang diperlihatkan sepanjang persidangan ini berlangsung.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang bakal tamat tempoh khidmat sebagai Ahli Dewan Negara, saya mengucapkan penghargaan di atas perkhidmatan sekian lama. Mereka adalah Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal; Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai.

Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut, harapan saya adalah jangan sama sekali berhenti dari terus menabur jasa kepada bumi tercinta ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah membantu saya dalam menjalankan tanggungjawab untuk mempengerusikan Persidangan Dewan Negara. Selain itu, tidak lupa warga kerja Parlimen

terutamanya Setiausaha Dewan Negara serta pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara yang telah bertungkus-lumus untuk menyempurnakan Persidangan Dewan Negara.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-60 kepada semua Ahli Dewan dan warga Parlimen, dan juga Selamat Hari Raya Haji kepada semua yang beragama Islam. Saya berharap suasana sambutan tersebut akan diceriakan lagi dengan kejayaan gemilang dalam Sukan SEA yang sedang berlangsung di bumi yang tercinta.

Dengan kata-kata itu, maka tertangguhlah Dewan ini sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.28 petang]